



Hujung Minggu

فليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.04 | SUBUH 5.14 | SYURUK 6.32 | DUHA 6.54 | ZUHUR 12.34 | ASAR 3.50 | MAGHRIB 6.33 | ISYAK 7.43

Daerah Belait ditambah 3 minit  
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 26

1 MAC 2025 / 1446 شعبان 30

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU / PERCUMA

مانیسش ایمان

"DAN bagi Allah al-Asma'ulhusna (nama-nama yang baik lagi mulia) maka bermohonlah (dengan berdoa) kepada-Nya dengan menyebut nama-nama itu."  
- Firman Allah Subhanahu Wata'alá dalam Surah Al-A'raf, ayat 180

## MEMPERKENANKAN PERSIDANGAN DUA KALI SETAHUN

Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 26 Februari. - Integriti dan kewibawaan setiap Ahli Majlis adalah diukur pada kemampuan masing-masing untuk berfikir secara terbuka, berunding secara teratur dan bertindak proaktif demi kepentingan negara.

Peranan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara adalah untuk membahas perkara-perkara utama, termasuk memberikan maklum balas terhadap setiap dasar kerajaan supaya benar-benar menghasilkan impak positif terhadap kesejahteraan rakyat.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Melihat akan perkara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah memperkenankan bagi perubahan terhadap kekerapan persidangan majlis tersebut, iaitu



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.**

kepada dua kali setahun bermula tahun ini. Ini termasuk pengemaskinian ke atas prosedur dan proses kerja menurut Peraturan Majlis Mesyuarat (Standing Orders) bagi setiap ahli untuk mempraktikkan sepenuhnya.

Dalam perkara berkaitan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga melihat akan keperluan bagi penggubalan Kod Etika Ahli-ahli Majlis dalam melaksanakan tugas dengan lebih berkesan dan berintegriti tinggi.

>> Muka 6

## Berangkat merasmikan, menunaikan Solat Jumaat pertama di Masjid An-Na'im



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung bagi menandatangi plak dan diiringi dengan laungan Takbir 'Allahu Akbar' sebanyak tiga kali yang dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama sebagai petanda perasmian pembukaan masjid baharu berkenaan sebagai Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkabau. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas (Lihat muka 3 hingga muka 4).**



## Berita Utama



NDB mula berpuasa pada 2 Mac

Muka 9



MENGUKUHKAN kesatuan, kerjasama dalam pertahanan ASEAN

Muka 10



MAHKAMAH Syariah terima kunjungan hormat

Muka 23



RENCANA

PEMBELIAN dalam talian ada kebaikan, keburukannya

Muka 37

# KEBAWAH DYMM BERKENAN MENERIMA MENGADAP



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Presiden Mahkamah Besar England and Wales, The Right Honourable Lord Patrick Stewart Hodge yang berada di negara ini bagi mengadakan Lawatan Kerja (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Timbalan Presiden

Mahkamah Besar England and Wales, The Right Honourable Lord Patrick Stewart Hodge yang berada di negara ini bagi mengadakan Lawatan Kerja dengan tujuan untuk mengukuhkan lagi kerjasama yang telah lama terjalin dalam bidang kehakiman di antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan United Kingdom (UK).

Majlis mengadap diadakan di Istana Nurul Iman petang tadi.

Pada majlis mengadap itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan The Right Honourable Lord Hodge telah membincangkan mengenai sesi-sesi ceramah yang disampaikan kepada Jabatan Kehakiman Negara, komuniti perundangan, agensi-agensi kerajaan yang meliputi kementerian-kementerian dan institusi pendidikan mengenai 'The Impact of the Supreme

Court on the Wider Economy' dan 'The Work of the Privy Council', serta kepentingan bagi meneruskan bertukar-tukar ilmu pengetahuan, kemahiran dan amalan-amalan terbaik bagi manfaat kedua-dua buah negara, NBD dan UK.

Menyertai The Right Honourable Lord Hodge, Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British ke NBD, Kapten Jonathan Caple.

Turut hadir, Ketua Hakim Mahkamah Besar, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri

Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Lawatan The Right Honourable Lord Hodge ini menandakan kedatangan julung kalianya seorang ahli kanan daripada United Kingdom Supreme Court and Judicial Committee of the Privy Council (JCPC) ke NBD dan juga merupakan sebagai lawatan timbal balik bagi membalaikunjungan Ketua Hakim Mahkamah Besar ke Mahkamah Besar UK pada bulan Oktober 2024.

JCPC berfungsi sebagai mahkamah rayuan terakhir bagi perkara-perkara sivil di NBD.

## WAKTU SEMBAHYANG

MAC MASIHI	HARI	SYAABAN HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
1	SABTU	30	5.04	5.14	6.32	6.54	12.34	3.50	6.33	7.43
2	AHAD	1 RAMADAN	5.04	5.14	6.32	6.54	12.33	3.49	6.33	7.43
3	ISNIN	2	5.04	5.14	6.31	6.54	12.33	3.49	6.33	7.43
4	SELASA	3	5.04	5.14	6.31	6.53	12.33	3.48	6.33	7.42
5	RABU	4	5.03	5.13	6.30	6.53	12.33	3.47	6.33	7.42
6	KHAMIS	5	5.03	5.13	6.30	6.52	12.33	3.47	6.33	7.42
7	JUMAAT	6	5.03	5.13	6.30	6.52	12.32	3.46	6.33	7.42

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
31 °C	32 °C	32 °C
Pekan Bangar		
31 °C	31 °C	32 °C
23 °C	23 °C	23 °C
Pekan Tutong		
31 °C	31 °C	32 °C
24 °C	24 °C	24 °C
Kuala Belait		
31 °C	31 °C	31 °C
24 °C	24 °C	24 °C
Wallauhala Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

## SIDANG PENGARANG

1 MAC 2025

### Tingkatkan amal ibadah di bulan Ramadan

**RAMADAN** adalah bulan yang penuh dengan keberkatan. Bulan yang mempunyai banyak keistimewaanannya. Bulan yang dipenuhi dengan limpahan rahmat dan rezeki yang dirasai oleh umat Islam. Bulan seperti mana yang disebut oleh Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam yang di dalamnya mengandungi rahmat, keampunan dan pembebasan daripada api neraka. Dalam bulan inilah, kita diperintahkan untuk melaksanakan ibadah puasa. Sesungguhnya bulan Ramadan adalah bulan yang sangat istimewa kerana segala amal ibadah yang dilakukan akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda.

Sesungguhnya ibadah puasa mempunyai hikmah dan rahsia yang tersendiri, antaranya melatih diri menjadi hamba yang bersyukur. Ini kerana semasa berbuka puasa, perasaan syukur pasti akan terbit di dalam jiwa umat Islam yang telah berjaya mengharungi puasa di siang hari dan juga ketika menikmati rezeki yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala iaitu berupa juadah berbuka.

Ramadan juga mengajar kita menantikan waktu untuk beribadah di mana waktu Subuh dan Maghrib menjadi penanda bagi permulaan dan penyudah kepada ibadah puasa. Setiap orang akan peka dengan waktu sahur dan waktu berbuka. Tabiat menanti dan bersabar untuk ibadah seperti ini seharusnya diperlakukan dalam pelaksanaan setiap pekerjaan harian kita. Mudah-mudahan kita akan lebih komited dan peka dengan setiap kerja-kerja yang kita lakukan.

Di dalam bulan Ramadan, marilah kita melazimkan diri kita dengan memperbaikkan membaca Al-Quran, bersedekah, berzikir dan sebagainya. Apa yang penting, kita hendaklah menanamkan perasaan ikhlas semata-mata untuk meraih reda Allah Subhanahu Wata'ala. Mudah-mudahan dengan keikhlasan kita melakukan ibadah amal kebajikan itu akan mendapat balasan yang setimpal daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Akhirnya marilah kita berusaha mempertingkatkan amal ibadah kita di sepanjang bulan Ramadan dan berazam agar amalan yang kita kerjakan di bulan Ramadan akan berterusan di bulan-bulan yang lain. Kita juga berdoa semoga kita tergolong dalam kalangan orang-orang yang ikhlas dalam membuat amal kebajikan dan segala amalan kita diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Sesungguhnya bulan Ramadan ini adalah bulan istimewa kerana pada bulan ini dibukakan pintu-pintu syurga, ditutup pintu-pintu neraka dan syaitan dibelenggu. Justeru, sebagai hamba Allah yang sering melakukan kesilapan dan kekhilafan, janganlah kita melepaskan peluang di bulan yang mulia ini untuk memohon keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala di atas segala dosa dan kesalahan yang telah kita lakukan dan memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya dijauhkan kita dari azab api neraka.

– Ketua Penyuntingan (Ad)

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doaa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جاتن قراغن، جاتن فردان منتری دان چیتقو اوله قرینت قلس سندیرین بحد، نکارابروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# BERANGKAT MERASMIKAN, MENUNAIKAN SOLAT JUMAAT PERTAMA DI MASJID AN-NA'IM



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke masjid baru yang terletak di kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Mengkubau bagi menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat yang pertama di masjid berkenaan. Turut berangkat ialah paduka-paduka anakanda baginda.**

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas

**PANCHOR, MENGKUBAU,** Jumaat, 28 Februari. – Masjid baru yang terletak di kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Mengkubau di sini kini dikenali dengan Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau setelah dibuka rasmi pada hari yang penuh berkat hari ini.

Pembukaan rasmi masjid berkenaan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sekali gus berkenan menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat yang pertama di masjid berkenaan.

Berangkat sama ialah paduka - paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Puasa' disampaikan oleh Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman yang antara lain menerangkan, Ramadan adalah penghulu sekalian bulan, bulan penuh keberkatan, bulan penuh kerahmatan, bulan keampunan, bulan pembebasan daripada api neraka, bulan kemenangan, bulan

tarbiyah, bulan dilipatgandakan pahala, bulan padanya pintu-pintu syurga dibuka seluas-luasnya, bulan padanya pintu-pintu neraka ditutup rapat-rapat, bulan dibelenggu para syaitan, bulan diturunkan Al-Quran dan bulan kita diwajibkan berpuasa.

"Untuk mendapat rahmat, mesti berpuasa, untuk mendapat keampunan, mesti berpuasa. Dan

untuk mendapat syurga, mesti berpuasa, tidak boleh tidak, wajib berpuasa. Tanpa puasa, jangan mimpi untuk mendapat rahmat Allah, untuk mendapat keampunan Allah dan untuk mendapat syurga Allah. Namun, puasa saja-saja, belumlah dapat ditentukan apa hasilnya", tegasnya lagi.

>> Muka 4



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda baginda semasa mendengar Khutbah Jumaat.**



**PENOLONG Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (PDI) semasa menyampaikan Khutbah Jumaat (atas). Manakala gambar kanan, sekitar Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau.**



&gt;&gt; Muka 3

Awang Haji Ahmad Abdussalam dalam khutbahnya seterusnya menyatakan bahawa berdasarkan dari perkhabaran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, bahawa terdapat ramai orang yang berpuasa, tetapi puasa mereka tidak diterima.

Ertinya di sini tambahnya, puasa mereka itu tidak diterima, melainkan yang dapat hanyalah lapor dan dahaga sahaja.

Kerana itu katanya, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam memperingatkan yang bermaksud "Puasa itu perisai. Maka janganlah dia bercakap kotor dan janganlah dia melakukan kelakuan orang-orang jahil. Dan jika ada orang mengajaknya bertengkar atau mencercanya, maka hendaklah dia berkata : Sesungguhnya saya sedang berpuasa, sesungguhnya saya sedang berpuasa."

Lantaran itu, dalam khutbah menggariskan para ulama telah terdorong membutirkan adab-adab berpuasa, seperti memelihara lidah supaya jangan berdusta, jangan mengumpat dan sebagainya.

"Supaya mengekang mata dan telinga dari melihat dan mendengar yang haram dan sia-sia. Dan turut lebih penting, menahan perut dari memakan makanan yang tidak halal atau syubhah, kerana, jika ini berlaku, dikehuti 40 hari ibadah ditolak, tidak diterima. Demikian itu, orang-orang berpuasa wajib mengawal diri dari segala macam benda, atau perkara yang ditegah oleh agama. Kerana semuanya itu, berpotensi merosakkan puasa.

"Dan kerana itu juga, orang berpuasa dituntut untuk bersifat warak. Warak erti dia menjauahkan diri dari perkara haram atau syubhah, dari maklumat dan segala perkara yang sia-sia. Inilah cara untuk menyelamatkan puasa," ujarnya lagi.

Awang Haji Ahmad



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau, Awang Muhammad Saifullah bin Rosli (atas dan bawah kanan).**

Abdussalam seterusnya menambah, dari adanya sifat warak, orang akan menjaga makan minumnya, akan membanyakkan membaca Al-Quran, akan suka kepada tarawih, akan menggemari Qiyamullail, akan sedikit ketawa dan banyak menangisnya, akan sedikit berseronok dan lebih banyak ibadahnya. Itulah orang warak.

Inti pati khutbah selanjutnya menekankan untuk mencari keuntungan berganda, kita lakukan pula Qiyamullail, bangun sembahyang pada tengah malam, yang sangat besar kelebihannya menurut Al-Quran dan Al-Hadis.

Sementara itu katanya lagi, hadis juga turut menyebut akan kelebihan sembahyang tahajjud pada tengah malam.

Seumia ini tegasnya, elok kita direbut dalam bulan Ramadan, kerana pahala dalam bulan Ramadan adalah berlipat ganda.

"Kemudian, sedikit mengenai sedekah, juga menjanji pahala yang sangat hebat. Semua kebajikan dalam bulan Ramadan adalah peluang untuk kita rebut. Jadi, sama-sama kita berazam untuk merebutnya. Namun, adakah kebajikan ini terhenti di bulan Ramadan saja? Tidak, jawabnya tidak.

"Kebajikan ini boleh juga kita amalkan di bulan-bulan lain. Inilah cantiknya Ramadan. Amalan yang dilakukan di bulan Ramadan, jika kita menghayatinya pasti saja kita akan terus melakukan di bulan-bulan lain.

"Amalan seperti memakan makanan halal, bertahajjud, membaca Al-Quran, bersedekah dan bertutur percakapan yang baik dan sopan, semua ini adalah pengajaran yang kita dapat di bulan Ramadan, dan pengamalannya akan melekat di dalam jiwa dan hati, jika betul-betul kita menghayatinya," jelasnya.

Setelah itu, Sembahyang Fardu Jumaat diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau, Awang

Muhammad Saifullah bin Rosli. Sebelum berangkat balik, Kebawah DYMM berserta paduka-paduka anakanda baginda berkenan menerima junjung ziarah daripada para jemaah yang hadir.

Pada Jumaat pertama di hari pembukaan rasmi masjid berkenaan, kehadiran para jemaah begitu memberangsangkan sehingga ke ruang luar masjid bagi sama-sama mengimarahkan masjid berkenaan dan berkesempatan bertemu mesra bersama raja yang dicintai rakyat itu.


Masjid An-Na'im Kampung Panchor Mengkubau berkenaan dibina di atas sebidang tanah berkeluasan lapan ekar menggunakan peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) dengan jumlah BND4.3 juta. Keseluruhan kapasiti Masjid An-Na'im Kampung Panchor Mengkubau berkenaan boleh menampung seramai kira-kira 2,500 jemaah.

Kemudahan-kemudahan yang disediakan di masjid berkenaan termasuk Dewan Sembahyang Utama Lelaki, Dewan

Sembahyang Perempuan, Bilik Kuliah, Bilik Perpustakaan, Pejabat Pentadbiran, Bilik P.A. sistem, tandas dan tempat berwuduk lelaki, tandas dan tempat berwuduk perempuan, tandas Orang Kelainan Upaya (OKU) lelaki, tandas OKU perempuan, bilik pengurusan jenazah, stor dan tempat letak kereta.

Dengan pembukaan Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau yang dilengkapi pelbagai kemudahan bagi memenuhi keperluan para penduduk kampung khususnya, dan masyarakat amnya, diharap dapat memberi keselesaan kepada para jemaah untuk menunaikan sembahyang fardu lima waktu dan Sembahyang Fardu Jumaat.

Di samping melaksanakan amal ibadat, pembinaan masjid baharu berkenaan juga adalah untuk melaksanakan program keagamaan dan kerohanian bertujuan meningkatkan dan mengembangkan syiar Islam yang secara tidak langsung menyerlahkan lagi perkembangan perkhidmatan umaga, di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama.



**KEBAWAH DYMM berkenan berjunjung ziarah bersama rakyat baginda (atas kiri). Manakala gambar bawah kanan dan bawah, sebahagian yang hadir di masjid berkenaan. Sementara gambar kiri, plak sebagai petanda perasmian pembukaan masjid baharu tersebut.**



# BERKENAN UCAPKAN SELAMAT BERANGKAT

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

**JERUDONG**, Khamis, 27 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke The Empire Brunei bagi mengucapkan selamat berangkat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim, pagi tadi.

Sebelum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim berangkat

dari The Empire Brunei ke Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERKENAN BERANGKAT KE THE EMPIRE BRUNEI BAGI MENGUCAPKAN SELAMAT BERANGKAT KEPADA KEBAWAH DULI YANG Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim.**

## Berkenan mengalu-alukan keberangkatan tiba Yang di-Pertuan Agong

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Hangar

Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim ke negara ini, petang tadi.

Pada sebelah malam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghoskan Majlis Santap Malam di Istana Nurul Iman sempena keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim.

Turut sama berangkat ke Majlis Santap Malam tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERKENAN BERANGKAT KE HANGAR PENERBANGAN KEBAWAH DULI YANG Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim ke negara ini (kiri dan atas kiri).**

# LAKUKAN TRANSFORMASI MENINGKATKAN PRODUKTIVITI, HASIL NEGARA



Oleh : Mohammad Rainie Haji Durani  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 26 Februari. - Negara perlu terus melakukan transformasi dalam meningkatkan produktiviti dan hasil negara merentasi sektor-sektor seperti pertanian, pengangkutan, pendidikan, kesihatan, pelancongan, keselamatan dan Perkhidmatan Awam serta industri-industri baharu dengan mengambil kira kepesatan teknologi.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah agar kita tidak boleh berpuas hati kerana ekonomi negara masih sahaja

bergantung kepada minyak dan gas.

Dalam titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menjelaskan sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK (bagi sektor bukan minyak dan gas) telah menunjukkan kemajuan yang ketara dari segi purata pertumbuhan sepanjang tempoh 2017 sehingga 2023, iaitu sebanyak 4.3 peratus setahun.

Semasa menyentuh berkaitan dengan kemajuan ekonomi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah bahawa



usaha negara ke arah mempelbagaikan ekonomi juga sudah mula menunjukkan hasil yang memberangsangkan.

"Peningkatan ini telah menyumbang kepada peningkatan eksport barang negara termasuk pengeksportan produk-produk baharu dan juga penembusan ke pasaran baharu seperti ke Chile, Mozambique, Colombia, Peru dan Mexico," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Dalam titah, baginda turut menegaskan bahawa antara kemajuan yang dimaksudkan adalah di sektor hilir minyak dan gas yang telah mengalami

peningkatan yang luar biasa, dengan jumlah sumbangan KDNK pada harga tetap meningkat daripada BND136 juta pada 2017 kepada BND1,241 juta pada 2023.

Apa yang jelas titah Kebawah DYMM lagi, ialah penubuhan industri petrokimia telah menghasilkan produk seperti petroleum, methanol, dan urea menjadi pemacu utama.

Dalam titah, baginda juga menjelaskan sektor perkhidmatan juga mencatatkan peningkatan, iaitu daripada BND1,485 juta pada 2017 kepada BND1,721 juta pada 2023, dengan purata peningkatan tahunan sebanyak 2.5 peratus, yang disumbangkan oleh aktiviti-aktiviti perdagangan dan perkhidmatan perniagaan.

"InsyaAllah, kita akan terus memacu pertumbuhan ekonomi melalui aktiviti perekonomian baharu seperti pengeluaran Intermediate

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Derivatives yang akan menjana aktiviti tambahan dalam sektor hilir minyak dan gas : menjadikan negara sebagai hab bagi sektor kimia, pembuatan dan makanan, dan meneroka aktiviti peralihan tenaga ke arah persekitaran yang mampan," titah baginda lagi.

Kebawah DYMM bertitah di peringkat mikro, kerajaan baginda akan terus berusaha dalam menggerakkan lebih banyak lagi aktiviti perekonomian dan pelancongan ke negara ini yang dapat mendatangkan kesan limpahan positif kepada peniaga-peniaga tempatan.

"Menyentuh tentang revolusi teknologi, khususnya Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence, ia membuka peluang baharu yang memerlukan kita untuk terus memperkasa sumber manusia dan keupayaan negara," titah baginda.

Kebawah DYMM dalam titah menegaskan perjalanan menuju Wawasan Brunei 2035 memerlukan kerjasama, inovasi dan semangat juang yang tinggi dari semua pihak. Oleh yang demikian, setiap cadangan dan idea yang dikemukakan di dewan tersebut adalah bernilai untuk diteliti dengan mengambil kira emerging issues di peringkat global untuk diambil tindakan oleh pihak-pihak berkepentingan mengikut kesesuaianya.

Pada akhir titah, baginda sentiasa mengharapkan agar persidangan majlis itu akan terus berundung dengan jujur, berfikiran kreatif dan bertindak strategik ke arah meraih masa depan gemilang negara kita.



SUASANA persidangan yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis (atas dan kiri).

## Memperkenankan persidangan dua kali setahun

>> Muka 1

Baginda seterusnya bertitah perubahan-perubahan itu akan mengukuhkan lagi keberkesan persidangan majlis melalui perbincangan yang lebih teratur, fokus dan berkesinambungan serta mencerminkan kematangan dan profesionalisme Ahli-ahli

Yang Berhormat yang bekerjasama dengan kerajaan menjaga kebijakan dan kesejahteraan rakyat di negara ini.

Semasa bertitah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga memperkenankan bagi Kementerian Kesihatan untuk mengemas kini dasar caj

perkhidmatan yang sedia ada bagi penduduk tetap yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan (stateless) untuk diberikan kemudahan perkhidmatan kesihatan sepertimana yang diberikan kepada warganegara Brunei Darussalam. Terdahulu,

baginda

menzhirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izin-Nya, dapat sama-sama hadir pada Majlis Persidangan yang mulia berkenaan bagi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN.

Baginda juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas

komitmen yang telah ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik dalam usaha memajukan agenda pembangunan negara melalui sesi dialog, muzakarah dan lawatan kerja sebagai wadah penting bagi perkongsian pandangan di antara pihak kerajaan dan rakyat di negara ini.

# BERANGKAT MENYEMPURNAKAN ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MMN KE-21

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Muhammad Asri  
Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat merasmikan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis (kiri). Manakala gambar atas, baginda berkenan mengurniakan titah pada istiadat berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 26 Februari. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang



Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat merasmikan Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Yang Di-Pertua MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato

Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib.

>> Muka 8



**KEBERANGKATAN** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memasuki Dewan Persidangan didahului dengan perarakan masuk Cokmar MMN (atas kanan). Manakala gambar atas kiri dan kanan, berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



**SEBAHAGIAN** yang hadir pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446H / 2025M (kiri)



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan dijunjung bagi sesi bergambar ramai bersama Yang Berhormat Ahli-ahli MMN.**

>> Muka 7

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri

Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota

Bolkiah.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia memasuki Dewan Persidangan didahului dengan perarakan masuk Cokmar MMN.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan menyempurnakan istiadat dengan mengurnikan titah sebagai tanda bermulanya

Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN.

Terdahulu itu, sebelum Istiadat Pembukaan Rasmi berlangsung, Persidangan MMN Ke-21 telah bersidang untuk meneliti dan mengesahkan Minit dari Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-20 MMN, yang telah bersidang selama 18

hari pada tahun lepas.

Majlis kemudian ditangguhkan untuk memberi laluan bagi Titah Perutusan Kebawah DYMM dan Istiadat Pembukaan Rasmi.

Persidangan MMN akan disambung pada Khamis, 27 Februari 2025, pada jam 9.30 pagi, dengan Usul Menjunjung Kasih.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka anakanda baginda ketika berangkat pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446H / 2025M dan seterusnya menerima junjung ziarah (atas dan kiri).**



**DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas kanan). Manakala gambar atas tengah dan kiri, sebahagian yang hadir pada Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446H / 2025M yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis.**

# NBD MULA BERPUASA PADA 2 MAC



ACARA Keagamaan bagi Menunggu Hasil Merukyah Awal Bulan Ramadan 1446 Hijrah diadakan di Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 28 Februari. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam maka Yang Berhormat Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dengan ini memaklumkan bahawa ketetapan 1 Ramadan 1446 Hijrah bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) jatuh pada Ahad, 2 Mac 2025.

Hasil merukyah awal bulan Ramadan 1446H pada petang tadi telah diumumkan secara langsung oleh Radio Televisyen Brunei, Jabatan Perdana Menteri. Sehubungan itu, NBD akan menyambut awal Ramadan bagi Tahun 1446H pada Ahad, 2 Mac 2025.

Justeru, umat Islam di NBD akan memulakan Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir serta bertadarus Al-Quran di masjid-masjid,



BACAAN ayat-ayat suci Al-Quran oleh Pelajar Tahun 10, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas), sementara gambar kanan, Tazkirah Ramadan yang disampaikan oleh Penolong Ra'es, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, KUPU SB.

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman  
Foto : Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin, serta Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan MUIB.

Pada tahun ini, lima buah lokasi telah ditetapkan untuk merukyah anak bulan Ramadan 1446H iaitu Bangunan Mutiara Exchange, Lebuhraya Tungku; Taman Rekreasi Tanjung Batu, Kampung Sabun, Pekan Muara; Bukit Agok, Jerudong, Daerah Brunei dan Muara; Bangunan Hilal Bukit Ambog, Daerah Tutong dan Bangunan Hilal Bukit Lumut di Daerah Belait.

Terdahulu, Acara Keagamaan bagi Menunggu Hasil Merukyah Awal Bulan Ramadan 1446 Hijrah diadakan di Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan, KHEU dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Pelajar Tahun 10, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Muhammad Ishqal Ezairy @ Abdul Mateen bin Mohammad Shahruni.

Sementara itu, acara turut diisikan dengan Tazkirah Ramadan disampaikan oleh Penolong Ra'es, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Kolej Universiti Perguruan Ugama

Seri Begawan, Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abdul Muluk.

Dr. Haji Mohammad Shahrol Azmi dalam tazkirahnya antara lain menjelaskan bahawa menurut Ibnu Kathir, puasa adalah salah satu cara untuk membersihkan jiwa dan menundukkan hawa nafsu dan puasa juga menjadi *indicator* salah satu cara meningkatkan darjah orang-orang beriman menjadi orang-orang yang bertakwa.

Dari segi kesihatan pula, menurut kajian, berpuasa meningkatkan hormon Brain-Derived Neurtrophic Factor (BDNF) yang membantu pertumbuhan sel otak. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga pernah bersabda : "Berpuasalah, nescaya kamu akan sihat." (Hadis Riwayat Thabrani)

Majlis diteruskan dengan bacaan Tahsil dan Doa Arwah beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Kampung Tanah Jambu, Awang Mohd. Saifullah bin Rosli, yang seterusnya mengimamkan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Manakala Azan Maghrib dikumandangkan oleh Bilal Tingkat II, Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong, Awang Muhammad Hafiq Fakhry bin Haji Affendy Buang.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan pada persidangan yang diadakan di Bilik As'syura, Tingkat 1, Bangunan Tambahan, KHEU. Turut hadir ialah Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie (atas). Manakala gambar bawah kanan, antara lokasi ditetapkan bagi merukyah anak bulan Ramadan 1446H.



# MENGUKUHKAN KESATUAN, KERJASAMA DALAM PERTAHANAN ASEAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam semasa menghadiri Retreat Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) (atas dan atas kanan).

**PULAU PINANG, MALAYSIA,** Rabu, 26 Februari. - Retreat Mesyuarat Menteri - menteri Pertahanan ASEAN (ADMM) berlangsung di Shangri-La Rasa Sayang Resort & Spa, Pulau Pinang, Malaysia.

Mesyuarat berkenaan dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, dalam kapasiti beliau selaku Pengerusi ADMM bagi 2025.

Retreat tahun ini dihadiri oleh Menteri-menteri Pertahanan ASEAN dan para wakil, Menteri Pertahanan Republik Demokratik Timor Leste selaku Pemerhati ADMM, dan Timbalan Setiausaha Agung ASEAN untuk bertukar-pandangan dalam mengukuhkan kesatuan ASEAN dan kerjasama di rantau ini.

## ■ Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) diketuai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut serta dalam rombongan berkenaan ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Pertahanan, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin, selaku Ketua ASEAN Defence Senior Officials' Meeting (ADSOM) NBD, dan pegawai - pegawai dari Kementerian Pertahanan.

Juga menghadiri mesyuarat berkenaan ialah Pesuruhjaya Tinggi NBD Ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Brigadier Jeneral

(B) Dato Paduka Haji Mahmud bin Haji Saidin.

Dengan tema 'Perpaduan ASEAN Untuk Keselamatan dan Kemakmuran', Retreat ADMM telah sepakat menerima Kenyataan Bersama mengenai Joint Statement by the ASEAN Defence Ministers on Cooperation in the Field of Artificial Intelligence in the Defence Sector.

Di samping sidang Retreat berkenaan, satu perbincangan pertahanan dua hala juga diadakan di antara NBD dengan Malaysia.

Malaysia akan mempergerusikan Mesyuarat ADMM Ke-19 dan ADMM-Plus Ke-12 yang dijadual akan diadakan di Kuala Lumpur pada 17 hingga 21 November 2025.



## 5 lokasi bagi meruayah anak bulan Ramadan

■ Siaran Akhbar : Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Negara

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Februari. - Sebanyak lima lokasi telah dipilih bagi penglihatan anak bulan Ramadan Tahun 1446 Hijrah seluruh negara pada petang Jumaat, 29 Syaaban 1446H bersamaan 28 Februari 2025 Masihi ini.

Menurut Siaran Akhbar Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Hakim-hakim Syarie dan Pegawai-pegawai Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama pegawai-pegawai dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan akan berada di tempat-tempat yang telah ditetapkan untuk meruayah (melihat anak bulan Ramadan 1446H).

Tempat-tempat tersebut ialah Bangunan Mutiara Exchange, Lebuhraya Tungku; Taman Rekreasi Tanjung Batu, Kampung Sabun, Pekan Muara; Bukit Agok, Jerudong, Daerah Brunei dan Muara.

Seterusnya tempat meruayah anak bulan Ramadan juga akan diadakan di Bangunan Hilal Bukit Ambog, Daerah Tutong dan Bangunan Hilal Bukit Lumut di Daerah Belait.

Oleh yang demikian, bagi melancarkan lagi tugas-tugas meruayah, orang ramai adalah diminta memberikan kerjasama supaya tidak mendekati tempat-tempat tersebut.

Berikut dengan itu, pengumuman 1 Ramadan (awal puasa Ramadan) bagi Tahun 1446H / 2025M akan disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei (RTB) sebaik-baik sahaja rukyah pada petang 29 Syaaban 1446H / 28 Februari 2025M diperoleh melalui pemakluman yang dilakukan melalui siaran RTB.

## Meterai perjanjian terokai inisiatif pelaburan inovatif

### ■ Siaran Akhbar dan Foto : Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei

**ANGGEREK DESA**, Khamis, 27 Februari. - Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dan Tipolis Pte. Ltd. telah menandatangani perjanjian bagi menilai kebolehlaksanaan projek bersama yang berpotensi di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Tipolis Pte. Ltd. merupakan pemaju zon ekonomi khas generasi akan datang yang berpangkalan di Singapura. Perjanjian itu memulakan kajian kemungkinan khusus dan rundingan kontrak, sejarah dengan usaha kepelbagaian NBD di bawah Wawasan Brunei 2035.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Auditorium Utama Bangunan Reka Bentuk dan Teknologi di Anggerek Desa ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah juga selaku Pengerusi BEBD.

Menandatangani bagi pihak BEDB ialah Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II,

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir pada majlis berkenaan selaku Pengerusi Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB).

manakala pihak Tipolis Pte. Ltd. ialah Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Tipolis, Dr. Titus Gebel. Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menekankan mengenai potensi projek tersebut.

"Kami komited untuk mencapai objektif Wawasan Brunei 2035 dan memastikan masa depan yang cerah untuk NBD dan rakyatnya. Kami juga berhasrat untuk mewujudkan NBD sebagai mercu suar peluang, kemampanan dan pertumbuhan inklusif di rantau ini dan menarik pelaburan global.

Projek ini berpotensi untuk menjadikan ekonomi kita lebih dinamik, mewujudkan peluang ekonomi yang lebih besar untuk rakyat negara dan memupuk kemakmuran jangka panjang. Kami tidak sabar-sabar untuk meneroka kemungkinan khususnya dalam



beberapa bulan akan datang," jelasnya.

Sementara itu, Dr. Titus Gebel pula menyatakan akan keterujaan mereka dengan peluang yang ditawarkan oleh NBD dan tidak sabar untuk menyumbang kepada aspirasi di negara ini. Keseluruhan

idea Tipolis adalah untuk mewujudkan bandar unik yang membolehkan individu dan pelbagai peluang yang menarik untuk pelaburan, selari dengan menawarkan peluang tempatan.

Tipolis mengkhususkan dalam model berdasarkan kontrak yang

diterajui sektor swasta di bawah konsep jenama Bandar Antarabangsa, yang direka untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan inovasi sambil menyepakup dengan strategi pembangunan jangka panjang negara tuan rumah.

# MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



## Memastikan sistem pendidikan lahirkan tenaga kerja bersedia

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Hasif Matzin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Februari. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin ketika membahaskan Usul Menjunjung Kasih pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masih yang diadakan petang tadi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, mengongsikan antara sumbangan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam memajukan agenda negara ialah melalui sesi dialog, muzakarah, lawatan kerja serta interaksi dengan rakyat, agensi kerajaan, NGO serta kumpulan-kumpulan orang yang berkepentingan.

Dalam perbahasan itu, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bersetuju dan menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap perubahan persidangan kepada dua sesi setahun, pengubahannya Kod Etika Ahli-ahli Majlis dan memperkemaskinikan prosedur dewan.

Penggubalan Kod Etika untuk Ahli-ahli Majlis seajar dengan Kod Etika parlimen antarabangsa tambahnya, akan memberikan kepercayaan bahawa ahli dan institusi MMN bukan saja komited juga berintegriti dan tulus dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab.

Menurut Yang Berhormat, sesi persidangan majlis yang akan datang juga dapat memberikan peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk melaksanakan

Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Kaji selidik yang memakan masa hampir empat bulan itu katanya, telah mengumpul lebih 35,000 data melibatkan hampir enam ratus warga pengajar daripada kedua-dua kementerian tersebut di seluruh negara, di mana hasil daripada sesi kaji selidik itu telah pun dikumpul, dianalisis dan dikongsikan bersama kepada pihak-pihak yang berkepentingan di kedua-dua kementerian untuk penelitian dan sebarang tindakan lanjut.

Di samping itu, Yang Berhormat juga menyambut baik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap perubahan persidangan kepada dua sesi setahun, pengubahannya Kod Etika Ahli-ahli Majlis dan memperkemaskinikan prosedur dewan.

Penggubalan Kod Etika untuk Ahli-ahli Majlis seajar dengan Kod Etika parlimen antarabangsa tambahnya, akan memberikan kepercayaan bahawa ahli dan institusi MMN bukan saja komited juga berintegriti dan tulus dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab.

Menurut Yang Berhormat, sesi persidangan majlis yang akan datang juga dapat memberikan peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk melaksanakan

semakan pertengahan penggal (*mid-term review*) terhadap kemajuan yang dicapai, di samping dapat memberikan peluang kepada kementerian-kementerian untuk menerima balik timbal balas bagi penyediaan belanjawan dan program tindakan kementerian pada tahun hadapan.

Mengenai perkembangan sektor hiliran dan industri petrokimia pula, Yang Berhormat berpendapat bahawa negara sudah perlu meningkatkan usaha untuk melengkapkan tenaga kerja tempatan yang mahir bukan sahaja bakal mengisi kekosongan dalam industri itu nanti tetapi juga bagi menyediakan kepakaran anak tempatan untuk memantau operasi industri yang berisiko tinggi dan mencabar ini supaya sentiasa beroperasi dengan selamat mengikut piawai antarabangsa.

"Oleh itu, kaola berpendapat kita perlu memastikan sistem pendidikan kita agar dapat melahirkan tenaga kerja yang bukan sahaja bersedia untuk memasuki industri di *level* bekerja tapi sudah bersedia untuk mengisi peringkat - peringkat kepimpinan dalam industri itu.

Ini termasuklah mengkaji semula kurikulum dan program latihan Skim Apprenticeship dalam industri agar selaras dengan keperluan sektor hiliran dan industri petrokimia yang akan pesat dikembangkan," ujar Yang Berhormat lagi. Kematan sektor swasta dalam mendukung industri petrokimia mestilah dikenal pasti sekarang dan

dibangunkan untuk merealisasikan rantaian nilai yang diharapkan.

Mengenai perkembangan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence - AI), Yang Berhormat bersetuju bahawa AI merupakan perkembangan yang menarik dan berpotensi besar untuk memajukan negara.

Namun menyedari akan risiko-risiko yang mungkin timbul daripada perkembangan itu, beliau berpendapat bahawa sudah masanya untuk menubuhkan sebuah pasukan ataupun agensi yang khusus untuk memahami teknologi baharu ini serta menangani risiko-risiko yang berkaitan dengan AI dan bagaimana kita dapat memanfaatkan peluang-peluang yang ditawarkan oleh teknologi tersebut.

Yang Berhormat juga dalam perbahasannya turut mengemukakan tentang perjalanan menuju Wawasan Brunei 2035 yang mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitahkan memerlukan kerjasama, inovasi dan semangat juang daripada semua pihak.

Memandangkan hanya tinggal sembilan tahun lagi untuk mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035, Yang Berhormat berpendapat bahawa rakyat dan sebagian warga penjawat awam perlu sentiasa diingatkan dan ditunjukkan kemajuan yang telah dicapai setakat ini, untuk menunjukkan kemajuan ketara



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

daripada pencapaian yang sedang dijalankan.

Ini katanya, adalah penting untuk menyakinkan serta membolehkan rakyat serta warga kerajaan merasa teruja dan turut mahu mengambil peranan menyumbang ke arah pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035.

Terdahulu Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman dalam mukadimahnya menyatakan sokongan terhadap usul yang dicadangkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas keberangkatan dan mengurniakan titah sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN tahun ini.

## LENGKAP RAKYAT DENGAN KEBOLEHAN, KEPAKARAN INOVATIF



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Februari. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih menyatakan sokongan beliau terhadap usul yang dikemukakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman serta menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan baginda dan seterusnya berkenan mengurniakan titah di Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, MMN baru-baru ini.

Yang Berhormat menjunjung kasih atas penghargaan baginda mengenai sesi dialog muzakarah dan lawatan kerja yang dilaksanakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, yang menjadi pendorong dan semangat untuk terus meningkatkan usaha-usaha serta ikhtiar demi kemajuan dan kesejahteraan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat juga menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai perubahan kekerapan persidangan kepada dua kali setahun bermula tahun ini, yang mana Yang Berhormat percaya perubahan itu akan membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberi tumpuan yang lebih mendalam kepada isu-isu yang penting dan mendesak, sekali gus memastikan segala perbincangan dan keputusan yang diambil adalah lebih fokus dan berkesan.

"Kaola juga menyokong penuh

titah baginda dalam keperluan penggubalan Kod Etika Ahli-ahli Majlis dan bersetuju penggubalan ini amat penting bagi memastikan Ahli-ahli Majlis dapat melaksanakan tugas dengan lebih berkesan dan berintegriti tinggi.

Kaola sedar bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sentiasa diperhatikan oleh rakyat dan oleh itu kami perlu sentiasa mewakili dan mempromosikan tingkah laku yang beretika," ujarnya lagi pada persidangan yang diadakan di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Menyentuh mengenai pengemaskinian dasar caj perkhidmatan yang sedia ada bagi penduduk tetap yang tidak mempunyai status kewarganegaraan (*stateless*), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty menyokong penuh titah berkenaan yang menunjukkan keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap kesejahteraan semua penduduk di negara ini.

"Kaola juga menyambut titah baginda mengenai peningkatan purata pertumbuhan sebanyak 4.3 peratus dari tahun 2017 hingga 2023. Walaupun negara kita masih bergantung kepada sektor minyak dan gas, namun kaola percaya bahawa kita perlu mempelbagaikan ekonomi

negara termasuklah aspirasi-aspirasi yang dihasratkan dalam Economic Blueprint yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan," ujarnya.

Antara salah satu sektor perekonomian utama katanya, adalah sektor hiliran minyak dan gas, di mana Yang Berhormat juga menyambut baik usaha-usaha baharu untuk memberi tumpuan kepada sektor huluan oleh Jabatan Tenaga, yang insyaaAllah akan membantu mengembangkan portfolio hidrokarbon negara, di samping kemasukan operator-operator baharu bagi mengusahakan sektor minyak dan gas yang dapat memberi persaingan yang positif dan memacu pertumbuhan sektor berkenaan.

Selain itu, Yang Berhormat juga berpendapat bahawa jika peratusan tinggi tenaga domestik dapat dipenuhi oleh sumber tenaga boleh diperbaharui (*renewable*) maka kita dapat mengalihkan fokus penjualan gas kita untuk bantu LNG. Ini bukan sahaja akan meningkatkan nilai eksport tetapi juga akan membantu memperkuuhkan ekonomi negara.

Menyentuh mengenai penekanan Kebawah Duli Yang Maha Mulia terhadap revolusi teknologi khususnya Artificial Intelligence (AI), Yang Berhormat bersetuju dengan titah baginda bahawa ia membuka peluang baharu yang memerlukan kita

untuk terus memperkasa sumber manusia dan keupayaan negara. "Kaola percaya bahawa dengan memperkasa sumber-sumber manusia, kita dapat memanfaatkan sepenuhnya peluang-peluang dalam bidang ini," tambahnya.

Beliau juga menyokong penuh titah baginda agar perjalanan menuju Wawasan Brunei 2035 memerlukan kerjasama inovasi dan semangat juang yang tinggi daripada semua pihak, serta berpendapat bahawa kita perlu melengkapi rakyat dengan kebolehan dan kemahiran yang inovasi selaras dengan matlamat kedua Wawasan Brunei 2035, rakyat berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

"Dengan melengkapi rakyat kita dengan kebolehan dan kapakaran yang inovatif, kita dapat memastikan bahawa mereka dapat menyumbang secara aktif dan berkesan kepada pembangunan negara," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat juga berharap agar persidangan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi mencapai objektif pembangunan dan kemajuan negara melalui perbincangan-perbincangan yang dilaksanakan dengan pemikiran kreatif dan tindakan strategik dalam menjadikan Brunei sebuah negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala.



## MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

# USAHA BERSEPADU UNTUK KELANGSUNGAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA, RAKYAT

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Hasif Matzin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Februari. - Perubahan kekerapan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang akan diadakan sebanyak dua kali setahun bermula tahun ini antara yang menarik perhatian Ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin ketika membahaskan Usul Menjunjung Kasih pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang diadakan petang tadi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Yang Berhormat menjelaskan perubahan itu melambangkan betapa baginda mengambil berat terhadap perlaksanaan tindakan - tindakan yang berterusan oleh semua pihak demi antara lain, untuk mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi dan usaha mempelbagaikan ekonomi negara ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Terdahulu, Yang Berhormat dalam mukadimahnya

merafakkan syukur dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan seterusnya mengurniakan titah sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN tahn ini.

Yang Berhormat Pengiran Haji Isa juga menyatakan sokongan penuhnya terhadap usul yang dicadangkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Menyentuh mengenai penggubalan Kod Etika Ahli-ahli Majlis nanti, beliau menjelaskan ia akan menambah nilai MMN itu dan setentunya ke arah keselaras dan standard AIPA

(ASEAN Inter-Parliamentary Assembly) mahupun Commonwealth Parliamentary Association (CPA) dengan bercirikan calak kita orang Brunei.

Tambahnya, harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi persidangan ini akan terus berunding dengan jujur, berfikiran kreatif dan bertindak strategik ke arah meraih masa depan gemilang dengan menitikberatkan garis pandu dalam mengajukan dan meneliti perkara-perkara serta isu-isu strategik dan dasar yang akan dibangkitkan yang setentunya menjurus kepada penghasilan impak yang positif terhadap kesejahteraan rakyat.

Menurut Yang Berhormat, penekanan baginda mengenai keperluan untuk terus melakukan transformasi dalam meningkatkan produktiviti dan hasil negara merentasi sektor-sektor lain selain daripada sektor hiliran minyak dan gas juga adalah satu gagasan yang perlu diambil perhatian dan tindakan yang

serius dan cepat.

"Perlunya semua pihak terutama agensi-agensi kerajaan yang ada untuk terus meneliti ruang-ruang untuk memudah cara lagi urusan peniaga-peniaga tempatan dalam sektor-sektor lain ini untuk terus maju dan cepat dalam sama-sama memacu pergerakan dan usaha mempelbagaikan ekonomi negara," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga akan sentiasa memfokuskan kepada membangkitkan strategik dan hala tuju kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan dalam usaha bersepakut, cepat dan mantap demi untuk kelangsungan pertumbuhan ekonomi negara dan kelangsungan kehidupan rakyat.

Di samping itu, beliau turut menyahut titah saranan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi cadangan dan idea yang akan dikemukakan nanti akan mengambil kira emerging issues di peringkat global dengan turut menyentuh mengenai revolusi teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence-AI) yang sudah ketara keperluannya.



AHLI MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Intelligence-AI) yang sudah ketara keperluannya.

Dalam pada itu, Yang Berhormat juga berharap dan melahirkan harapan melalui persidangan ini nanti akan dapat membawa hasil yang diharapkan dengan tindakan-tindakan yang akan dibuat dengan cepat, jitu dan proaktif dengan dasar yang bersesuaian agar kita akan terus maju memacu Wawasan Brunei 2035.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin (atas). Manakala gambar bawah, sekitar Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 yang berlangsung di di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

## Isu MMN dihasrat dapat diselesaikan, diambil tindakan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Hasif Matzin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Februari. - Dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi petang tadi, Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas menyokong usul yang dicadangkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah

Dato Paduka Haji Awang Othman bagi menyembahkan ucapan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat juga turut menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446H / 2025M, yang penuh bermakna bagi kita semua dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

"Kaola menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah perkenan supaya Mesyuarat Negara diadakan dua kali setahun," ujar Yang Berhormat pada mesyuarat yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, petang tadi.

Dengan adanya mesyuarat dua kali setahun ini, jelas Yang Berhormat, perbahasan akan lebih teratur serta memberikan lebih banyak ruang untuk membahas dasar-dasar negara yang berbangkit dalam kalangan masyarakat.

Yang Berhormat seterusnya menjunjung kasih atas kemurahan hati baginda yang memperkenankan supaya penduduk - penduduk tetap yang tidak mempunyai kewarganegaraan (*stateless*) diberikan kemudahan perkhidmatan kesihatan sebagaimana yang diberikan kepada warga Negara Brunei Darussalam kerana penduduk tetap (*stateless*) ini orang yang dagang tidak ada tempat untuk mengadu apalagi mendapatkan bantuan berbeza halnya dengan penduduk tetap yang mempunyai kewarganegaraan.

Jelas Yang Berhormat, mudah-mudahan dengan kemurahan hati baginda itu akan menambah keberkatan bagi NBD. Yang Berhormat juga mengharapkan segala isu-isu yang dibahaskan di dalam dewan itu akan dapat diselesaikan dan diambil tindakan segera demi menjaga kesejahteraan masyarakat di negara ini.





## MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

# Kerjasama erat antara sektor kerajaan, swasta terus diperkuuhkan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Hasif Matzin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Februari. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi petang tadi menyentuh antara inti pati titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN, baru-baru ini.

Menurut Yang Berhormat, titah baginda mencerminkan wawasan jauh baginda dalam memastikan pembangunan dan kemakmuran negara terus terpelihara dan diperkuuh.

Yang Berhormat seterusnya menjunjung kasih atas limpah kurnia dan kebijaksanaan baginda dalam memperkenan Persidangan MMN diadakan sebanyak dua kali setahun di mana satu anugerah yang bakal mengukuhkan lagi martabat institusi ini dalam menjalankan peranannya secara lebih berkesan demi kesejahteraan rakyat.

"Ahli-ahli MMN mempunyai

tanggungjawab yang besar untuk memastikan setiap perbahasan yang dikemukakan adalah menjurus kepada solusi dan berpandukan kepada analisis yang berwibawa bagi meningkatkan keberkesanan dasar kerajaan," ujar Yang Berhormat pada mesyuarat yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Dalam masa yang sama, jelas Yang Berhormat, hasrat baginda untuk memperkenalkan Kod Etika bagi Ahli-ahli Majlis merupakan suatu perkembangan penting yang akan memastikan integriti dan profesionalisme terus menjadi asas kepada setiap tindakan dan keputusan yang dibuat. Dengan adanya panduan ini tambah Yang Berhormat lagi, institusi MMN akan lebih dihormati dan diyakini oleh rakyat.

Dalam bidang kesihatan pula, jelas Yang Berhormat, langkah progresif dan memperluas akses kepada perkhidmatan kesihatan bagi penduduk tetap yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan (*stateless*) mencerminkan nilai keprihatinan dan kesejahteraan yang sentiasa menjadi keutamaan kerajaan.

"Untuk memastikan perlaksanaannya berjalan dengan baik, adalah penting bagi sistem pemantauan dan pengagihan sumber dilakukan dengan cermat agar penyampaian perkhidmatan

kesihatan lebih adil dan berkesan kepada semua yang memerlukan.

"Usaha ini juga perlu diselaraskan dengan keperluan jangka panjang dalam memastikan sistem kesihatan negara terus mampan dan bersedia menghadapi cabaran masa depan," ujar Yang Berhormat.

Dari segi ekonomi kata Yang Berhormat lagi, meskipun kejayaan telah dicapai dalam sektor bukan minyak dan gas, usaha perlu terus dipergiatkan bagi memastikan pertumbuhan yang mampan serta kebergantungan terhadap sektor tenaga masih tinggi dan usaha untuk memperkuuhkan lagi kepelbagaian ekonomi perlu diperkasa.

Menurut Yang Berhormat, pembangunan industri bernilai tinggi seperti teknologi hijau, pertanian pintar dan ekonomi digital perlu dipercepatkan bagi memastikan daya saing negara terus meningkat.

"Pada masa yang sama, kita juga perlu melihat sektor pelancongan dan perkhidmatan dengan lebih serius. Negara kita mempunyai potensi besar dalam sektor ini dan dengan strategi pemasaran yang lebih komprehensif serta pemerkasaan ekosistem pelancongan, negara boleh menjadi destinasi pilihan yang menarik bagi pelancong antarabangsa dan memberikan manfaat kepada ekonomi tempatan," ujar Yang Berhormat.

Dalam menghadapi cabaran global yang semakin kompleks

kata Yang Berhormat lagi, pembangunan keupayaan teknologi tempatan juga merupakan satu keperluan yang mendesak, Kecerdasan Buatan (AI) menawarkan peluang besar dalam meningkatkan daya saing dan kecekapan dalam pelbagai sektor.

Oleh itu, jelasnya, usaha perlu dipergiatkan dalam memperkuuhkan infrastruktur teknologi, menggalakkan penyelidikan dan inovasi serta memperkasa modal insan dalam bidang teknologi tinggi.

Tambah Yang Berhormat, kerjasama erat antara sektor kerajaan *academia* dan industri swasta harus diperkuuhkan lagi bagi memastikan negara bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi juga penyumbang kepada perkembangan teknologi baharu.

Yang Berhormat berkata, perancangan strategik yang lebih holistik perlu diambil agar transformasi digital dapat memberi manfaat kepada rakyat secara menyeluruh dan mewujudkan peluang baharu dalam pasaran pekerjaan.

Dalam memastikan pencapaian Wawasan Brunei 2035 tambah Yang Berhormat, setiap dasar dan inisiatif yang dibawa ke dalam perbahasan MMN haruslah mengambil kira perkembangan dan cabaran global yang sentiasa berubah.

Yang Berhormat seterusnya menyatakan, pendekatan yang inklusif dan berpandangan jauh amat diperlukan bagi memastikan matlamat negara dapat



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed.

direalisasikan secara mampan dan berkesan dan ia memerlukan sinergi dan kerjasama antara sektor awam dan swasta serta penglibatan rakyat dalam melaksanakan strategi pembangunan nasional.

"Kita perlu memastikan bahawa semua dasar yang dibangunkan benar-benar mencerminkan kepentingan rakyat dan membawa manfaat jangka panjang kepada negara," ujar Yang Berhormat.

Sebagai institusi tertinggi dalam penyampaian suara rakyat tambahnya lagi, MMN mempunyai tanggungjawab yang amat besar dalam memastikan kesejahteraan dan kemakmuran negara terus terpelihara.

Yang Berhormat menambah, dengan iltizam yang tinggi dan semangat berpasukan kita dapat memastikan setiap keputusan dan langkah yang diambil untuk memperkuuhkan lagi profesionalisme dan aktauntabiliti dalam menjalankan amanah yang telah diberikan oleh rakyat dan negara.

Yang Berhormat menambah, dengan adanya garis panduan yang jelas akan dapat memastikan setiap perbincangan dan keputusan yang dibuat adalah berdasarkan prinsip ketulusan, integriti dan kepentingan negara yang tertinggi.

Yang Berhormat percaya dengan adanya perubahan positif itu MMN akan terus berkembang sebagai sebuah platform yang lebih efektif dan berwibawa dalam memperjuangkan kepentingan rakyat serta menyokong agenda pembangunan negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dan pembangunan dan kepelbagaian ekonomi.

Menurut Yang Berhormat lagi, usaha untuk mempelbagaikan ekonomi negara semakin menunjukkan hasil yang positif



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Februari. - Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) memainkan peranan penting dalam merapatkan jurang antara rakyat dan kerajaan.

Peranan ini tidak hanya terbatas kepada menyampaikan suara rakyat tetapi juga dalam memastikan setiap dasar dan projek yang dilaksanakan benar-benar berkesan serta memberi manfaat kepada

masyarakat melalui sesi muzakarah, tinjauan dan perbincangan pelbagai usaha telah dijalankan bagi mengkaji semula projek-projek terdahulu sama ada untuk diteruskan, diperbaiki atau digantikan dengan inisiatif yang lebih relevan dan bermanfaat.

Perkara demikian antara yang dikongsikan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi petang tadi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Semasa menyentuh antara isu penting berdasarkan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan kekerapan persidangan kepada dua kali setahun serta mengemaskini Peraturan Majlis Mesyuarat.

"Dalam konteks ini

kesinambungan dialog dan kerjasama yang erat antara kerajaan dan pemimpin masyarakat adalah amat penting. Setiap dasar yang dirancang perlu dibentuk melalui maklum balas yang menyeluruh daripada rakyat di peringkat akar umbi.

"Dengan adanya platform perbincangan yang lebih terbuka dan sistematis kita dapat memastikan setiap keputusan yang dibuat benar-benar membawa impak yang positif dan menyumbang kepada kesejahteraan serta kemajuan negara," ujar Yang Berhormat.

Dalam usaha memastikan keberkesanan MMN, Yang Berhormat menyambut baik langkah yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan kekerapan persidangan kepada dua kali setahun serta mengemaskini Peraturan Majlis Mesyuarat.

Menurut Yang Berhormat, langkah itu bukan saja membolehkan perbincangan yang lebih mendalam tetapi juga memastikan penyelesaian isu-isu utama dalam dapat dicapai

dengan lebih bersistematik dan berkesan.

Selain itu, Yang Berhormat juga menyatakan sokongan penuh terhadap cadangan penggubalan Kod Etika bagi Ahli-ahli Majlis dan ia adalah satu inisiatif yang sangat penting

dalam memperkuuhkan lagi profesionalisme dan aktauntabiliti dalam menjalankan amanah yang telah diberikan oleh rakyat dan negara.

Yang Berhormat menambah, dengan adanya garis panduan yang jelas akan dapat memastikan setiap perbincangan dan keputusan yang dibuat adalah berdasarkan prinsip ketulusan, integriti dan kepentingan negara yang tertinggi.

Yang Berhormat percaya dengan adanya perubahan positif itu MMN akan terus berkembang sebagai sebuah platform yang lebih efektif dan berwibawa dalam memperjuangkan kepentingan rakyat serta menyokong agenda pembangunan negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035 dan pembangunan dan kepelbagaian ekonomi.

Menurut Yang Berhormat lagi, usaha untuk mempelbagaikan ekonomi negara semakin menunjukkan hasil yang lebih cemerlang dan mampan," ujar Yang Berhormat.

dan langkah ini amat penting bagi memastikan ekonomi negara kekal mampan dan tidak terlalu bergantung kepada sektor sahaja.

Dalam hal ini, Yang Berhormat ingin menekankan bahawa penduduk kampung juga mempunyai peranan yang besar dalam menyokong usaha ini dengan menyertai aktiviti ekonomi baharu seperti pertanian moden, pelancongan desa serta Perusahaan Kecil dan Sederhana iaitu SME.

"Mereka boleh menjadi lebih berdikari dalam menjana pendapatan sekali gus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara secara menyeluruh. Namun untuk merealisasikan perkara ini, bimbingan dan sokongan daripada kerajaan serta sektor swasta amat diperlukan. Kita perlu memastikan akses kepada latihan teknologi serta bantuan kewangan yang mencukupi agar inisiatif ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan."

"Kaola yakin dengan adanya kerjasama yang erat antara kerajaan, sektor swasta dan masyarakat, usaha untuk mempelbagaikan ekonomi negara akan terus membuatkan hasil yang lebih cemerlang dan mampan," ujar Yang Berhormat.



## MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

# MENGERAKKAN AGENDA KEMAJUAN NEGARA, KESEJAHTERAAN RAKYAT



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Februari. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Mohammad Ali bin Tanjong, Ketua Kampung Lumapas 'B' menyokong sepenuhnya usul yang dicadangkan oleh Menteri Hal

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Hasif Matzin

Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman bagi menyembahkan Usul Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pada Rabu, 26 Februari 2025.

Yang Berhormat Awang Mohammad Ali seterusnya menyatakan sesungguhnya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan *mechanism* penting di dalam sama-sama berusaha di dalam mengerakkan agenda kemajuan negara dan kesejahteraan rakyat. Selain itu, tambah Yang Berhormat, titah baginda juga mencerminkan sikap keprihatinan baginda terhadap kebijakan dan kesejahteraan rakyat.

"Ini termasuklah mengemas kini dasar caj perkhidmatan bagi perkhidmatan kesihatan bagi penduduk tetap yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan untuk diberikan kemudahan seperti mana kepada warganegara Brunei Darussalam.

"Sesungguhnya seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) memanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dikurniakan seorang raja yang adil lagi bijaksana," jelas Yang Berhormat lagi pada Mesyuarat

Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN yang bersidang bagi hari kedua sebelah petang tadi bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Yang Berhormat Awang Mohammad Ali menjunjung baik titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenaan dengan perubahan terhadap kekerapan persidangan majlis kepada dua kali setahun yang bermula pada tahun ini dan termasuklah penggubalan Kod Etika Ahli-ahli Majlis di dalam melaksanakan tugas yang lebih berkesan dan berintegriti tinggi.

Perubahan-perubahan ini jelas Yang Berhormat sememangnya penting ke arah mengukuhkan lagi keberkesanan persidangan dan mencerminkan kematangan dan profesionalisme Ahli-ahli MMN serta menjalinkan kerjasama padu dengan pihak kerajaan ke arah menjaga kebijakan dan kesejahteraan rakyat NBD.

Menyentuh berkenaan dengan ekonomi peringkat mikro, Yang Berhormat

Berhormat juga menyambut baik dengan usaha pihak kerajaan di dalam mengerakkan lebih banyak aktiviti perekonomian yang dapat diraih oleh peniaga mikro kecil dan sederhana tempatan. Ini termasuklah menyediakan prasarana dan ekosistem perniagaan yang lebih menarik. Sehubungan ini, Yang Berhormat mengharapkan keterlibatan lebih ramai pengusaha-pengusaha daripada golongan para belia.

"Dalam sektor pelancongan pula, penglibatan masyarakat adalah penting ke arah mempelbagaikan aktiviti pelancongan tempatan seperti di mukim dan kampung termasuklah memperkenalkan budaya, kesenian dan warisan sejarah yang unik kepada para pelancong.

"Promosi pelancongan Brunei hendaklah diperluaskan dengan menyediakan peruntukan yang berpatutan dan mencukupi agar ia sampai ke peringkat global seperti mengadakan Tahun Melawat Brunei," tambah Yang Berhormat.

## Wujudkan persidangan lebih proaktif, sistematik

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Februari. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang bersidang bagi hari kedua sebelah petang tadi bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis menyokong sepenuhnya usul yang dicadangkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman bagi menyembahkan Usul Menjunjung Kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda bersempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN pada Rabu, 26 Februari 2025.

Sokongan Ahli-ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbang dan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat merakamkan ucapan menjunjung kasih dan menyambut baik keputusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan kekerapan Persidangan MMN kepada dua kali setahun serta mengemaskinikan peraturan mesyuarat.

Dalam pada itu, Yang Berhormat Awang Haji Daud menyatakan langkah ini akan memastikan perbincangan lebih terperinci dan penyelesaian isu-isu utama dapat dicapai dengan lebih sistematis berpaksikan ketelusan.

Yang Berhormat Awang Haji Daud yakin perubahan ini akan menjadikan MMN lebih berkesan dan berwibawa dalam memperjuangkan kepentingan rakyat serta menyokong pembangunan negara selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

"Sesungguhnya keseluruhan titah baginda itu amat kita junjung tinggi dan menjadi tanggungjawab serta kewajiban kepada semua yang terlibat untuk menanai dalam memastikan keamanan dan

kesejahteraan rakyat dan negara sentiasa terjamin," jelas Yang Berhormat lagi.

Seterusnya, dalam pandangan Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh, titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam amatlah padat dan mempunyai informasi yang cukup bernilai dan perlu ditanai sebagai panduan dan landasan bagi mengerakkan agenda kemajuan negara dan juga menyentuh beberapa perkara utama yang perlu diambil perhatian sewajarnya.

"Perkara ini penting ke arah meningkatkan integriti dan kewibawaan setiap Ahli-ahli Majlis untuk berfikir secara terbuka, berunding secara teratur dan bertindak proaktif demi kepentingan negara," jelas Yang Berhormat.

Dalam soal ekonomi negara tambah Yang Berhormat lagi, usaha negara ke arah mempelbagaikan ekonomi sudah mula menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Perkara ini boleh dilihat melalui pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi sektor bukan minyak dan gas, yang menunjukkan pertumbuhan 4.3 peratus setahun sepanjang tempoh tahun 2017 hingga 2023.

"Kejayaan ini adalah berkat kepimpinan baginda yang sentiasa komited menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai negara yang maju dengan ekonomi yang stabil dan dinamik. Ini termasuklah membuka peluang-peluang perniagaan kepada anak-anak

tempatan dan para pelabur asing dengan menghasilkan produk-produk baharu untuk memenuhi pasaran global," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh juga menyambut baik titah baginda berkenaan dengan transformasi dalam meningkatkan produktiviti dan hasil negara merentasi sektor-sektor seperti pertanian, pengangkutan, pendidikan, kesihatan, pelancongan, keselamatan dan Perkhidmatan Awam dengan mengambil kira teknologi di dalam menghasilkan produk baharu.

Dalam kata lain, tambah Yang Berhormat, menghasilkan produk-produk baharu dalam sektor pertanian dengan menggunakan teknologi bio yang lebih selamat dan mempunyai pasaran yang lebih tinggi.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan (atas). Manakala gambar bawah, antara yang hadir mendengarkan persidangan berkenaan.



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman.

# MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



## Kesejahteraan, kebajikan rakyat jadi keutamaan



YANG Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN).

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman  
Foto : Mohammad Hatri Hazmi Awang Abdul Hamid,  
Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Khamis, 27 Februari. - Keprihatinan dan pemedulian tinggi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa mengambil berat terhadap kesejahteraan dan kebajikan

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sentiasa mengambil berat terhadap kesejahteraan dan kebajikan

rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) jelas terbukti dengan baginda telah memperkenankan bagi pengemaskinian dasar caj perkhidmatan yang sedia ada bagi penduduk tetap yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan atau *stateless* untuk diberikan kemudahan perkhidmatan kesihatan sepetimana yang diberikan kepada warga NBD.

Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib menggariskan perkara tersebut semasa berucap pada hari kedua Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis.

Berkaitan dengan ekonomi pula, jelas Yang Berhormat, kita bersyukur bahawa usaha dan inisiatif yang dilaksanakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mempelbagaikan ekonomi juga

telah mula menunjukkan hasil yang memberangsangkan.

Namun usaha-usaha dalam mempercepatkan lagi pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kepelbagaiaan ekonomi haruslah diperkasa dan dipergiatkan dengan mengambil kira kepentingan kesepatan perjalanan teknologi.

Semua ini memerlukan pandangan dan buah fikiran daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli MMN untuk sama-sama memikirkan mengenai isu-isu strategik yang berkepentingan untuk dikemukakan melalui perundungan dan permuzakarah yang teratur dan terarah dalam semua perdebatan yang konstruktif di dalam dewan yang mulia ini mahupun di luar.

"Dalam masa yang sama, pihak-pihak yang berkenaan haruslah mengambil perhatian dan meneliti dengan sebaik-baiknya cadangan dan buah fikiran yang dikemukakan itu semata-mata bagi kepentingan rakyat dan negara. Setentunya, usaha ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 bergantung kepada penglibatan, usaha gigih dan kerjasama

berterusan daripada semua pihak dan semua lapisan masyarakat untuk bertindak dan bersatu sebagai senegara atau Whole-of-Nation approach," tambah Yang Berhormat.

Dalam mengakhiri ucapan, Yang Berhormat merujuk petikan daripada Syair Perlembagaan yang dapat dijadikan inspirasi dan pegangan untuk menghidupkan suasana perbincangan dalam dewan yang mulia ini, iaitu "Tumpukan hati kepada negara, saudara sahabat setulus mesra, sepakat bermuafakat menjalankan perkara bagi kebajikan rakyat sugara."

"Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan niat yang murni dengan berpandukan semangat jitu yang menjurus kepada pembangunan negara, maka saya berpandangan perbincangan kita dalam dewan yang mulia ini boleh dijalankan dengan baik semata-mata demi kebaikan negara yang kita cintai ini. Semoga segala usaha suci yang dicurahkan dengan ikhlas akan membawakan hasil yang kita sama-sama hasratkan insyaAllah," tambah Yang Berhormat sebelum mengakhiri ucapan.

## SEMANGAT SYURA CETUSKAN KEPUTUSAN BERFAEDAH UNTUK KEPENTINGAN UMUM

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Khamis, 27 Februari. - Perkara berkaitan dengan Majlis Mesyuarat Negara (MMN) ini yang mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan sukacita telah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan di atas komitmen yang telah ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik dalam usaha memajukan agenda pembangunan negara melalui sesi dialog, muzakarah dan lawatan kerja sebagai wadah penting bagi perkongsian pandangan di antara pihak kerajaan dan rakyat di negara ini.

Komitmen Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebutkan itu sangat strategik dalam kaitannya dengan usaha dan harapan baginda terhadap kemajuan untuk MMN seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Negara, dengan pelaksanaannya yang sementara seperti sekarang adalah unik.

Jelas Yang Berhormat lagi, komitmen sedemikian itu menandakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik sedang menjalankan peranan dalam proses mengukuhkan kaedah permesyuaratan yang menepati semangat syura atau

perundungan dalam cara dan dengan semangat mencari huraian masalah untuk mendapatkan keputusan yang kukuh berfaedah dan diterima baik untuk kepentingan umum.

Sedemikian itu syura atau permesyuaratan yang sebenarnya menurut ajaran ugama kita. Dan memang pun sudah berakar umbi dalam budaya cara hidup kebruneian kita.

Perkara tersebut antara yang ditekankan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman semasa ucapan Usul Menjunjung Kasih pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis.

Keunikannya itu, bagaimana pun, tambah Yang Berhormat, tidaklah mengurangkan fungsinya sebagai wadah permesyuaratan terbuka seperti adanya sekarang di dewan ini.

"Hal ini bertepatan sekali dengan proses kemajuan Perlembagaan Negara (Pindaan), 2004 yang Pemasyurannya dengan Majlis Penandatangannya telah berlangsung pada 14 Sya'aban 1425 bersamaan 29 September 2004. Tegasnya, kaedah atau sistem permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara setakat yang sedang dilaksanakan sekarang adalah suatu langkah berhati-hati sebelum meneruskan langkah-langkah selanjutnya," tambah

Yang Berhormat.

Seterusnya Yang Berhormat menjelaskan dalam proses berhati-hati itu termasuklah dengan bijaksana memperkenalkan pembaharuan yang munasabah seperti tambahan kekerapan permesyuaratan majlis ini menjadi dua kali setahun bermula tahun ini yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda semalam itu. Ini termasuk pengemaskinian ke atas prosedur dan proses kerja menurut Peraturan Majlis Mesyuarat (Standing Orders) bagi setiap ahli untuk mempraktikkan sepenuhnya. Selain itu, baginda juga melihat akan keperluan bagi penggubalan Kod Etika Ahli-ahli Majlis dalam melaksanakan tugas dengan berkesan dan berintegriti tinggi.

Mengenai MMN ini, Yang Berhormat merujuk kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Majlis Menandatangani Pemasyuruan Perlembagaan Negara (Pindaan), 2004 di mana baginda bertitah percaya rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam menaruh harapan tinggi kepada kerajaan dalam apa jua yang berkaitan dengan masa depan mereka dan dalam titah baginda menyeru untuk sama-sama memelihara keamanan dan meningkatkan kesejahteraan serta sentiasa pula memastikan kestabilan yang dinikmati selama ini adalah terus terpelihara dengan baiknya.

Oleh itu, tambah Yang

Berhormat, sekalipun pelaksanaan sementara kaedah permesyuaratan yang ada sekarang dan telah berlangsung sejak lama sebelum pun Perlembagaan (Pindaan) 2004 dimasyurkan kelihatan unik dan walih daripada orang lain namun ia tidaklah mengurangkan nilai atau diragukan tentang kepentingan atau kegunaannya.

"Sebab dalam masa yang sama kita melihat dan mengetahui kaedah atau sistem permesyuaratan orang lain yang mana kita pun dapat dan tahu nilai kesesuaianya untuk rakyat dan negara masing-masing yang tentu keadaan sosial-politiknya tidak sama dengan kita di Brunei. Namun kita bersyukur Brunei negara kita yang kecil molek ini adalah negara yang sama berdaulat dengan berpenduduk tidak pun sampai kiraan juta atau setengah juta," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga berucap, kita di dewan ini tentu bijak untuk menerima hakikat bahawa MMN kita sekarang adalah dalam proses kemajuan dan perkembangannya. Dalam proses itu adalah bijak sekali untuk kita terus berhati-hati.

Dan dalam berhati-hati itu, tambah Yang Berhormat, kita perlu terus menggunakan struktur organisasi akar umbi yang sudah tersedia iaitu Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Perundingan Kampung, Pertubuhan-pertubuhan sosial-budaya dan kebajikan.

"Bukan sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik patut menggunakan saluran struktural



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

organisasi-organisasi yang sedia ada itu bahkan kita Ahli-ahli Resmi Dewan ini pun, dari sekarang untuk nantinya diikut-jejak oleh Ahli-ahli Resmi yang akan datang, untuk sama-sama turun padang menyahut titah nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan integriti berkewibawaan, sama berfikir secara terbuka, berunding secara teratur dan bertindak proaktif demi kepentingan negara," jelas Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat menyembahkan junjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah DYMM atas keberangkatan dan limpah kurnia titah baginda sempena Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21, MMN, pada 27 Syaaban 1446 bersamaan dengan 26 Februari 2025.



# MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

## BERFIKIRAN TERBUKA, BERTINDAK PROAKTIF

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,  
Mohd. Sharizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Februari. - Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) mengenai peranan MMN untuk membahaskan perkara-perkara termasuk memberikan maklum balas terhadap dasar kerajaan supaya menghasilkan impak yang positif terhadap kesejahteraan rakyat amatlah besar maknanya dan harus dijunjung sepenuhnya.

Sebagai Ahli MMN, haruslah melaksanakan tugas dengan berintegriti, berfikir secara terbuka, berunding secara

teratur dan bertindak proaktif seperti yang dititahkan.

Ini termasuk mematuhi prosedur yang dikemaskinikan dan Kod Etika yang digubal agar dapat bersama-sama memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat di negara ini terpelihara.

Demikian antara yang dikemukakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, semasa menyokong usul menjunjung kasih Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman iaitu usul menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada hari kedua berlangsungnya Persidangan MMN Ke-21, yang bersidang di Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat Negara.

"Di atas keperihatinan, pemeludian dan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke atas kebajikan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini, Kementerian Kesihatan akan mengemaskini dasar caj perkhidmatan yang sedia ada bagi Penduduk Tetap yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan (stateless). Pelaksanaan perubahan dasar secara menyeluruh akan berkuatkuasa dengan serta merta. InsyaaAllah, dengan pengemaskinian ini, adalah diharapkan mereka ini dapat menerima rawatan tanpa disulitkan dengan beban kewangan," jelas Yang Berhormat.

Dengan perubahan ini, ujar Yang Berhormat penduduk tetap yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan (stateless) hanya akan dikenakan caj pendaftaran sebanyak BND1 berbanding BND3 sebelum ini.

Di samping itu juga jelas Yang Berhormat, konsultasi rawatan-rawatan termasuk rawatan bagi strok, kardiovaskular (rawatan jantung) dan kanser dan caj perkhidmatan adalah diselaraskan dengan Skim Pembayaran Kementerian Kesihatan untuk rakyat Negara Brunei Darussalam iaitu diberikan secara percuma.

"Kaola berasa sungguh berbesar hati dan amat sukacita mengambil maklum terhadap usaha-usaha kerajaan baginda melalui kementerian-kementerian yang sedang giat diungkayahkan demi mencapai kemajuan dan kemakmuran negara yang dihasratkan demi kebajikan rakyat dan penduduk. Semoga apa yang kita usahakan akan mendapat keberkatan dan izin Allah Subhanahu Wata'alua jua



YANG Berhormat Menteri Kesihatan.

dan semoga diberikan hidayah oleh-Nya dalam kita menentukan hala tuju strategi ke arah pencapaian Wawasan Negara 2035," terang Yang Berhormat.

## Usaha berterusan laksanakan transformasi ekonomi



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Februari. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman menjunjung kasih yang setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bercemar dulu berangkat ke Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN dan menyokong sepenuhnya usul oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Di dalam titah jelas Yang Berhormat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

dimainkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang dilantik dalam usaha memajukan agenda pembangunan negara.

Menurut Yang Berhormat, dengan adanya perubahan terhadap kekerapan persidangan majlis dan pengemaskinian ke atas prosedur dan proses kerja menurut Peraturan Majlis Mesyuarat, peranan Ahli Yang Berhormat yang dilantik akan lebih keterampilan dan berkesan.

Yang Berhormat juga menyambut baik penggubalan Kod Etika Ahli-ahli Majlis bagi kerja-kerja Mesyuarat Majlis Negara agar mesyuarat berjalan dengan lebih teratur dan berintegriti.

"Kaola juga berterima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Resmi kerana jawatan yang telah memberi kesempatan kepada abis kaola untuk menghadiri sesi muzakarah dengan Kementerian masing-masing, dan mengadakan perbincangan secara telus dan terbuka bagi abis kaola membawa isu-isu yang mempunyai impak kepada kepentingan orang ramai dan golongan-golongan tertentu semata-mata untuk mengongsi feedback orang ramai, dan bertukar-tukar pandangan serta cadangan untuk menambah baik sesuatu dasar atau tindakan Kementerian. Melalui sesi muzakarah, perbincangan dan lawatan, dapatlah abis kaola selaku Ahli Berhormat Yang Dilantik membawa permasalahan orang ramai hasil dari 'turun padang' dan sebagai usaha bersama mencari jalan penyelesaian," ujar Yang Berhormat.

ketara daripada segi pertumbuhan sepanjang 2017 hingga 2023 iaitu sebanyak 4.3 peratus setahun.

"Kita semua gembira dan menyambut baik pencapaian ini sebagai tanda bahawa negara adalah di landasan yang betul dalam usaha negara untuk tidak bergantung secara berterusan kepada hasil minyak dan gas semata-mata bagi mengekalkan dan meningkatkan lagi kemakmuran dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di negara ini. Sudah terbukti dengan adanya semangat iltizam, usaha gigih dan kerjasama yang bersepada dan erat di semua pihak yang berkepentingan dalam kerajaan, bukan kerajaan, NGO dan orang persendirian, dan melalui pelaksanaan dasar dan strategi yang sudah dikenal pasti, negara akan mencapai kejayaan dalam perjalanan kita menuju Wawasan Brunei 2035, insyaaAllah," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat turut menjelaskan bahawa di

sebalik pencapaian negara mempelbagaikan ekonomi negara sebagaimana titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita perlu berusaha untuk 'melakukan transformasi ekonomi' dengan meningkatkan produktiviti dan hasil negara merentasi sektor seperti melalui peningkatan hasil pertanian dan perikanan, pengangkutan, meningkatkan usaha untuk menarik pelaburan asing ke negara ini untuk melabur dalam pembangunan infrastruktur secara umum dan menggiatkan sektor pelancongan sebagai industri yang mempunyai potensi yang besar kepada negara serta industri-industri baharu yang membawa impak positif kepada negara.

"Kita masih perlu terus berusaha mengukuhkan sektor pendidikan supaya pelajar-pelajar kita future ready sebagai jaminan keupayaan negara menghadapi cabaran dari perubahan teknologi.

Situasi di mana terdapatnya sebilangan besar para graduan yang masih tidak bekerja tidak seharusnya kita tolerate kerana mereka mempunyai peranan besar dalam menentukan masa hadapan dan pembangunan negara," ujar Yang Berhormat.

Setiap dasar, inisiatif dan tindakan jelas Yang Berhormat, yang di dalam blueprint hendaklah sentiasa dipantau agar ia menepati sasaran dalam tempoh yang telah ditetapkan untuk mencapai objektif seperti yang dirancang, tidak hanya setakat di permulaan tetapi hingga ke garis penamat.

Yang Berhormat Ahli Yang Dilantik akan terus memberi sokongan dan sentiasa akan memberi kerjasama kepada apa jua usaha pihak kerajaan untuk mengembangkan majukan ekonomi negara selaras dengan matlamat dalam Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat yakin dalam suasana yang conducive dan friendly akan mampu bersatu mendukung cita negara.



ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 2025 di Bangunan Dewan Majlis.

## MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



# PENINGKATAN USAHA SAMA FDI UBAH LANDSKAP EKONOMI SECARA POSITIF

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Februari. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim menyatakan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan menyembahyang setinggi-tinggi menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas kurnia titah yang begitu bernes dan penuh nasihat, hikmah dan penuh pengajaran untuk kita amat-amati, junjung dan jadikan iktibar dan panduan dalam kita melaksanakan tugas dan amanah yang dipikulkan kepada kita.

Titah ini juga mencerminkan kebijaksanaan dan kewibawaan serta menggambarkan hasrat murni, harapan tinggi serta komitmen penuh baginda ke arah kesejahteraan dan kebaikan rakyat dan penduduk di negara ini terutamanya dalam memelihara perpaduan, keamanan dan kemakmuran negara melalui pencapaian pertumbuhan ekonomi

yang mampu, berdaya tahan dan inklusif supaya manfaatnya akan dirasai oleh semua lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

Yang Berhormat menyatakan demikian ketika berucap semasa menyertai perbahasan Usul Menjunjung Kasih semasa Persidangan MMN Ke-21 yang bersidang bagi hari kedua, di Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Mesyuarat.

Yang Berhormat berkata, limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya kekerapan Persidangan MMN ini akan diadakan dua kali setahun bermula tahun ini termasuk pengemaskinian ke atas prosedur dan proses kerja menurut Peraturan Majlis Mesyuarat (Standing Order) menggambarkan keyakinan, kepercayaan dan harapan tinggi baginda terhadap peranan MMN.

Ia sebagai wadah penting bagi perkongsian pandangan di antara pihak kerajaan dan rakyat di negara ini dalam memajukan agenda pembangunan terutamanya dalam membahaskan perkara-perkara utama yang menghasilkan impak positif terhadap kesejahteraan

Oleh : Norliah Md. Zain  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,  
Mohd. Sahrizal Haji Said

rakyat, katanya.

"Kaola secara peribadi menjunjung penuh dan menyokong setinggi-tinggi di atas limpah kurnia titah baginda ini dan percaya sebagaimana jua hasrat baginda perubahan-perubahan ini akan mengukuhkan lagi keberkesanan persidangan melalui perbincangan yang lebih teratur, fokus dan berkesinambungan," jelas Yang Berhormat.

Jika diamat-amati secara mendalam inti pati titah ini, kata Yang Berhormat, ia juga mengajak kita semua di sini selaku Ahli-ahli Majlis ini untuk menguatkan iltizam, bersatu padu, berganding bahu seiring sejalan untuk menyokong dan merealisasikan hasrat ini dalam langkah kita sama-sama menuju matlamat Wawasan Brunei 2035 yang akan menjadikan negara ini sentiasa aman makmur, damai sejahtera di bawah pimpinan bijaksana dan prihatin baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan rakyatnya sentiasa dalam kesejahteraan dan kebahagiaan.

Dengan kepimpinan bijaksana dan berwawasan baginda juga, tambah Yang Berhormat, inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam meningkatkan sumbangan syarikat usaha sama GLC dan pelaburan langsung asing FDI dalam sektor industri hilir telah berjaya mengubah landskap ekonomi negara secara positif.

Ujar Yang Berhormat lagi, industri - industri seperti petrochemical dan Brunei Fertilizer Industries yang beroperasi penuh pada tahun 2022, telah menunjukkan kemajuan ketara dan dapat menyumbang ke arah pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada harga tetap yang berlipat ganda dan peningkatan eksport dalam sektor bukan minyak dan gas di samping dapat meningkatkan sumbangan aktiviti-aktiviti perdagangan dan perkhidmatan perniagaan.

Ke arah itu, Yang Berhormat mengucapkan tahniah, syabas dan mengalu-alukan usaha berterusan negara dalam memacu pertumbuhan perekonomian



Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

baharu seperti pengeluaran petroleum intermediate derivative yang akan menjana aktiviti tambahan dalam sektor hilir minyak dan gas menjadikan negara sebagai hab bagi sektor kimia dan berkaitan.

Jelas Yang Berhormat, ini menunjukkan bahawa strategi negara dalam menggunakan ataupun capitalise sumber pembekalan minyak dan gas sebagai tarikan bagi menarik FDI yang bergiat dalam industri hilir telah menampakkan hasil yang memberangsangkan.

## Mencerminkan keprihatinan, kepimpinan bijaksana Kebawah DYMM



AHLI MMN, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 27 Februari. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas titah kurnia yang amat berharga dan mencerminkan keprihatinan serta kepimpinan bijaksana baginda dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara.

Yang Berhormat menjunjung kasih atas penghargaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap usaha Ahli-ahli Yang Berhormat dalam menyertai sesi dialog, muzakarah dan lawatan kerja menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa sesi MMN tahun lalu.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Yang Berhormat ketika berucap semasa menyertai perbahasan Usul Menjunjung Kasih semasa Persidangan Majlis Mesyuarat Negara Ke-21 bersidang bagi hari kedua.

Kata Yang Berhormat, nasihat baginda untuk Ahli-ahli Yang Berhormat, 'turun padang' memberi peluang untuk berjumpa berbagai lapisan masyarakat, persatuan profesional, tenaga profesional, warga emas serta agensi-agensi kerajaan.

Amalan daripada perjumpaan-perjumpaan ini didapat sangat berfaedah dan bermanfaat kerana membantu kaola mengenal pasti isu-isu yang perlu diberikan tumpuan serta kejayaan-kejayaan yang boleh dijadikan contoh dan pembelajaran, kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat menyedari bahawa tanggungjawab dalam sesi libat urus ini memainkan peranan penting untuk memastikan keimbangan dan keperluan rakyat dapat disuarakan serta membantu dalam pembentukan dasar kerajaan.

Di samping itu

perjumpaan-perjumpaan ini juga berfungsi sebagai platform utama bagi perkongsian pandangan antara kerajaan dan rakyat demi kepentingan bersama.

"InsyaAllah abis kaola akan terus berusaha dan berikhlas bagi memastikan kemajuan serta kesejahteraan Negara Brunei Darussalam (NBD)," ujar Yang Berhormat.

Selain itu, Yang Berhormat menyambut baik perubahan terhadap kekerapan majlis kepada dua kali setahun kerana ini membolehkan tumpuan yang lebih mendalam diberikan kepada isu-isu yang penting dan mendesak.

Ini sekali gus memastikan setiap perbincangan serta keputusan yang diambil lebih fokus dan berkesan, yang akan membawa manfaat kepada semua pihak kerajaan dan rakyat, dengan harapan agar setiap perancangan dapat dilaksanakan dengan baik.

Ia juga membolehkan Yang Berhormat mengetahui perkembangan terkini serta memahami cabaran dan masalah yang dihadapi oleh pihak berkaitan dan melaksanakan pelbagai isu dan perancangan yang telah ditetapkan.

Sehubungan itu, perubahan dalam prosedur pertanyaan turut membawa manfaat yang besar di mana ia menyediakan ruang dan masa yang mencukupi bagi pihak yang berkaitan untuk memberi penjelasan dengan lebih mendalam dan terperinci.

Pada masa yang sama ia juga membolehkan Yang Berhormat menilai serta memantau perkembangan serta pencapaian dengan lebih berkesan.

"Kaola juga menyambut baik titah baginda mengenai pengubalan Kod Etika Ahli-ahli Majlis yang akan membantu memperjelas peranan serta tanggungjawab Yang Berhormat dalam melaksanakan tugas dengan lebih lancar, berkesan dan penuh integriti.

Kaola juga bersetuju bahawa Kod Etika ini merupakan langkah penting dalam memastikan Ahli-ahli Majlis dapat menjalankan amanah mereka dengan lebih bertanggungjawab, profesional dan beretika demi kepentingan rakyat dan negara."

Yang Berhormat turut meluahkan rasa syukur kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memberikan satu lagi kemudahan kepada penduduk NBD dengan memperkenankan pengemaskinian dasar caj perkhidmatan bagi penduduk tetap tanpa kewarganegaraan.

Langkah ini jelas menunjukkan keprihatinan baginda dalam memastikan kesejahteraan rakyat serta akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan dinikmati oleh semua golongan masyarakat tanpa mengira status kewarganegaraan.

Yang Berhormat amatlah gembira dengan titah baginda yang menyentuh tentang kemajuan ketara dalam sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar NBD terutama dalam pertumbuhan yang pesat dalam sektor minyak dan gas serta perkhidmatan seperti yang disebutkan dalam titah baginda penubuhan industri petrokimia telah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan menyumbang kepada kedudukan

NBD sebagai hab bagi sektor kimia.

"Kita perlu memastikan bahawa pendapatan daripada industri-industri baharu yang sedang berkembang dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh perniagaan dan industri tempatan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga bersetuju dengan titah baginda bahawa adalah penting untuk terus meneroka dan membangunkan aktiviti perekonomian baharu bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap sektor minyak dan gas demi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dalam jangka masa yang panjang.

Untuk mencapai matlamat ini adalah penting untuk mengamalkan pendekatan holistik, iaitu 'Whole of Nation' dan 'Whole of Government' di mana setiap pihak memainkan peranan dalam merealisasikan matlamat yang dihasratkan, jelas Yang Berhormat.

"Ini selaras dengan kurnia titah baginda yang menekankan kepentingan kerjasama, inovasi, semangat juang dari semua pihak dalam usaha merealisasikan Wawasan Brunei 2035. Untuk merealisasikan matlamat ini, kaola setuju dengan titah baginda bahawa adalah penting untuk memanfaatkan kemajuan teknologi khususnya kecerdasan buatan atau Artificial Intelligence (AI)," kata Yang Berhormat.



## MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21 MAJLIS MESYUARAT NEGARA

# KEKERAPAN PERSIDANGAN MMN BINCANG ISU LEBIH FOKUS, KOMPREHENSIF

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,  
Mohd. Sahrizal Haji Said



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Februari. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusuf menyembahkan settinggi-tinggi menjunjung kasih dalam

menyambut baik kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap perubahan kekerapan Persidangan MMN kepada dua kali setahun mulai tahun ini.

Ini termasuklah mengemaskinikan prosedur dan proses kerja Peraturan Mesyuarat atau Standing Orders bagi setiap ahli yang mempraktikkan sepenuhnya.

Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan berpendapat kekerapan Persidangan MMN dua kali setahun ini adalah satu transformasi yang positif bagi memberikan peluang secara meluas mengutarakan sebarang pendapat dan idea dalam memperbincangkan *social issue* dasar yang lebih fokus dengan pendekatan lebih komprehensif

lagi penuh penelitian yang mampu menghasilkan impak yang positif atau keputusan yang terbaik semata-mata bagi kepentingan negara.

Di samping ini juga, jelas Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan, pendekatan ini juga bagi membolehkan mengikuti atau *follow-up* apa jua perkembangan atau proses perlaksanaan dasar, projek, inisiatif dan program kerajaan bagi memastikan bagi dapat diimplementasikan mengikut rangka kerja dan masa yang ditetapkan.

"Apa jua masalah atau isu yang berbangkit menyebabkan pelaksanaan yang tergendala akan dapat diperbincangkan punca ataupun *root cause*nya dan dikenal pasti tatacara penyelesaiannya supaya ia tidak menjejaskan kepentingan, kesejahteraan, kebajikan rakyat dan penduduk di negara ini. Kaola juga berpendapat dengan adanya pembaharuan dan kemaskinian ini dalam MMN yang dimaksudkan, InsyaAllah, ia akan dapat kita pertingkatkan lagi imej dan prestasi MMN," tambah Yang Berhormat lagi semasa perbahasan usul menjunjung

kasih pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bagi Tahun 1446

Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Bangunan Dewan Majlis.

## Mencerminkan keprihatinan, kepimpinan bijaksana Kebawah DYMM

>> Muka 17

Bagi memperkasakan sumber manusia, peningkatan literasi digital perlu diterapkan dalam kalangan generasi muda serta golongan yang lebih berusia bagi membolehkan mereka membangunkan pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi peluang dan cabaran yang dibawa oleh AI, ujar Yang Berhormat.

Dengan ini, kata Yang Berhormat, produktiviti dalam pelbagai sektor dapat ditingkatkan, proses kerja dapat dipercepatkan dan keputusan dapat dibuat dengan lebih tepat serta berkesan.

## Kepesatan teknologi pemangkin kemajuan negara

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,  
Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Februari. - Sebagai tindak balas terhadap penekanan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai pembangunan modal insan dan kemampuan negara, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee menjunjung kasih atas pemerintahan baginda terhadap potensi transformasi kecerdasan buatan (AI).

Pendekatan yang berwawasan ini amat penting untuk menjadikan negara Brunei sebagai negara yang kuat dan berdaya saing dalam era digital membuka peluang untuk inovasi, pengembangan ekonomi, dan kemakmuran negara.

Teknologi AI dapat merevolusikan pelbagai sektor dengan mengotomasi proses, meningkatkan kecekapan operasi, dan mewujudkan peluang baharu untuk kemajuan ekonomi dan sosial.

Perkara tersebut digariskan oleh Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee dalam ucapan menjunjung kasih dan menyokong sepenuhnya usul yang dibentangkan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka

inovasi, memperkuuh tadbir urus dan menggalakkan kerjasama membina masa depan yang kukuh dan makmur untuk Brunei.

Terdahulu, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee ingin merakamkan settinggi-tinggi penghargaan atas pengiktirafan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap komitmen Ahli-Ahli Berhormat yang tidak berbelah bahagi dalam memajukan agenda pembangunan negara ini melalui sesi dialog, muzakarah dan lawatan kerja.

Bimbingan serta wawasan baginda menjadi inspirasi kepada Ahli-ahli Berhormat untuk mencadangkan perbincangan yang bermakna dan bekerjasama bagi mencapai penyelesaian yang strategik, kreatif dan inovatif untuk memajukan negara yang tercinta.

"Kaola juga ingin menyampaikan ucapan tahniah kepada kepimpinan Yang Berhormat Yang Di-Pertua dan seluruh Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat, termasuk rakan-rakan ahli Yang Berhormat, atas dedikasi yang teguh serta sumbangan yang sangat dihargai. Komitmen yang tidak berbelah bahagi daripada semua pihak telah mengukuhkan

fungsi perundungan Majlis Mesyuarat, sekali gus membolehkan Ahli - ahli Berhormat untuk melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan.

Dedikasi ini terbukti melalui kejayaan penganjuran AIPA Caucus yang ke-15 pada tahun lalu, di mana wakil-wakil negara-negara anggota ASEAN berhimpun di Brunei Darussalam untuk membincangkan tema 'Strengthening ASEAN Cyber Resilience through Parliamentary Cooperation : Towards a Future of a Safe and Vibrant Digital Economy,' jelas Yang Berhormat.

Hasil usaha kerjasama ini ujar Yang Berhormat telah menghasilkan pengemukaan resolusi semasa Sidang AIPA Ke-45 di Lao PDR.

Kolaborasi ini telah menekankan kepentingan kerjasama serantau dalam menangani cabaran semasa dan Yang Berhormat yakin bahawa penglibatan ini akan berterusan bagi menghasilkan pencapaian yang lebih besar pada masa depan.

"Di samping itu, abis kaola menyambut baik atas keputusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan kekerapan persidangan majlis dari satu kepada dua kali setahun. Penambahbaikan ini akan memperkuuhkan lagi kawalan legislatif dan memastikan perjalanan perundungan yang lebih tepat pada waktunya dan memperolehi tindak balas yang lebih cepat terhadap isu-isu nasional. Dengan memudahkan perbincangan secara berkala akan memperkuuhkan tanggungjawab dan menguatkan rangka kerajaan kita," ujar Yang Berhormat.



AHLI MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-21  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

[www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH

# Meraih Kesempurnaan Ibadah Puasa

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 29 Sya'ban 1446H/28 Februari 2025M

Bagi meraih kesempurnaan ibadah puasa, terdapat adab-adab yang perlu dijaga ketika menjalani ibadah puasa, antaranya:



Mengawal dan menutup pandangan mata

dari melihat perkara-perkara yang diharamkan oleh syara' dan dari perkara-perkara yang boleh melalaikan hati dari mengingati Allah SWT



Menutup telinga

dari mendengar perkara-perkara yang diharamkan



Memelihara seluruh anggota yang lain

dari melakukan perkara-perkara yang haram dan tidak berfaedah



Menjaga lidah

dari mengeluarkan kata-kata yang tidak berfaedah dan kata-kata yang diharamkan

## BERSUNGKAI DI LUAR

Apa yang perlu diambil berat ketika bersungkai di luar:



Mendirikan sembahyang fardhu pada waktunya



Melaksanakan sembahyang sunat tarawih



Jangan makan banyak hingga terlalu kenyang dan mengelakkan pembaziran dalam penyediaan makanan

# MAJLIS RESEPSI RAI ULANG TAHUN MAHARAJA JEPUN

Oleh : Saerah  
Haji Abdul Ghani  
Foto : Mohd. Sahrizal  
Haji Said



**GADONG**, Rabu, 26 Februari. - Kedutaan Besar Jepun di Negara Brunei Darussalam menganjurkan Majlis Resepsi sempena Ulang Tahun Ke-65 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Naruhito, Maharaja Jepun di Rizqun International Hotel, malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat dan wakil Kerajaan Negara Brunei Darussalam (NBD) ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Sementara itu, bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Kikuta Yutaka dalam ucapannya menjelaskan bahawa Jepun dan NBD telah menikmati hubungan dua hala yang baik sejak kemerdekaan NBD pada tahun 1984.

Menurutnya lagi, Jepun telah menjalin hubungan diplomatik dengan NBD dan membuka keduaannya pada tahun tersebut, dan tahun lalu menandakan Ulang

Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik antara kedua-dua buah negara.

Dalam ucapannya turut menyentuh mengenai perdagangan dan pelaburan, terutamanya dalam sektor tenaga, telah menjadi pemangkin utama kemakmuran bagi kedua-dua negara selama 50 tahun yang lalu.

"Pada masa yang sama, kini jelas bahawa setiap negara harus berdepan dengan beberapa isu global dalam persekitaran yang mencabar seperti perubahan iklim. Brunei juga tidak terkecuali. Sebagai pelabur utama dan rakan niaga Brunei, Jepun berusaha untuk menyokong peralihan tenaga dan diversifikasi ekonomi Brunei," ujarnya.

Pada masa ini tambahnya, 21 syarikat Jepun beroperasi di NBD sebagai rakan yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi NBD di mana penghasilan metanol daripada gas asli Brunei, menggunakan bioteknologi dalam sektor makanan dan kesihatan,

adalah beberapa contoh usaha tersebut.

Jepun dan NBD, kedua-dua negara maritim jelasnya lagi, secara beransur - ansur memperdalam kerjasama pertahanan dan keselamatan maritim dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Dalam bidang pertukaran kebudayaan dan hubungan antara rakyat katanya, Kedutaan Jepun telah menganjurkan lebih banyak acara daripada sebelumnya untuk memperkenalkan budaya tradisional Jepun dan moden di NBD seperti Bengkel Susunan Bunga Ikebana, Pameran Makanan Jepun pertama, dan Pameran Seni Jepun Kontemporari.

Turut diadakan semasa Majlis Resepsi tersebut ialah petak-petak pameran daripada syarikat-syarikat Jepun yang beroperasi di negara ini untuk berkongsi pencapaian dan aktiviti semasa mereka.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat dan wakil Kerajaan Negara Brunei Darussalam (NBD) pada Majlis Resepsi sempena Ulang Tahun Ke-65 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maharaja Naruhito, Maharaja Jepun.



YANG Berhormat semasa sesi bergambar ramai di Rizqun International Hotel (atas). Manakala gambar atas kiri, bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Kikuta Yutaka semasa menyampaikan ucapannya.

## BIBD Connects : Memupuk penglibatan komuniti, menyokong perniagaan tempatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 28 Februari. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) hari ini melancarkan semula BIBD Connects di Taman Mahkota Jubli Emas, mempamerkan suasana yang diperbaharui dan ruang komuniti yang direka untuk menyatukan orang ramai.

Hadir melancarkan pembukaan semula BIBD Connects berkenaan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman, yang juga selaku Pengurus BIBD.

Pembukaan semula berkenaan menandakan satu langkah penting dalam komitmen BIBD untuk memupuk penglibatan komuniti dan menyokong perniagaan tempatan.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha Tetap; Ahli Lembaga Pengarah; Ahli Lembaga Penasihat Syariah;

pegawai kanan kerajaan serta pengurusan dan kakitangan daripada BIBD.

BIBD Connects setelah diubah suai kini menampilkan kawasan tempat duduk yang dilengkapi dengan penyamanan udara, menyediakan persekitaran yang mesra untuk keluarga dan rakan-rakan berkumpul dan meluangkan masa bersama.

Sebagai sebahagian daripada komitmen BIBD untuk menyokong Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), kemudahan berkenaan juga menawarkan ruang vendor yang diperluas, memperkasa usahawan dengan peluang yang lebih besar untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Dengan sentuhan keindahan budaya, tempat berkenaan turut dihiasi dengan dua mural yang menarik oleh artis tempatan, iaitu

Syazwi Shamri dan Guerrilla Architects.

Syazwi Shamri merupakan seorang artis seni digital tempatan dan tradisional yang terkenal dengan mural berskala besar, memberikan sentuhan moden yang menyeronokkan dan kontemporari kepada ikon tradisional, mencipta latar belakang yang memberi keindahan warisan budaya Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sementara itu, Guerrilla Architects, perintis seni grafiti tempatan yang terkenal dengan mural berskala besar, memberikan sentuhan moden yang menyeronokkan dan kontemporari kepada ikon tradisional, mencipta latar belakang yang memberi inspirasi kepada masyarakat.

Dalam meraikan Ramadan sebagai saat kegembiraan dan kemasyarakatan, BIBD Connects adalah diharapkan sebagai hab di mana komuniti boleh berkumpul, bersosialisasi dan mencipta kenangan berharga.

Ruang yang diperbaharui adalah bukti komitmen berterusan BIBD untuk menjadi 'Bruneian at Heart', memupuk persekitaran inklusif seiring dengan nilai komuniti.

Sempena kemudahan BIBD Connects yang dilancarkan semula berkenaan, BIBD juga melancarkan Ramadhan Eco Bazaar, meneruskan misinya untuk menyokong perniagaan tempatan dan mempromosi kelestarian.

Berikut dengan kejayaan bazar tahun lepas, edisi tahun ini mempamerkan pelbagai tawaran daripada hampir 50 PKS tempatan, memperkasa mereka melalui



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang juga selaku Pengurus BIBD semasa hadir melancarkan berkenaan dan seterusnya membuat lawatan ke petak Ramadhan Eco Bazaar (atas dan bawah).

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

platform untuk berkembang maju.

Bazar berkenaan mempromosi transaksi tanpa tunai, mencerminkan visi BIBD terhadap ekonomi digital dan menyokong rangkuman kewangan dengan memperkenalkan pelanggan dan peniaga kepada yang boleh diakses melalui alat pembayaran digital.

Dengan menggalakkan penggunaan pembayaran digital, BIBD memudahkan transaksi lebih mudah dan selamat untuk kedua-dua vendor dan pelanggan.

Selaras dengan matlamat kelestarian BIBD, Ramadhan Eco Bazaar merangkumi kempen untuk meningkatkan kesedaran tentang amalan mesra alam. Orang ramai digalakkan membawa barang yang boleh diguna semula dan ringkat untuk menyokong inisiatif berkenaan.

Para peniaga juga digalakkan untuk mengurangkan sisa, menggunakan pembungkusan yang mampu dan menawarkan produk yang mementingkan alam sekitar, mengukuhkan komitmen BIBD untuk bertanggungjawab amalan perniagaan.

Ramadhan Eco Bazaar akan berlangsung dari 28 Februari hingga 23 Mac 2025, beroperasi setiap hari dari jam 3.00 petang hingga 12.00 tengah malam di BIBD Connects, Taman Mahkota Jubli Emas, Bandar Seri Begawan.

Melalui inisiatif berkenaan, BIBD terus menunjukkan peranannya sebagai pemacu utama dalam memupuk pertumbuhan ekonomi dan kemampuan dalam NBD, seterusnya meraikan semangat komuniti dan kebersamaan sepanjang bulan Ramadan.



## Majlis Khatam Al-Quran 41 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025

### Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Februari. - Bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (HK NBD) Ke-41, Tahun 2025, seramai 1400 orang khatam Al-Quran secara serentak di keempat-empat daerah pada hari ini.

Peserta khatam terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi institusi pengajian tinggi; penuntut - penuntut Institut Pendidikan Teknikal Brunei, penuntut - penuntut maktab dan sekolah menengah; sekolah Arab, ahli-ahli persatuan belia dan sukan serta pergerakan-pergerakan belia; pelatih Pusat Pembangunan Belia, sukarelawan-sukarelawan, belia - belia masjid, ahli-ahli Pertubuhan Wargamas dan Pusat Kegiatan Warga Emas serta qari dan qariah.

Tumpuan utama Majlis Khatam Al-Quran 41 Kali tersebut bagi Daerah Brunei dan Muara adalah di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh Johan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1445 Hijrah/2024 Masihi, Awang Abdul Qawiyyel Azeez bin Haji Abdul Rajid, diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran mulai daripada Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad yang dikepalai oleh penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).

Majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim Al-Quran diketuai oleh Mahasiswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Mohammad Hafizuddin bin Mohammad Sainin.

Sementara Doa Khatam pula dibacakan oleh penuntut ITQSHHB, kemudian diikuti dengan Dikir Marhaban daripada Pertubuhan Wargamas diketuai oleh Awang Haji Alihassan bin Haji Ahmad.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa 'Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam' oleh Awang Abdul Qawiyyel Azeez.

Majlis tersebut diadakan bertujuan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 dengan pengisian - pengisian yang



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran 41 Kali Daerah Brunei dan Muara di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong (atas). Sementara gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.**

bermanfaat terutama pembacaan Al-Quran selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan NBD sebagai Negara Zikir.

Dengan adanya majlis seumpama ini juga secara tidak langsung akan dapat mempertingkatkan dan mengukuhkan lagi persefahaman serta kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiah belia serta masyarakat ke arah menggalakkan penglibatan belia dan masyarakat dalam aktiviti keagamaan.



### Daerah Belait

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama** hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran 41 Kali yang diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan (atas). Manakala gambar kanan dan bawah, sebahagian yang hadir menyertai majlis khatam berkenaan.

**KUALA BELAIT**, Khamis, 27 Februari. - Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan menjadi masjid tumpuan di Daerah Belait bagi Majlis Khatam Al-Quran 41 Kali, iaitu salah satu acara sampingan

sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya mengepalai bacaan Surah Al-Fatiyah bagi

mulai majlis ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Majlis Khatam Al-Quran dimulai daripada Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad yang diketuai oleh Belia Masjid RPN Kampung Pandan, Awang Muhammad Nur Adib bin Awang Haji Luqman, diteruskan dengan bacaan Takhtim Al-Quran dipimpin oleh Ahli Pusat Kegiatan Warga Emas, Daerah Belait, Dr. Zulkifli bin Haji Zakaria dan bacaan Doa Khatam oleh penuntut Sekolah Arab Belait, Awang Mohammad Luthfi Rafa'e bin Mohammad Amlie.

Majlis kemudian diteruskan dengan Dikir Marhaban daripada Ahli Takmir Masjid RPN Kampung Pandan dan diakhiri dengan Doa 'Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam' yang dibacakan oleh Imam Masjid RPN Kampung Pandan, Awang Abdul

Qayyuum bin Haji Aminuddin.

Majlis diadakan serentak di keempat-empat daerah, dengan tumpuan Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah bagi Daerah Brunei dan Muara; Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam bagi Daerah Tutong dan Masjid RPN Kampung Rataie di Daerah Temburong.

Tahun ini melibatkan seramai lebih 1,400 peserta di keempat-empat daerah yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi institusi pengajian tinggi, penuntut-penuntut Institut Pendidikan Teknikal Brunei, penuntut-penuntut maktab dan sekolah menengah, sekolah Arab, ahli-ahli persatuan belia dan sukan serta pergerakan - pergerakan belia, pelatih Pusat Pembangunan Belia, sukarelawan - sukarelawan, belia-belia masjid, Ahli-ahli

Pertubuhan WARGAMAS dan Pusat Kegiatan Warga Emas serta qari dan qariah.

Ia diadakan dengan tujuan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun HK NBD tahun ini dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat terutama pembacaan Al-Quran selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk dapat mempertingkatkan dan mengukuhkan lagi persefahaman serta kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiah belia serta masyarakat ke arah menggalakkan penglibatan belia dan masyarakat dalam aktiviti keagamaan.



## Majlis Khatam Al-Quran 41 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025

### Daerah Tutong

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**TUTONG**, Khamis, 27 Februari. - Majlis Khatam Al-Quran 41 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025 berlangsung di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai, Daerah Tutong, di sini.

Berangkat dan hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran bermula

daripada Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad yang dikepalai oleh penuntut Ma'had Islam Brunei, Awang Muhd. Syahmi bin Muhd. Norawi dan diteruskan dengan bacaan Takhtim Al-Quran diketuai oleh penuntut Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, Dayang Qaisara Syamina binti Kamarulzaman.

Manakala bacaan Doa Khatam pula dibacakan oleh Belia Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, Awang Muhammad Nur Hafizan @Nur Syafizan bin Saban dan seterusnya Dikir Marhaban diketuai oleh kumpulan diki dari Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan

Tutong.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa 'Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam' oleh Imam Masjid Pengiran Anak Haji



PEMANGKU Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris berkenan berangkat menghadiri Majlis Khatam Al-Quran 41 Kali sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025 berlangsung di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam (atas). Manakala gambar kiri dan bawah, sebahagian yang hadir pada majlis berkenaan.

Mohamed Alam, Kampung Sengkarai, Awang Abd. Raqib bin Haji Awang.

Majlis Khatam Al-Quran 41 Kali melibatkan lebih 1,400 peserta di keempat-empat daerah yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi institusi pengajian tinggi, penuntut-penuntut Institusi Pendidikan Teknikal Brunei, penuntut-penuntut maktab dan sekolah menengah, sekolah Arab, ahli-ahli persatuan belia dan sukan serta pergerakan-pergerakan belia, pelatih Pusat Pembangunan Belia, sukarelawan - sukarelawan, belia-belia masjid, Ahli-ahli Pertubuhan WAR GAMAS dan Pusat Kegiatan Warga Emas serta qari dan qariah.

Majlis ini bertujuan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat terutama pembacaan Al-Quran

selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan NBD sebagai sebuah Negara Zikir. Dengan adanya majlis seumpama ini juga secara tidak langsung akan dapat mempertingkatkan dan mengukuhkan lagi

persefahaman serta kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiah belia serta masyarakat ke arah menggalakkan penglibatan belia dan masyarakat dalam aktiviti keagamaan.



**TIMBALAN** Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran 41 Kali yang diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie (atas dan kanan).

**TEMBURONG**, Khamis, 27 Februari. - Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (HK NBD) Ke-41, Tahun 2025, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) mengadakan Majlis Khatam Al-Quran 41 Kali yang diadakan secara serentak di keempat-empat daerah.

Bagi Daerah Temburong, acara diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rataie yang dihadiri oleh Timbalan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Brigadier General

(U) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh Timbalan Pemerintah ABDB, diikuti dengan bacaan Khatam Al-Quran mulai daripada Surah Ad-Dhuha hingga Surah Al-Masad yang diketuai oleh Awang Muhammad Muizzuddin bin Mohammad Jamalludin, penuntut Sekolah Arab Temburong.

Acara kemudiannya diteruskan dengan bacaan Takhtim Al-Quran dikepalai oleh Imam Masjid RPN Kampung Rataie, Awang

Julhermie bin Haji Md. Salleh, manakala Doa Khatam pula dibacakan oleh Ketua Belia Masjid RPN Kampung Rataie, Awang Zulkhairi bin Azamy.

Bagi mengakhiri majlis, bacaan Doa 'Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam' dibacakan oleh Imam Masjid RPN Kampung Rataie, Awang Mahdini bin Khamis.

Majlis Khatam Al-Quran 41 Kali melibatkan lebih 1,400 orang peserta di keempat-empat daerah yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi institusi pengajian tinggi, penuntut-penuntut Institusi Pendidikan Teknikal Brunei,

penuntut-penuntut maktab dan sekolah menengah, sekolah Arab, ahli-ahli persatuan belia dan sukan serta pergerakan-pergerakan belia, pelatih Pusat Pembangunan Belia, sukarelawan-sukarelawan, belia-belia masjid, ahli-ahli Pertubuhan Wargamas dan Pusat Kegiatan Warga Emas serta qari dan qariah.

Ia antara lain bertujuan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat terutama pembacaan

### Daerah Temburong

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Azmah Haji Ahad



Al-Quran selaras dengan hasrat negara untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai Negara Zikir.

Dengan adanya majlis seumpama ini juga secara tidak langsung akan dapat mempertingkatkan dan mengukuhkan lagi persefahaman serta kerjasama di antara agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan dan tarbiah belia serta masyarakat ke arah menggalakkan penglibatan belia dan masyarakat dalam aktiviti keagamaan.

# MAHKAMAH SYARIAH TERIMA KUNJUNGAN HORMAT



YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie semasa menerima kunjungan hormat Timbalan Presiden Mahkamah Besar United Kingdom, The Right Honourable Lord Patrick Stewart Hodge yang diadakan di Tingkat 2, Bilik Persidangan Utama, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Bandar Seri Begawan (atas dan kanan).



## ■ Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah-Mahkamah Syariah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Februari. - Mahkamah-Mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah menerima kunjungan hormat daripada Timbalan Presiden Mahkamah Besar United Kingdom, The Right Honourable

Lord Patrick Stewart Hodge yang diadakan di Tingkat 2, Bilik Persidangan Utama, Bangunan Mahkamah Besar Brunei dan Mahkamah-Mahkamah Syariah, Bandar Seri Begawan, hari ini.

Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri

Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar berkesudian menerima kunjungan hormat Timbalan Presiden Mahkamah Besar United Kingdom, The Right Honourable Lord Patrick Stewart Hodge.

Turut serta mengalaukan kunjungan hormat tersebut adalah Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah

Rayuan Syariah, Pemangku Pengarah Jabatan Kehakiman Negara, JPM serta Pegawai-pegawai Mahkamah Syariah.

Pada kunjungan tersebut Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim mengambil peluang untuk bertukar-tukar pandangan dan

pengalaman berhubung perkara berkaitan perundangan dan kehakiman syariah di negara masing-masing.

Dalam kesempatan tersebut juga, kedua-dua pihak telah bertukar-tukar cenderahati sebagai tanda hubungan baik antara kedua-dua pihak khasnya di antara Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom.

## BSM raikan prestasi cemerlang rakan niaga



YANG Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri semasa hadir pada Anugerah Kecemerlangan Rakan Niaga 2025 dan Acara Penghargaan bertempat di Tarindak d'Polo, Jerudong bagi mengiktiraf sumbangan cemerlang rakan perniagaannya (atas dan kanan).



**JERUDONG**, Jumaat, 28 Februari. - Syarikat Pemasaran Brunei Shell Sendirian Berhad (BSM) petang tadi menganjurkan Anugerah Kecemerlangan Rakan Niaga 2025 dan Acara Penghargaan bertempat di Tarindak d'Polo, Jerudong bagi mengiktiraf sumbangan cemerlang rakan perniagaannya.

Majlis dihadiri oleh Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah dan Pengurus Shell Country Negara Brunei Darussalam, Henry Frank Bristol, sekali gus menekankan kepentingan kerjasama industri.

Pengarah Urusan BSM, Kapten Mohammed Alexirwan bin Haji Omar, menekankan pengiktirafan serantau BSM di Anugerah Shell Macro Distributor Asia Pacific 2024 bagi Pengurus Pemasaran

Peniaga Terbaik dan Anugerah Pemasaran Digital Terbaik.

"Pencapaian ini mencerminkan kepercayaan dan perkongsian yang kami kongsi dengan pelanggan dan rakan kongsi perniagaan kami yang dihargai dan menandakan inti pati slogan BSM 'Moving Forward with You'. Kejayaan BSM adalah kejayaan usaha kerjasama bersama, dalam industri dan adalah wajar bahawa kemenangan ini dikongsi secara kolektif," katanya lagi.

Kemuncak acara tersebut ialah Anugerah Kecemerlangan Rakan Niaga, yang memberi penghormatan kepada prestasi cemerlang dalam pelbagai kategori.

Anugerah bagi Jualan Pelincir Tertinggi untuk Stesen Mobiliti Shell dianugerahkan kepada Operasi Perniagaan dan Perusahaan

Melayu Berhad (Ko-PPMB), seterusnya, Peruncit Mobiliti Shell terbaik ialah Syarikat Stesyen Minyak Telisai Sdn. Bhd., manakala Juara Perkhidmatan Mobiliti Shell Terbaik 2024 dianugerahkan kepada Awangku Muhammad Abdul Wadud bin Pengiran Abdul Aziz, Koperasi Persatuan Tiba (KOTIBA) dengan Tanggungan Berhad.

Sementara itu, Anugerah Kecemerlangan Shell dalam Perkongsian dianugerahkan kepada NBT (Brunei) Sdn. Bhd., Boustead Sdn. Bhd., Setia Motors Sdn. Bhd., Maju Motors Sdn. Bhd., Happy Motoring Company Sdn. Bhd. dan Qaf Auto Sdn. Bhd.

Bagi Penjual Semula Pengedar Shell Terbaik Tahun ini diterima oleh Yuan Thong Enterprise, UZ Enterprise, dan Pogun Enterprise, manakala Anugerah Perkongsian

Jenama Shell diberikan kepada Setia Motors Sdn. Bhd. dan Boustead Sdn. Bhd., manakala, Shell Helix Breakthrough dianugerahkan kepada Premier Automobiles Sdn. Bhd., diikuti dengan Rakan Niaga Berprestasi Terbaik kepada NBT (Brunei) Sdn. Bhd. dan bagi anugerah Kecemerlangan Shell dalam Jualan Tertinggi diberikan kepada NBT (Brunei) Sdn. Bhd.

Dalam pada itu, BSM kekal komited untuk mengukuhkan perkongsian, memacu inovasi, dan memastikan kemampunan jangka panjang dalam sektor tenaga Brunei.

Dengan visi bersama untuk kemajuan, BSM berharap untuk melangkah ke hadapan bersama awda ke arah kejayaan yang lebih besar.

## Majlis Penyampaian Sijil Tauliah bagi Amil-amil Seluruh Negara bagi Tahun 1446H-1447H bersamaan 2025M-2026M

### Daerah Brunei dan Muara

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Februari. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) sukcita memaklumkan bahawa seramai 351 orang berserta beberapa buah institusi perbankan Islam dan syarikat telekomunikasi selaku penyedia perkhidmatan (*service provider*) bagi pembayaran Zakat Fitrah dalam talian (*online*) dilantik menjadi amil bagi mengutip zakat mengikut tempoh dan kawasan

yang ditentukan.

Sehubungan itu, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Tauliah Amil kepada Amil-Amil yang Dilantik Seluruh Negara bagi Tahun 1446-1447 Hijrah bersamaan 2025-2026 Masihi yang diadakan secara serentak di keempat-empat daerah.

Di Daerah Brunei Muara, majlis berkenaan diadakan di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan Sijil Tauliah Amil kepada amil-amil ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku Naib Yang Di-Pertua MUIB.

Pada tahun ini, seramai 196 orang amil bagi 80 kawasan di Daerah Brunei dan Muara, dilantik untuk mengutip zakat bagi Tahun Hijrah 1446/1447 bersamaan Tahun Masihi 2025/2026.

Manakala, seramai 47 orang Amil MUIB telah dilantik untuk mengutip zakat di keempat-empat daerah. Lantikan amil-amil tersebut adalah bermula 1 Ramadan 1446H sehingga 30 Syaaban 1447H.

Beberapa buah institusi

perbankan Islam terdiri daripada Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan anak syarikatnya BIBD At-Tamwil Berhad, dan beberapa buah syarikat telekomunikasi terdiri daripada Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST); Progresif Sdn. Bhd.; dan Imagine Sdn. Bhd., selaku penyedia perkhidmatan (*service provider*) pembayaran Zakat Fitrah dalam talian (*online*) kepada pelanggan masing-masing juga dilantik menjadi Amil MUIB.

Lantikan institusi perbankan Islam dan syarikat-syarikat berkenaan adalah bagi tempoh selama satu bulan bagi Tahun Hijrah 1446 bersamaan Tahun Masihi 2025 yang bermula 1 Ramadan 1446H hingga 1 Syawal 1446H, jam 7:00 pagi iaitu sebelum menunaikan Sembahyang Sunat Aidilfitri.

Terdahulu itu, Pemangku Pengarah Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit, selaku Pengurus Majlis, dalam ucapan alu-aluananya antara lain mengongsikan, Majlis lantikan dan Penyampaian Sijil Tauliah kepada para amil yang diadakan seumpama ini adalah bertujuan bagi memaklumkan dan membarigakan kepada orang ramai khasnya umat Islam di negara ini, akan amil-amil yang dilantik bagi tahun 1446/1447H bersamaan 2025/2026M ini mengikut kawasan masing-masing.

Selain dari itu, tambahnya, ia adalah sebagai syiar Islam yang memperingatkan kita dan umat Islam di negara ini akan tanggungjawab dan kewajipan kita sebagai umat Islam iaitu mengeluarkan zakat, lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan yang kita sedia maklum iaitu kewajipan mengeluarkan Zakat Fitrah.



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan Sijil Tauliah Amil kepada salah seorang penerima (atas). Manakala gambar kiri, Pengarah Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal ketika berucap.

tanggungjawab dan kewajipan kita sebagai umat Islam iaitu mengeluarkan zakat, lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan yang kita sedia maklum iaitu kewajipan mengeluarkan Zakat Fitrah.

Beliau seterusnya menekankan bahawa tanggungjawab yang diamanahkan bagi seorang amil itu, hendaknya mematuhi dua perkara yang sangat penting iaitu, pertama aspek integriti; dan kedua ialah aspek operasi.

Dalam aspek integriti jelasnya, sifat jujur dan amanah adalah menjadi kemestian perlu ada syaksiah seorang amil di samping memelihara wang kutipan zakat dalam keadaan selamat bagi mengelakkan perkara-perkara yang tidak sepatutnya berlaku sebagai misal

perbuatan khianat, penyelewengan, kehilangan, salah guna wang zakat dan seumpamanya.

Menurutnya lagi, dalam aspek yang kedua iaitu operasi, sayugianya para amil adalah dinasihat supaya menepati peraturan kewangan sebagaimana kehendak Peraturan Kewangan dan Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah - Mahkamah Kadi Penggal 77.

Dengan terlaksananya kedua-dua perkara ini tegasnya lagi, maka akan selamat, sempurna dan teraturlah proses kutipan zakat itu, dan dengan sedemikian itulah para amil diharap akan beroleh ganjaran pahala yang besar daripada Allah Subhanahu Wata'alaa.



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali selaku Ahli Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan Sijil Tauliah kepada amil-amil yang berlangsung di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai (atas dan kanan).

**TUTONG,** Khamis, 27 Februari. - Seramai 58 amil telah dilantik bagi Tahun 1446 /1447 Hijrah bersamaan Tahun 2025 / 2026 Masihi untuk mengutip zakat di 30 kawasan di Daerah Tutong. Lantikan amil-amil tersebut adalah bermula 1 Ramadan 1446H hingga 30 Syaaban 1447H.

Sehubungan itu, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Tauliah Amil kepada Amil-amil yang Dilantik Seluruh Negara bagi Tahun 1446-1447H bersamaan 2025-2026M yang diadakan secara serentak di keempat-empat daerah, petang tadi.

Di Daerah Tutong, majlis telah berlangsung di Masjid Pengiran Anak Haji Mohamed Alam, Kampung Sengkarai. Hadir selaku

tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan Sijil Tauliah kepada amil-amil ialah Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfian bin Haji Zainal selaku Ahli Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Majlis Lantikan dan Penyampaian Sijil Tauliah kepada para amil yang diadakan seumpama ini adalah bertujuan bagi memaklumkan dan membarigakan kepada orang ramai khasnya umat Islam di negara ini, akan amil-amil yang dilantik bagi Tahun 1446/1447H bersamaan Tahun 2025/2026M ini mengikut kawasan masing-masing.

Selain itu, ia adalah sebagai syiar Islam yang memperingatkan kita dan umat Islam di negara ini akan

akan tanggungjawab dan kewajipan kita sebagai umat Islam iaitu mengeluarkan zakat, lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan yang kita sedia maklum iaitu kewajipan mengeluarkan Zakat Fitrah.

Tempat-tempat pengutipan dan pembayaran zakat dilakukan di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat, tempat bertugas amil-amil dan di Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Daerah Brunei dan Muara serta cawangan-cawangan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal di Pejabat-pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Selain itu juga, orang ramai akan dapat membayar Zakat Fitrah secara dalam talian (*online*) melalui

platform perbankan di Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD); dan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); dan juga

melalui aplikasi syarikat telekomunikasi Datastream Digital (DST); dan Imagine Sdn. Bhd. di sepanjang bulan Ramadan 1446H ini.

Umat Islam di negara ini juga boleh menunaikan ibadah dan kewajipan membayar Zakat Harta Wang Simpanan dengan adanya kemudahan platform pembayaran zakat harta secara dalam talian yang telah dilancarkan oleh DST pada 21 November

2024 iaitu perkhidmatan eZakat melalui laman sesawang ezakat.dst.com.bn.

Dengan lantikan-lantikan dan kemudahan lokasi dan kawasan pembayaran serta platform perkhidmatan pembayaran zakat secara dalam talian ini, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal berharap ia akan dapat memudahkan orang ramai khasnya para 'muzakki' (pembayar zakat) di negara ini dalam menunaikan kewajipan mengeluarkan Zakat Fitrah dan Zakat Harta di setiap kawasan dan platform yang telah ditentukan.

## Majlis Penyampaian Sijil Tauliah bagi Amil-amil Seluruh Negara bagi Tahun 1446H-1447H bersamaan 2025M-2026M

### Daerah Belait

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**BELAIT**, Khamis, 27 Februari. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) sukacita memaklumkan bahawa seramai 351 orang berserta beberapa buah institusi perbankan Islam dan syarikat telekomunikasi selaku penyedia perkhidmatan (service provider) bagi pembayaran Zakat Fitrah dalam talian (*online*) dilantik

menjadi amil bagi mengutip zakat mengikut tempoh dan kawasan yang ditentukan.

Seramai 351 amil dilantik bagi Tahun 1446 / 1447 Hijrah bersamaan Tahun 2025 / 2026 Masihi untuk mengutip zakat di 143 buah kawasan di seluruh negara.

Demikian itu juga, beberapa buah institusi perbankan Islam terdiri daripada Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan anak syarikatnya BIBD At-Tamwil Berhad dan beberapa buah syarikat telekomunikasi terdiri daripada Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST); Progresif Sdn. Bhd.

dan Imagine Sdn. Bhd., selaku penyedia perkhidmatan (service provider) pembayaran Zakat Fitrah dalam talian kepada pelanggan masing-masing juga dilantik menjadi Amil MUIB.

Lantikan institusi perbankan Islam dan syarikat-syarikat berkenaan adalah bagi tempoh selama satu bulan bagi Tahun 1446H bersamaan Tahun 2025M yang bermula 1 Ramadan 1446H hingga 1 Syawal 1446H, pukul 7.00 pagi iaitu sebelum mengerjakan Sembahyang Sunat Aidilfitri.

Sehubungan itu, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Tauliah Amil kepada Amil-amil yang Dilantik Seluruh Negara bagi Tahun 1446-1447H bersamaan 2025-2026M yang diadakan secara serentak di keempat-empat daerah, petang tadi.

Di Daerah Belait, majlis diadakan di Masjid Zainab, Lumut dan Sijil Tauliah disampaikan oleh Timbalan Mufti Kerajaan selaku Ahli MUIB, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Madin. Seramai 23 amil bagi 16 kawasan telah dilantik. Lantikan amil-amil tersebut adalah bermula 1 Ramadan 1446 Hijrah hingga 30 Syaaban 1447H.

Amil-amil yang dilantik adalah terdiri daripada Pegawai-pegawai Jabatan Majlis Ugama Islam; Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal; Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama; Pegawai-pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Tempat-tempat pengutipan dan pembayaran zakat dilakukan di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat, tempat bertugas



**TIMBALAN Mufti Kerajaan selaku Ahli Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) semasa menyerahterahkan Sijil Tauliah kepada para penerima yang diadakan di Masjid Zainab, Lumut (atas dan kiri).**

amil-amil dan di Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Daerah Brunei dan Muara serta cawangan-cawangan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal di Pejabat-pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Selain itu juga, orang ramai akan dapat membayar Zakat Fitrah secara dalam talian melalui platform perbankan di BIBD; Perbadanan TAIB; dan juga melalui aplikasi syarikat telekomunikasi DST dan Imagine Sdn. Bhd. di sepanjang bulan Ramadan 1446H ini.

Umat Islam di negara ini juga boleh menuaikan ibadah dan kewajipan membayar Zakat Harta Wang Simpanan dengan adanya

kemudahan platform pembayaran Zakat Harta secara dalam talian yang telah dilancarkan oleh DST pada 21 November 2024 iaitu perkhidmatan eZakat melalui laman [ezakat.dst.com.bn](http://ezakat.dst.com.bn).

Dengan lantikan-lantikan dan kemudahan lokasi dan kawasan pembayaran serta platform perkhidmatan pembayaran zakat secara dalam talian ini, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal berharap ia akan dapat memudahkan orang ramai khasnya para 'muzakki' (pembayar zakat) di negara ini dalam menuaikan kewajipan mengeluarkan Zakat Fitrah dan Zakat Harta di setiap kawasan dan platform yang telah ditentukan.



**PENOLONG Mufti (ifta')**, Jabatan Mufti Kerajaan selaku Ahli Majlis Ugama Islam Brunei semasa menyampaikan Sijil Tauliah Amil kepada salah seorang penerima dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai yang berlangsung di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar (kanan dan atas).

**TEMBURONG**, Khamis, 27 Februari. - Seramai 27 amil dilantik bagi Tahun 1446 / 1447 Hijrah bersamaan Tahun 2025 / 2026 Masihi untuk mengutip zakat bagi 13 kawasan di Daerah Temburong.

Manakala seramai 47 Amil Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) telah dilantik untuk mengutip zakat di keempat-empat daerah. Lantikan amil-amil tersebut adalah bermula 1 Ramadan 1446H sehingga 30 Syaaban 1447H.

Dalam pada itu, beberapa buah institusi perbankan Islam terdiri daripada Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB); Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan anak syarikatnya BIBD At-Tamwil Berhad dan beberapa buah syarikat telekomunikasi terdiri daripada Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST); Progresif Sdn. Bhd.; dan Imagine Sdn. Bhd., selaku penyedia perkhidmatan (service

provider) pembayaran Zakat Fitrah dalam talian (*online*) kepada pelanggan masing-masing juga dilantik menjadi Amil MUIB.

Lantikan institusi perbankan Islam dan syarikat-syarikat berkenaan adalah bagi tempoh selama satu bulan bagi Tahun 1446H bersamaan Tahun 2025M yang bermula 1 Ramadan 1446H hingga 1 Syawal 1446H, pukul 7.00 pagi iaitu sebelum mengerjakan Sembahyang Sunat Aidilfitri.

Sehubungan itu, Majlis Penyampaian Sijil Tauliah Amil kepada Amil-amil yang Dilantik bagi Daerah Temburong diadakan di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, hari ini.

Sijil Tauliah Amil disampaikan oleh Penolong Mufti (ifta'), Jabatan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Dennie bin Haji Abdullah, selaku Ahli MUIB.

Amil-amil yang dilantik adalah

terdiri daripada Pegawai-pegawai Jabatan Majlis Ugama Islam; Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal; Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama; Pegawai-pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei; Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Tempat-tempat pengutipan dan pembayaran zakat dilakukan di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat, tempat bertugas amil-amil dan di Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Daerah Brunei dan Muara serta cawangan-cawangan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal di Pejabat-pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Selain itu juga, orang ramai akan dapat membayar Zakat Fitrah secara dalam talian melalui

### Daerah Temburong



Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Azmah Haji Ahad

platform perbankan di BIBD dan Perbadanan TAIB; dan juga melalui aplikasi syarikat telekomunikasi DST; dan Imagine Sdn. Bhd. di sepanjang bulan Ramadan 1446H ini.

Umat Islam di negara ini juga boleh menuaikan ibadah dan kewajipan membayar Zakat Harta Wang Simpanan dengan adanya kemudahan platform pembayaran Zakat Harta secara dalam talian yang telah dilancarkan oleh DST pada 21 November 2024 iaitu perkhidmatan eZakat melalui laman

sesawang [ezakat.dst.com.bn](http://ezakat.dst.com.bn).

Dengan lantikan-lantikan dan kemudahan lokasi dan kawasan pembayaran serta platform perkhidmatan pembayaran zakat secara dalam talian ini, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal berharap ia akan dapat memudahkan orang ramai khasnya para 'muzakki' (pembayar zakat) di negara ini dalam menuaikan kewajipan mengeluarkan Zakat Fitrah dan Zakat Harta di setiap kawasan dan platform yang telah ditentukan.



## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Tawaran Perkhidmatan  
Bagi Sekolah Ugama Dan  
Arab Jabatan Pengajian Islam,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Daerah  
Brunei Dan Muara

Bilangan Tawaran:  
KHEU / JPI / KANTIN / 12 / 06

Nama  
Sekolah Ugama:  
Sekolah Ugama Pelambayan,  
Kawasan Brunei I

Bilangan Tawaran:  
KHEU / JPI / KANTIN / 44 / 06

Nama  
Sekolah Ugama:  
Sekolah Ugama Batu Marang,  
Kawasan Brunei IIB

Bilangan Tawaran:  
KHEU / JPI / KANTIN / 20 / 06

Nama  
Sekolah Ugama:  
Sekolah Ugama Tanah Jambu,  
Kawasan Brunei IIB

Bilangan Tawaran:  
KHEU / JPI / KANTIN / 02 / 06

Nama  
Sekolah Ugama:  
Sekolah Menengah Arab Laki-Laki  
Hassanal Bolkiah KM2,  
Jalan Raja Isteri Pengiran  
Anak Saleha B

Bayaran:  
BND10.00  
(Bayaran Tidak Dikembalikan)

Daerah Tutong

Bilangan Tawaran:  
KHEU / JPI / KANTIN / 43 / 06

Nama  
Sekolah Ugama:  
Sekolah Ugama Kiudang,  
Tutong

Bayaran:  
BND10.00  
(Bayaran Tidak Dikembalikan)

Tarikh  
Tutup Tawaran :  
Rabu,  
5 Mac 2025M bersamaan  
3 / 4 Ramadan 1446H.  
Jam 12.00  
Tengah Hari.



## Pemberitahuan Tawaran

**Bilangan Sebut Harga:**  
KHEU / JPI / JKS / PPPB /  
SUSS / 2024-2025  
Perkhidmatan Pengurusan  
Dan Pembersihan Bangunan  
(Housekeeping)  
Tempoh 24 Bulan Bagi  
Sekolah Ugama Sungai Besar.

**Bilangan Sebut Harga:**  
KHEU / JPI / JKS / PPPB /  
SUPAPMB / 2024-2025  
Perkhidmatan Pengurusan  
Dan Pembersihan Bangunan  
(Housekeeping)  
Tempoh 24 Bulan Bagi  
Sekolah Ugama Pengiran Anak  
Puteri Majeedah Nuurul Bolkiah.

**Bilangan Sebut Harga:**  
KHEU / JPI / JKS / PPPB /  
SUL / 2024-2025  
Perkhidmatan Pengurusan  
Dan Pembersihan Bangunan  
(Housekeeping)  
Tempoh 24 Bulan Bagi  
Sekolah Ugama Lamunin.

**Bilangan Sebut Harga:**  
KHEU / JPI / JKS / PPPB /  
SUP / 2024-2025  
Perkhidmatan Pengurusan  
Dan Pembersihan Bangunan  
(Housekeeping)  
Tempoh 24 Bulan Bagi  
Sekolah Ugama Penanjong.

**Di Bawah Kawalan  
Jabatan Pengajian Islam,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama  
Tahun 1446H-1447H /  
2024M – 2025M**

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**  
Rabu,  
25 Ramadhan 1446H /  
26 Mac 2025M,  
Tidak lewat jam  
jam 12.00 Tengah Hari.



## Iklan Tarikh Lanjutan

**Tawaran Bagi Perkhidmatan  
Kawalan Keselamatan  
Ke Atas Bangunan  
Sekolah-Sekolah Dan  
Maktab-Maktab,  
Kementerian Pendidikan**

**MOE / LTK / 101 / 2024 / 2025  
(AKS-JAN-2025)**

Tawaran Perkhidmatan Kawalan  
Keselamatan Ke Atas Bangunan  
Sekolah-Sekolah Dan Maktab-  
Maktab, Kementerian Pendidikan  
Bagi Sekolah Sukan, Daerah  
Brunei Muara, Kementerian  
Pendidikan, Negara Brunei  
Darussalam Bagi Tempoh  
Perkhidmatan Tiga [3] Tahun

**Bilangan Sebut Harga:**  
KHEU / JPI / JKS /  
19 / 2024-2025

**Keterangan:**  
Membekal Dan Menghantar  
Kamera Berserta Peralatannya,  
Jabatan Pengajian Islam,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama,  
Tahun 1446H-1447H /  
2024M-2025M

**Bilangan Sebut Harga:**  
KHEU / JPI / JKS / 20 / 2024-2025

**Keterangan:**  
Membekal, Menghantar  
Dan Memasang Langsir Bagi  
Bilik-Bilik Di Sekolah Menengah  
Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah  
(Bangunan Al-Fuqaha).  
Makmal Biology Dan Chemistry,  
Jabatan Pengajian Islam,  
Kementerian Hal Ehwal Ugama,  
Tahun 1446H-1447H /  
2024M-2025M

**Bayaran Yuran Tawaran:**  
BND10.00  
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**  
Rabu,  
25 Ramadhan 1446H /  
26 Mac 2025M.  
Tidak lewat jam  
12.00 Tengah Hari.

**MOE / LTK / 102 / 2024 / 2025  
(AKS-JAN-2025)**

Tawaran Perkhidmatan Kawalan  
Keselamatan Ke Atas Bangunan  
Sekolah-Sekolah Dan Maktab-  
Maktab, Kementerian Pendidikan  
Bagi Sekolah Menengah Pengiran  
Jaya Negara Pengiran Haji Abu  
Bakar, Daerah Belait, Kementerian  
Pendidikan, Negara Brunei  
Darussalam Bagi Tempoh  
Perkhidmatan Tiga [3] Tahun

**MOE / LTK / 103 / 2024 / 2025  
(AKS-JAN-2025)**

Tawaran Perkhidmatan Kawalan  
Keselamatan Ke Atas Bangunan  
Sekolah-Sekolah Dan Maktab-  
Maktab, Kementerian Pendidikan  
Bagi Maktab Sains Paduka Seri  
Begawan Sultan, Daerah Brunei  
Muara, Kementerian Pendidikan,  
Negara Brunei Darussalam Bagi  
Tempoh Perkhidmatan Tiga [3] Tahun

**Bayaran Yuran / Dokumen  
Tawaran Bagi**

**MOE / LTK / 101 / 2024 / 2025  
Hingga MOE / LTK / 103 / 2024 /  
2025 :**

BND30.00

[Bayaran Yuran / Dokumen  
Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Tutup  
Dan Waktu :**  
11 Mac 2025.  
Tidak Lewat  
Jam 12.00 Tengah Hari

سورو هنجاي فر خدمتن عوام  
SURUHJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**IKLAN JAWATAN KOSONG  
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT  
KELAYAKAN SERTA HURIAH TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI  
DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

**PERINGATAN PENTING**

- 1 Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
- 2 Lengkapkan Kelulusan (keputusan / pengkat serta subjek / bidang kelulusan).
- 3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (SKJN) yang berkempen.
- 4 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan".
- 5 Lengkapkan Maklumat (tarikh / pekerjaan / paperkeraan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang diperlukan di dalam skim iklan).

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PEMBANTU PELUKIS D.1-2 EB.4-5-6 (BAHAGIAN IV) DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	7(A)	05 MAC 2025
2. PEGAWAI PENELITIAN C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK	KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	01	7(A)	05 MAC 2025
3. PEMBANTU REKOD PERUBATAN D.1 EB.2-3 (BAHAGIAN IV) KEMENTERIAN KESIHATAN	KEMENTERIAN KESIHATAN	04	7(A)	05 MAC 2025
4. PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN SAINS DAN TEKNOLOGI SUPERSCALE C (BAHAGIAN I) KEMENTERIAN PERTAHANAN	PEJABAT SURUHJAYA PERKHIDMATAN AWAM	01	38(A)	05 MAC 2025
5. PEGAWAI EKONOMI KANAN B.3 (BAHAGIAN II) JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK	KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	01	38(A)	05 MAC 2025
6. PENTERJEMAH KANAN C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	7(A)	05 MAC 2025
7. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) PEJABAT PENERBANGAN KEBAWAH DULU YANG MAHA MULIA	KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	03	7(A)	05 MAC 2025
8. PENOLONG PEGAWAI KERJA TINGKAT II C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT NEGARA	JABATAN PERDANA MENTERI	01	38(A)	05 MAC 2025
9. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I B.3 (BAHAGIAN II) KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	02	38 (A)	08 MAC 2025
10. PENJILID TINGKAT II D.1 EB.2-3 (BAHAGIAN IV) KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	7 (A)	08 MAC 2025

PERINGATAN:  
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".

2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHJA.

3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI [WWW.RECRUITMENT.GOV.BN](http://WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)



Iklan Tarikh Lanjutan

Bilangan Tawaran:  
JDBM / QSTOR / 002 / 2025

Tajuk Tawaran :  
Membekalkan Alat-Alat  
Tulis Selama Satu Tahun Bagi  
Jabatan Daerah Brunei dan Muara  
Negara Brunei Darussalam

Tarikh  
Tutup Tawaran :  
11 Mac 2025.  
Selasa,  
Jam 2.00  
Petang.



Bilangan Tawaran  
Sebut Harga:  
04 / JPB / SH / 2025

Keterangan:  
Mengganti UPS Bateri Yang  
Rosak Institusi Penjara  
Maraburong Fasa 1

Bilangan Tawaran  
Sebut Harga:  
05 / JPB / SH / 2025

Keterangan:  
Pembekalan Makanan Dan  
Minuman Bagi Jabatan Penjara  
Untuk Tempoh Satu Tahun

Yuran Tawaran:  
BND5.00

Tarikh  
Tutup Dan Waktu:  
Selasa,  
25 Mac 2025.  
(Tidak lewat dari  
jam 2.00 Petang)



## KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:  
MINDEF / DFA / INFRA /  
FY2024 / T / TL / 005  
[JPPK / LTK / 23 / 2024]

Replacement Of Main Water  
Pipeline And Associated Works  
For Muara Naval Base – Phase 2  
(Underground Utility Mapping)

Tarikh Mula Tawaran :  
17 Februari 2025.

Kelas:  
III dan ke atas Sahaja

Kategori:  
KA01 dan KPB13

Tempoh Penyiapan Kerja:  
Sembilan (09) Bulan

Yuran Tawaran:  
BND30.00  
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi  
pembelian Borang Tawaran  
adalah seminggu  
sebelum tarikh tutup  
tawaran, iaitu  
Selasa,  
4 Mac 2025

Waktu Tutup Tawaran  
Semasa Bulan Ramadan:  
12.00 Tengah Hari,  
11 Mac 2025.  
(Selasa)



Rujukan Tawaran:  
MINDEF / DFA / INFRA /  
FY2024 / T / BKS / 005  
[JPPK / LTN / 12 / 2024]

Proposed Design and Build For  
Rehabilitation Phase 3B Of GF  
Flat, FG Flat And FE Flat  
Within Berakas Garrison

Tarikh Mula Tawaran :  
17 Februari 2025.

Kelas:  
VI dan ke atas Sahaja

Kategori:  
KA01, ATAU B01

Tempoh Penyiapan Kerja:  
Empat Belas (14) Bulan

Yuran Tawaran:  
BND2,000.00  
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi  
pembelian Borang Tawaran  
adalah seminggu  
sebelum tarikh tutup  
tawaran, iaitu  
Selasa,  
4 Mac 2025.

Waktu Tutup Tawaran  
Semasa Bulan Ramadan:  
12.00 Tengah Hari,  
11 Mac 2025.  
(Selasa)



Iklan Tarikh  
Pindaan Kedua

Rujukan Tawaran:  
MINDEF / DFA /  
RC / 197 (5)  
Supply Of Ration  
Food Packet for  
The Royal Brunei  
Armed Forces  
– Five (5) Years Contract

Yuran Tawaran:  
BND500.00  
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir  
bagi pembelian  
Borang Tawaran adalah  
Selasa,  
26 Mac 2025.

Tarikh  
Tutup Tawaran:  
Selasa,  
29 April 2025  
2.00 Petang.



Bilangan Tawaran:  
JKP / SH / 2024 – 2025 / 36

Tajuk Tawaran:  
“Renovation And Upgrading  
Works At Ground Floor,  
Marketing And Promotion Unit,  
Tourism Development  
Department, Ministry Of Primary  
Resources And Tourism”

Tarikh  
Tutup Tawaran:

Khamis,  
6 Mac 2025.  
Jam 12.00  
Tengah Hari.



## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada  
Pemborong-Pemborong Yang  
Berdaftar Dengan Kementerian  
Pembangunan Di Dalam

Kelas:  
III & IV Sahaja

Kategori:  
[E02 Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil  
Dokumen Tawaran Pada:  
11 Mac 2025  
(Selasa)

Tarikh Tutup :  
25 Mac 2025. (Selasa)  
Jam 12.00 Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:  
JKR / DWS / 013 / 2025

Nama Projek:  
Membekal, Menghantar Dan  
Memasang Kabel Kuasa Untuk  
Rumah Pam Baru Untuk Tangki  
Simpanan Diplomatik,  
Daerah Brunei Muara  
(Tawaran Semula)

Yuran Tawaran:  
BND50.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen: -



## PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



- IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

**iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGKU :

**+673 2383400**  
**sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGKU MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.


**Jabatan Perancangan Ekonomi Dan Statistik**  
 Kementerian Kewangan Dan Ekonomi  
 Negara Brunei Darussalam

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi masih lagi menyimpan wang taruhan Lembaga Kemajuan Ekonomi dari tahun 1979 hingga 1999 sebagaimana nombor-nombor resit dan nama-nama yang disenaraikan.

Sehubungan ini, dipohonkan kerjasama kepada nama-nama yang tersenarai di bawah akan dapat datang sendiri atau wakil dengan membawa bersama salinan resit asal dan surat wakil (jika berwakil) ke Kaunter Kewangan, Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam mulai Disember 2024 hingga Februari 2025 semasa waktu Pejabat bermula 8.30 Pagi hingga 4.00 Petang sahaja. Jika wang taruhan tidak ditutup selepas tarikh tersebut di atas, maka wang tersebut akan dimasukkan ke dalam akaun hasil Kerajaan.

Nama-nama / Syarikat-Syarikat yang berkenaan adalah seperti berikut:

Bil.	No. Resit	Tarikh	Nama	Jumlah
1	216198	September 1979	Greenland Industries Ltd	BND500.00
2	494020	Disember 1979	Awg Othman bin Burut	BND588.00
3	828030	Julai 1980	Sharikat Awang Damit	BND500.00
4	828076	Ogos 1980	Asia Win Industrial Co Ltd	BND500.00
5	828175	September 1980	Prince Hotel Company	BND500.00
6	854555	Mac 1980	Econ Motor	BND100.00
7	854556	Mac 1980	Skt Awg Damit	BND100.00
8	828991	Januari 1981	Hjh Siti Masni bte Hasib	BND588.00
9	786525	April 1982	Oriental Travel Service	BND1,000.00
10	786799	Jun 1982	Brunei Travel Service Pte Ltd	BND1,000.00
11	579613	April 1983	H.T.H Travel Agency	BND1,000.00
12	048583	1983	Awg Zainal Arifin Puteh	BND1,000.00
13	048754	1983	Intan Travel and Trading Agent	BND1,000.00
14	049179	1983	Hj Abd Rahman Hj Lamit	BND1,000.00
15	049310	1983	Coel Aina (b) Ltd	BND500.00
16	280361	1987	Hj Omar bin Ibrahim	BND3,900.00
17	525014	Mei 1989	WanTong Travel Service	BND1,000.00
18	419457	Februari 1990	M/s Jaskkil (B) bhd	BND200.00
19	419452	Februari 1990	M/s Mechaira Engineering Sdn Bhd	BND200.00
20	419460	Februari 1990	To Bishima Jaya Sdn Bhd	BND500.00
21	419463	Februari 1990	Miss L & M Drestresing Sdn Bhd	BND500.00
22	419466	Februari 1990	Chuon Tzu Construction Co	BND500.00
23	419470	Februari 1990	Misses Syarikat Morni	BND500.00
24	419476	Februari 1990	Hj Mohd. Yassin General Contractor Sdn Bhd	BND500.00
25	419482	Februari 1990	Borneo Air- Conditioning & Engineering Sendirian Bhd	BND200.00
26	774010	Mac 1990	Fong Electrical Trading Co Ltd	BND500.00
27	774011	Mac 1990	Friendly Electrical Co	BND500.00
28	774015	Mac 1990	M/s BMS Engineering & Partners	BND500.00
29	774318	Mac 1990	Jofri bin Mohd Noor	BND200.00
30	774319	Mac 1990	Sykt Nor Hj Ali Adik Beradik	BND200.00
31	774324	Mac 1990	Md Daud General Contractor	BND200.00
32	774328	Mac 1990	Sykt Haly	BND200.00
33	774330	Mac 1990	Siti Nabila Minimart	BND200.00
34	774332	Mac 1990	Yusaja Catering SVCS	BND200.00
35	774333	Mac 1990	Meraj Restaurant	BND200.00
36	887035	Ogos 1994	Perusahaan Hjh Sih	BND300.00
37	887038	September 1994	Restoran Al Hidayah	BND300.00
38	887044	September 1994	Perusahaan Hj Abd Rahman	BND300.00
39	887047	September 1994	Pg Othman PHI Gen Const.	BND300.00
40	887133	November 1994	Restoran Hjh Sih	BND5,700.00
41	582429	1998	Azhimu Jaya Garments	BND500.00
42	682496	November 1998	Awg Hj Md Razali bin Hj Johari RBJ Industries Sdn Bhd	BND500.00
43	4252017	Februari 1999	PDS Industries Sdn Bhd	BND500.00
44	4252045	Mei 1999	PSA Muara Container Industrial Sdn Bhd	BND500.00
45	4252048	Mei 1999	Syarikat Pengangkutan Antara Sdn Bhd	BND500.00
46	493023	1985	K.G. Holding Sdn Bhd	BND1,000.00
47	934288	Disember 1985	KG Alaimach Travel & Tourism Sdn Bhd	BND3,000.00
48	935030	April 1986	Ria Travel Service Sdn Bhd	BND1,000.00
49	935341	Mei 1986	Brunei Oxygen Sdn Bhd	BND500.00
50	522470	Mei 1987	Pankia Tunggal Knitting Mill (Lucky Garment Fact)	BND500.00
51	522809	Julai 1987	Kingston Beverage Creamery Sdn Bhd	BND500.00
52	524898	Oktober 1988	Jati Freedom Textile Sdn Bhd	BND500.00
53	525004	Mac 1989	Syarikat Pembangunan dan Kejuruteraan Sabli	BND500.00
54	525018	Julai 1989	Rubyanti D Hamidjojo	BND500.00
55	525019	Julai 1989	Moscot Utama Engineering (B) Sdn Bhd	BND500.00
56	525021	Ogos 1989	International Business Watch Products	BND500.00
57	525025	September 1989	Awg Mohd Hassan B Hj Mohd Yusof	BND500.00
58	525166	Mac 1990	Azhimu Garments sand Textile	BND500.00
59	525187	Mac 1990	Awg Amat Daud bin Tahir	BND20.00
60	525210	Jun 1990	SMAS Cb Sdn Bhd	BND1,000.00
61	525211	Mei 1990	Zisan Enterprise	BND1,000.00
62	525214	Mei 1990	Mahasiswa Travel Services	BND1,000.00
63	525252	November 1990	Asia Win Industrial Co	BND500.00
64	525346	Januari 1991	D.D.L Tour Operator	BND1,000.00
65	525425	September 1991	G & S Enterprise	BND100.00
66	525426	September 1991	Syarikat Sinar Cahaya	BND100.00
67	525427	September 1991	Hj Alias Abdullah	BND100.00
68	525435	September 1991	Rosmo Enterprise	BND400.00
69	525432	September 1991	Syarikat Nurhidaya	BND100.00
70	525433	September 1991	GRD Marine Ind Sdn Bhd	BND100.00
71	525434	September 1991	Seri Melati	BND300.00
72	525430	September 1991	Syarikat Hj Wahab bin Matali General Contractor	BND100.00
73	525552	Jun 1992	Titian Travel & Tours	BND1,000.00
74	525561	Ogos 1992	Awg Sulaiman bin Hj Ahai	BND500.00
75	525568	Oktober 1992	Hj Abu Bakar bin Hj Tengah	BND100.00
76	525571	Oktober 1992	Hj Othman bin Awg Sunggoh	BND100.00
77	525582	Oktober 1992	Kota Batu Petrol Station	BND100.00
78	525583	Oktober 1992	Hj Harlina Hj Othman	BND100.00
79	525584	Oktober 1992	Hjh Ummi Kalithum binti Md Sharbini	BND100.00
80	525589	Oktober 1992	Joharie bin Hj Matussin	BND100.00
81	525602	November 1992	Abu Hanafiah bin Mohammad Sugur	BND100.00
82	525605	November 1992	Tokai Bumiputra Sdn Bhd	BND500.00
83	525606	November 1992	Butra Sdn Bhd	BND500.00
84	525690	Januari 1993	Perusahaan PKS Kontrol Sistem	BND500.00

85	525775	Ogos 1993	Megamas Training Co Sdn Bhd	BND500.00
86	525778	Ogos 1993	HL Bian Hoe Sdn Bhd	BND500.00
87	525782	September 1993	Hjh Mariah binti Abd Latif	BND100.00
88	525789	September 1993	Hj Alimin bin Hj Tanjong	BND100.00
89	525791	September 1993	Dyg Nosnani bte Hj Kipli	BND100.00
90	525792	September 1993	Dyg Nosnani bte Hj Kipli	BND100.00
91	525797	September 1993	Sulaiman Hj Ahai	BND100.00
92	525798	September 1993	Sulaiman Hj Ahai	BND100.00
93	525811	Oktober 1993	Hjh Siti Jalila bte Hj Mohd Tanjong	BND100.00
94	525812	Oktober 1993	Hjh Siti Jalila bte Hj Mohd Tanjong	BND100.00
95	525813	Oktober 1993	Hjh Siti Jalila bte Hj Mohd Tanjong	BND100.00
96	525820	November 1993	Perkasa – Hauley Garment	BND500.00
97	525826	Disember 1993	ATH – Tyfountex Sdn Bhd	BND500.00
98	525937	Jun 1994	Alliance Garment Industries Sdn Bhd	BND500.00
99	525950	Julai 1994	Pengurus Amideo Corporation	BND1,000.00
100	525956	Julai 1994	Hj Malik bin Adam	BND100.00
101	525957	Julai 1994	Hj Malik bin Adam	BND100.00
102	525962	Ogos 1994	Rokiah Hj Mohd Zain	BND100.00
103	525963	Ogos 1994	Rokiah Hj Mohd Zain	BND100.00
104	525964	Ogos 1994	Awg Hj Salleh @ Daud bin Awg Damit	BND100.00
105	525967	Ogos 1994	Hjh Mariah bte Abd Latif	BND100.00
106	525968	Ogos 1994	Rohayah bte Hj Kama	BND100.00
107	525972	1994	Hj Naseruddin Hj Mohd Husaini	BND100.00
108	525982	November 1994	Ak Hj Sulaiman bin Pg Hj Yusof	BND100.00
109	525984	November 1994	Abdul Latif bin Md Jair	BND100.00
110	525988	November 1994	Awg Hj Md Yusof bin Hj Kamal	BND100.00
111	525989	November 1994	Siti Hawa Hj Abu Hanafiah	BND1

## HULUR BANTUAN KEPADA GOLONGAN YANG MEMERLUKAN

**Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BELAIT**, Rabu, 26 Februari. - Dalam sama-sama memeduli dan mendekati golongan yang memerlukan sekitar Daerah Belait di samping memupuk sifat prihatin serta mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, Pejabat Hal

Ehwal Ugama Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengadakan Program Bersama Memeduli (Ihtimam Ma'an) bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara



PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) semasa menyerahkan sumbangan kepada salah seorang penerima.

## Menghidupkan, meneruskan Dikir Brunei dalam kalangan masyarakat



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid selaku wakil peribadi Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai bersama para johan Pertandingan Dikir Brunei bagi Pegawai Masjid, Ahli Jawatankuasa Takmir, Muslimah Masjid dan Jemaah Masjid Berumur 45 Tahun Ke Atas Senegara bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi (kiri dan kanan).

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Ihsan Jabatan Hal Ehwal Masjid**

**BELAIT**, Rabu, 26 Februari. - Dikir Brunei merupakan khazanah berharga yang telah diwarisi oleh orang-orang Melayu Brunei dan adalah salah satu kebudayaan beragama yang telah diamalkan dalam kehidupan orang-orang Brunei sejak zaman-berzaman.

Dikir Brunei mengandungi selawat dan salam serta kisah kehidupan dan keperibadian agung dimiliki oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan pelbagai keistimewaan.

Sudah setentunya sesiapa yang membaca selawat dan salam serta menghayati akan kisah-kisah teragung Baginda akan beroleh pahala, berkat dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan syafaat dari Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sehubungan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) melalui Bahagian Imarah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Pandan, Daerah Belait mengadakan Pertandingan Dikir Brunei bagi Pegawai Masjid, Ahli

Jawatankuasa Takmir, Muslimah Masjid dan Jemaah Masjid Berumur 45 Tahun Ke Atas Senegara bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Sebanyak 21 kumpulan berentap dalam pertandingan tersebut terdiri daripada 10 kumpulan lelaki dan 11 kumpulan perempuan. Pertandingan tersebut diadakan di Masjid RPN Kampung Pandan, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri selaku wakil peribadi

tiga penerima bantuan iaitu di Kampung Sungai Mau; Kampung Keluyoh dan Kampung Sungai Bakong.

Terdahulu pada sesi pagi, seramai 42 penerima menerima sumbangan tersebut yang diserahkan oleh warga Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait.

Sumbangan adalah berbentuk barang - barang keperluan makanan asasi daripada warga Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait kepada golongan asnaf (fakir dan miskin) dan golongan yang memerlukan terdiri daripada warga

emas, golongan Orang Kelainan Upaya dan golongan yang kurang berkemampuan sekitar Daerah Belait bertujuan untuk dimanfaatkan sebagai persediaan juadah berbuka puasa semasa bulan Ramadan yang akan tiba.

Program tersebut adalah juga bagi menyemarakkan keharmonian dan rasa cintakan tanah air selain untuk mengeratkan hubungan ukhuwah dan kerja berpasukan serta memupuk sifat suka berinfak dan bersedekah dalam kalangan warga Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait.

## Waktu persekolahan semasa bulan Ramadan

**BERAKAS**, Khamis, 27 Februari. - Kementerian Pendidikan memaklumkan bahawa waktu - waktu persekolahan semasa bulan Ramadan bagi sekolah-sekolah rendah dan menengah, maktab-maktab serta pusat-pusat tingkatan enam di seluruh negara bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

**Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan**

Waktu persekolahan bagi sekolah-sekolah rendah bagi sesi pagi bermula 7.45 pagi hingga 11.55 pagi.

Manakala waktu persekolahan bagi sekolah-sekolah menengah, maktab-maktab dan pusat-pusat tingkatan enam bagi sesi pagi bermula 7.45 pagi hingga 11.50

pagi dan sesi petang bermula 12.00 tengah hari hingga 4.00 petang (bagi sekolah-sekolah yang mempunyai dua sesi).

Pelajar-pelajar prasekolah akan diberikan kelonggaran waktu pengajaran dan pembelajaran mengikut budi bicara sekolah masing-masing.

PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid selaku wakil peribadi Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai bersama para johan Pertandingan Dikir Brunei bagi Pegawai Masjid, Ahli Jawatankuasa Takmir, Muslimah Masjid dan Jemaah Masjid Berumur 45 Tahun Ke Atas Senegara bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi (kiri dan kanan).

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Ihsan Jabatan Hal Ehwal Masjid**

**BELAIT**, Rabu, 26 Februari. - Dikir Brunei merupakan khazanah berharga yang telah diwarisi oleh orang-orang Melayu Brunei dan adalah salah satu kebudayaan beragama yang telah diamalkan dalam kehidupan orang-orang Brunei sejak zaman-berzaman.

Dikir Brunei mengandungi selawat dan salam serta kisah kehidupan dan keperibadian agung dimiliki oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang telah dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan pelbagai keistimewaan.

Sudah setentunya sesiapa yang membaca selawat dan salam serta menghayati akan kisah-kisah teragung Baginda akan beroleh pahala, berkat dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan syafaat dari Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sebanyak 21 kumpulan berentap dalam pertandingan tersebut terdiri daripada 10 kumpulan lelaki dan 11 kumpulan perempuan. Pertandingan ini diadakan di Masjid RPN Kampung Pandan, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri selaku wakil peribadi

Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamsol bin Haji Omar.

Johan Kumpulan Lelaki disandang oleh Pasukan Masjid RPN Kampung Pandan 'B' manakala johan Kumpulan Perempuan diraih oleh pasukan jemputan dari Kementerian Pendidikan.

Tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk menyahut seruan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei sebagai sebuah Negara Zikir.

Di samping untuk meraih keberkatan dan syafaat junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam menerusi bacaan selawat yang terdapat dalam Dikir Brunei, pertandingan ini juga diharap dapat menghidupkan dan meneruskan budaya bacaan Dikir Brunei dalam kalangan masyarakat Brunei.

Selain itu untuk menggalakkan para peserta agar terus mempelajari dan menguasai lagu-lagu Dikir Brunei bagi meningkatkan mutu bacaan dikir yang disampaikan daripada segi 'fasahah', lagu dan suara.

# PESTA SATAY MUKIM TELISAI DIRASMIKAN



Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali  
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Tutong



PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Pesta Satay Mukim Telisai sempena Brunei Gastronomy Festival (BGF) (atas dan kanan).

**TUTONG**, Rabu, 26 Februari. - Majlis Perundingan Mukim Telisai dengan kerjasama Jabatan Daerah Tutong dan Majlis-majlis Perundingan Kampung di bawah Mukim Telisai telah menganjurkan Pesta Satay Mukim Telisai sempena Brunei Gastronomy Festival (BGF), hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan Pesta Satay Mukim Telisai ialah Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad

Sofian bin Haji Basri.

Terdahulu, Ketua Kampung Telisai, Awang Sofian bin Haji Md. Yusof selaku Pengurus berucap tujuan diadakan pesta ini adalah bagi mendedahkan dan memperkenalkan pengusaha-pengusaha khusus pengusaha produk sate dari seluruh negara dalam satu acara.

"Di samping itu, dapat menyatupadukan masyarakat dalam aktiviti atau acara yang diadakan dan seterusnya

memperkenalkan Gerai Mukim Telisai kepada umum untuk dijadikan salah satu destinasi persinggahan," tambah beliau.

Seramai tujuh pengusaha sate telah menyertai pada acara ini terdiri daripada pengusaha dari Mukim Telisai dan Daerah Brunei dan Muara dan juga Daerah Belait.

Adalah diharapkan acara seperti ini dapat mempromosi produk masing-masing serta dapat dimanfaatkan oleh para penjaja

khususnya dari Mukim Telisai dalam mengembangkan perusahaan mereka dari semasa ke semasa.

Turut hadir, Pemangku Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji

Ahmad; Setiausaha Lembaga Bandaran Tutong, Pengiran Mahdini bin Pengiran Haji Ali; Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Daerah Tutong, Ketua-ketua Kampung dan penduduk-penduduk kampung.

## 7 kategori barang makanan ditetapkan harga maksimum

**Penetapan Harga Maksimum Bermusim (PHMB)**  
1 Ramadhan – 7 Syawal 1446

**Senarai harga boleh diperolehi di:**





**Harga maksimum yang ditetapkan adalah harga siling (ceiling price) tetapi bukan harga runcit yang disyorkan. Dalam erti kata lain, peniaga adalah digalakkan untuk menawarkan harga yang lebih rendah dan kompetitif serta tidak melebihi harga siling yang ditetapkan.**



[www.dpes.gov.bn/cad](http://www.dpes.gov.bn/cad) | [dca@dpes.gov.bn](mailto:dca@dpes.gov.bn)

**Siaran Akhbar dan Infografik :**  
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 Februari. - Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi memaklumkan mengenai pelaksanaan Penetapan Harga Maksimum Bermusim (PHMB) ke atas tujuh barang makanan terpilih di sepanjang bulan Ramadan hingga minggu pertama

Syawal 1446 Hijrah. Inisiatif tahunan ini adalah kerjasama antara JPES dan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) dan bertujuan bagi mengekalkan kemampuan serta kemudahan para pengguna bagi memperoleh keperluan barang makanan

terpilih semasa musim perayaan.

Sebagai tambahan kepada pelaksanaan kawalan harga secara sepanjang masa ke atas produk minyak masak, susu tepung formula, beras dan gula. Berikut adalah kategori makanan terpilih yang akan dikawal harga secara bermusim iaitu ayam bulat, telur ayam, mentega, marjerin, minyak sapi, tepung, susu pekat, cair dan krim.

Senarai penuh harga maksimum boleh diperoleh melalui aplikasi

mudah PenggunaBijak atau laman sesawang JPES di [www.deps.mofe.gov.bn/cad](http://www.deps.mofe.gov.bn/cad). JPES menekankan bahawa harga maksimum yang ditetapkan adalah harga siling (ceiling price) tetapi bukan harga runcit yang disyorkan.

Dalam erti kata lain, peniaga adalah digalakkan untuk menawarkan harga yang lebih rendah dan kompetitif serta tidak melebihi harga siling yang ditetapkan. Pendekatan ini dapat memastikan kemampuan yang terjauh sambil mengekalkan pasaran yang adil dan dinamik.

JPES menggalakkan pengguna untuk membuat perbandingan harga, pilihan dan substitute melalui aplikasi mudah alih PenggunaBijak, yang mempromosi ketelusan harga dan membantu dalam membuat keputusan

pembelian bermaklumat dengan nilai harga terbaik.

Aplikasi tersebut membolehkan pengguna mendapatkan harga runcit bagi beberapa komoditi makanan secara mingguan daripada pelbagai kedai di seluruh negara.

Peniaga yang menjual melebihi harga maksimum akan diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 termasuk denda sehingga BND1,000 dan BND20,000 atau lima tahun penjara bagi kesalahan berulang.

Pengguna boleh melaporkan kesalahan kepada JPES melalui Talian Darussalam 123 atau aplikasi mudah alih PenggunaBijak, dengan menyertakan maklumat lengkap termasuk dokumen sokongan seperti resit pembayaran dan gambar.

## Pemakluman Galeri BKISHHB semasa Ramadan

**Siaran Akhbar : Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 Februari. - Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) dengan ini memaklumkan mengenai penutupan Galeri di BKISHHB pada 1 Ramadan 1446 Hijrah dan waktu pembukaan Galeri di BKISHHB sepanjang bulan Ramadan mulai 2 Ramadan 1446H.

Sehubungan itu, waktu pembukaan galeri pameran adalah setiap Sabtu hingga Khamis bermula pukul 9.00 pagi hingga 3.00 petang. Sementara itu, waktu kaunter tiket pada setiap Sabtu hingga Khamis bermula pukul 8.30 pagi hingga 2.00 petang.

BKISHHB adalah merupakan manifestasi hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memelihara khazanah cendekiawan Islam dengan menggiatkan pengembangannya melalui aktiviti pengumpulan, pemeliharaan, pengkajian, pameran, penyebaran, penyelidikan serta mengongsikan natijahnya bagi kemajuan Islam dan umat seumurnya serta menjadikannya 'One Stop Islamic Tourism Destination'.

# 214 DILANTIK MENGIMAMKAN SEMBAHYANG SUNAT TARAWIH



TETAMU kehormat majlis semasa menyampaikan surat lantikan imam Tarawih kepada salah seorang penerima (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.



**PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Surat Lantikan Imam Sembahyang Sunat Tarawih bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang diadakan di Masjid Sufri Bolkiah, Kampung Perpindahan Berakas.**

**BERAKAS,** Rabu, 26 Februari. - Dalam usaha memperbanyakkan amal ibadah di bulan Ramadan khususnya mengerjakan Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah di masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) dengan kerjasama Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) pagi tadi mengadakan Majlis Penyampaian Surat Lantikan Imam Sembahyang Sunat Tarawih bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Majlis diadakan di Masjid Sufri Bolkiah, Kampung Perpindahan Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan surat lantikan imam Tarawih, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid.

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Seramai 214 orang dilantik bagi mengimamkan Sembahyang Sunat Tarawih, iaitu terdiri daripada 27 pegawai masjid, 21 tenaga pengajar, 135 penuntut, dan 31 orang lepasan dalam kalangan ITQSHHB yang mana lepasan pelajar ITQSHHB berkenaan sama ada yang sedang berkhidmat dengan kerajaan atau yang sedang menyambung pengajian di peringkat tinggi di dalam dan luar negara.

Mereka akan ditempatkan di 79 buah masjid seluruh negara.

Antara objektif penempatan imam Tarawih dalam kalangan

pelajar dan lepasan pelajar ITQSHHB adalah untuk membolehkan mereka mengulang kaji hafazan, memantapkan hafazan dan juga agar mereka diberikan pengalaman sebagai seorang imam.

Dengan penglibatan mereka sebagai imam di masjid yang telah diaturkan, insyaAllah akan dapat menarik lebih ramai jemaah untuk menghadiri Sembahyang Sunat Tarawih.

Selain itu, ia juga sebagai salah satu langkah untuk anak-anak tempatan khususnya para belia dalam mentakmir dan mengimarahkan lagi masjid di bulan Ramadan.

## 20 keluarga mualaf terima sumbangan makanan asasi

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



**TUTONG,** Rabu, 26 Februari. - Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Kebajikan Muallaf) dengan kerjasama Pejabat Unit Da'wah Daerah Tutong serta Persatuan Saudara-saudara Baru Daerah Tutong (PESATU) meneruskan lagi penyerahan infak berupa makanan asasi melalui Projek Fathul Barakah 6.0 kepada seramai 20 buah keluarga mualaf di Kampung Bukit, Mukim Ukong, Daerah Tutong, hari ini.

Penyerahan infak berupa

makanan asasi ini adalah bagi sama-sama meringankan beban asnaf mualaf dalam membuat persiapan terutama dalam menyambut kedatangan bulan Ramadan agar dapat melaksanakan ibadah puasa dengan selesa dan sempurna. Majlis penyerahan dilakukan dengan mengunjungi kediaman para mualaf yang terpilih diketuai oleh Penolong Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman. Turut sama dalam rombongan tersebut ialah Ketua Unit Da'wah Daerah Tutong,

SUASANA penyerahan infak melalui Projek Fathul Barakah 6.0 semasa dijalankan di Kampung Bukit, Mukim Ukong, Daerah Tutong yang diketuai oleh Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah (atas, kiri dan kanan).

Dayang Zikrinaidah binti Haji Mat Dikir.

Projek Fathul Barakah 6.0 adalah usaha dan inisiatif PDI dengan kerjasama PESATU di mana bertujuan untuk memberi peluang kepada orang ramai dalam sama-sama memberikan infak jariah berupa makanan asasi dan seterusnya disumbangkan kepada asnaf mualaf yang memerlukan.



# BILIF TERIMA ANUGERAH ANTARABANGSA

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance



**PEMANGKU Ketua Pegawai Eksekutif, Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF), Awang Haji Afero Eswandy bin Haji Awang Mohamad semasa hadir menerima anugerah International Finance Award 2024 bagi Kategori Best Islamic Finance Training Institution - Brunei 2024 (atas dan atas kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 26 Februari. - Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) telah meraih pencapaian baharu setelah terpilih untuk menerima International Finance Award 2024 bagi Kategori Best Islamic Finance Training Institution - Brunei 2024 semasa Anugerah 12th Annual International Finance yang berlangsung pada 21 Februari 2025 di Waldorf Astoria Bangkok, Thailand.

Hadir untuk menerima anugerah tersebut ialah Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, BILIF, Awang

Haji Afero Eswandy bin Haji Awang Mohamad.

Anugerah berprestij yang dianjurkan oleh International Finance Magazine, United Kingdom, ini mengiktiraf bakat industri, kemahiran kepimpinan, *net worth* dan keunggulan pada skala global.

Penerima anugerah terdiri daripada pelbagai sektor, termasuk kewangan, perbankan, pembrokeran, insurans, utiliti dan telekomunikasi, terutamanya dari Timur Tengah, Asia, Eropah, dan Afrika.

Selain itu, anugerah tersebut bertujuan untuk mengiktiraf dan memberi penghormatan kepada institusi kewangan dan yang berkaitan atas pencapaian cemerlang mereka, termasuk usaha inovatif dalam Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR), inisiatif kebajikan, amalan tadbir urus korporat yang telus dan berdaya tahan serta sumbangan yang memberi impak positif kepada komuniti kewangan global, di samping prestasi luar biasa mereka dalam bidang masing-masing.

Sebelum acara tersebut, BILIF juga telah mengadakan beberapa perjumpaan dan mesyuarat bersama dengan Islamic Bank of Thailand, Thai Banking Academy and Stock Exchange of Thailand.

Perjumpaan dan mesyuarat tersebut bertujuan untuk membincangkan peluang kerjasama dua hala di antara BILIF dan organisasi-organisasi berkenaan, terutamanya ke arah pembangunan modal insan dan peningkatan kepakaran dalam bidang kewangan Islam.

BILIF sebagai sebuah pusat kecemerlangan bagi industri kewangan di negara ini, sentiasa giat menjalankan misinya untuk membentuk pemimpin, pakar dan pemacu inovasi masa depan terutamanya dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan melalui program dan acara bertaraf antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati melalui laman sesawang BILIF di [www.bilif.com.bn](http://www.bilif.com.bn) atau akaun Instagram @BILIF.bn.



جایز فرانچن ایکونومی دان مساتیسٹک  
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK  
JABATAN HAL FIHMI PENGGUNA  
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

### NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

**Fikir sebelum beli**

*"boleh pecaya kan tu?"*  
*"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"*  
*"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"*  
*"iawah? banar kan tawarannya ani?"*

**Jadi pengguna yang bertanggungjawab**

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

# Meningkatkan pengetahuan anggota PPDB dalam mengendalikan fardu kifayah



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANGAR,** Rabu, 26 Februari. - Daerah Polis Temburong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengungkayahkan Bengkel Fardu Kifayah : Pengurusan Jenazah Lelaki dan Wanita di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong.

Kursus berkenaan dikendalikan oleh imam masjid berkenaan,

**SEKITAR Bengkel Fardu Kifayah :** Pengurusan Jenazah Lelaki dan Wanita di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar, Temburong (atas kiri, atas kanan dan kiri).

Awang Noriezam Bin Zaini, bersama bilal, Awang Haji Mohd. Fairuz bin Haji Suhaila.

Seramai 32 peserta yang terdiri daripada pegawai dan anggota Polis Daerah Temburong, termasuk Pemangku Pegawai Pemerintah Daerah Polis Temburong, DSP Shamsulariffin bin Haji Abdul Wahab, menghadiri bengkel berkenaan.

Bengkel berkenaan bertujuan untuk meningkatkan pemahaman serta kemahiran peserta dalam melaksanakan pengurusan jenazah dengan betul mengikut tuntutan syariat Islam.

Selain itu, peserta juga didekah dengan aspek teori dan praktikal, termasuk cara memandikan, mengkafarkan, menyembahyangkan, serta mengebumikan jenazah dengan sempurna.

Bengkel diakhiri dengan penyampaian sijil penyertaan kepada peserta bengkel serta cenderamata kepada wakil masjid sebagai tanda penghargaan.

Diharapkan pengajuran bengkel seperti berkenaan dapat terus diperkasa agar lebih ramai pihak mendapat manfaat, sekali gus meningkatkan kecekapan anggota PPDB dalam mengendalikan urusan fardu kifayah dalam komuniti.

# PROGRAM SIRAH NABAWIYYAH TANAMKAN RASA CINTA KEPADA NABI MUHAMMAD



ANTARA yang hadir pada Program Sirah Nabawiyyah.

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Ihsan Masjid Kampung Kapok

**KAPOK**, Khamis, 27 Februari. - Program Sirah Nabawiyyah dianjurkan bagi memberi pengetahuan serta memupuk minat kepada para Muslimah khususnya akan sejarah Islam dengan memfokuskan keperibadian dan kehidupan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam agar para Muslimah dapat mencontohi keperibadian dan seterusnya menambah rasa kasih dan cinta kepada Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah akan mengadakan Program Sirah Nabawiyyah sebanyak empat kali.

Berikutnya itu, bagi kali pertama program tersebut telah diselanggarakan dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Kapok, yang berlangsung di masjid berkenaan.

Ceramah pada hari tersebut disampaikan oleh Pegawai Ugama, Bahagian Hal Ehwal Muslimah (SkIPP), Dayang Noorhazlina binti Mohiddin dengan tajuk 'Akhlak Nabi Muhammad Shallallahu 'Alaihi Wasallam: Satu Teladan'.

Antara objektif program ini diadakan adalah untuk menambah lagi ilmu pengetahuan tentang perjalanan hidup Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebelum dan selepas Baginda diangkat menjadi Rasul.



SESI bergambar ramai pada program berkenaan yang berlangsung di Masjid kampung Kapok.

**Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia**

**Sila muat turun PenggunaBijak**

JAKIM FEDERATION FOR ECONOMIC DEVELOPMENT AND FINANCIAL INTEGRITY  
KEMENTERIAN KUANTAN DAN EKONOMI

## Ramadan, medan transformasi diri



PENOLONG Pensyarah Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dayang Hajah Aisyah Radhiah binti Haji Abd. Ghani selaku tetamu kehormat majlis semasa sesi bergambar ramai pada Majlis Tazkirah Ramadan Khas bagi Beliawinis dan Muslimah sempena Bulan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Masjid Kampung Masin (atas). Manakala gambar atas kanan, Penolong Pensyarah Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, KUPU SB, Dayangku Norizzati binti Pengiran Haji Kasharan ketika menyampaikan tazkirah pada majlis berkenaan.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 Februari. - Bulan Ramadan adalah bulan yang mulia, penuh keberkatan dan rahmat. Ia merupakan peluang yang terbaik untuk mendidik diri, memperbaiki akhlak dan meningkatkan lagi hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan itu, Bahagian Hal Ehwal Belia, Jabatan Hal Ehwal

Masjid, serta Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Masin dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Tertinggi Bahagian Belia dan Beliawinis mengadakan Majlis Tazkirah Ramadan Khas bagi Beliawinis dan Muslimah sempena Bulan Ramadan bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Masjid Kampung Masin.

Hadir selaku tetamu kehormat

pada majlis tersebut ialah Penolong Pensyarah Fakulti Syariah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPUSB), Dayang Hajah Aisyah Radhiah binti Haji Abd. Ghani.

Majlis tersebut juga diisikan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Penolong Pensyarah Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, KUPU SB, Dayangku Norizzati binti Pengiran

Haji Kasharan.

Tujuan majlis diadakan adalah untuk menyuntik semangat dalam kalangan beliawinis dan Muslimah agar menjadikan bulan Ramadan sebagai medan transformasi diri, di samping menjadi individu yang lebih baik, bagaikan kuntuman bunga yang mekar dengan keindahan iman dan takwa.

Manakala antara objektif majlis

Siaran Akhbar dan Foto :  
Kementerian Hal Ehwal  
Ugama



ini adalah bagi memberikan kefahaman yang mendalam tentang keistimewaan bulan Ramadan. Selain itu juga majlis ini dihasrat untuk menggalakkan para beliawinis dan Muslimah dalam mengambil peluang meningkatkan amal soleh dan ketakwaan. Di samping dapat memupuk kesedaran untuk menjadi wanita solehah yang membawa manfaat kepada keluarga dan masyarakat.

Dengan adanya majlis seumpama ini akan dapat menjadi inspirasi bagi para beliawinis dan Muslimah untuk menghargai peluang bulan Ramadan dan memanfaatkannya sebaik mungkin dan diharapkan mesej tazkirah yang disampaikan dapat meresap ke dalam jiwa dan menjadikan mereka 'kuntum mekar' yang menghiasi taman keberkatan dengan akhlak dan amalan yang mulia.



**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Masa berlalu begitu pantas tanpa disedari kita telah pun berada di penghujung bulan Syaaban. Sama ada esok ataupun lusa kita akan melangkah ke bulan Ramadan. Ramadan adalah bulan yang penuh dengan keberkatan. Bulan yang mempunyai banyak keistimewaannya. Bulan yang dipenuhi dengan limpahan rahmat dan rezeki yang dirasai oleh umat Islam. Bulan seperti mana yang disebut oleh Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam yang di dalamnya mengandungi rahmat, keampunan dan pembebasan daripada api neraka. Dalam bulan inilah kita diperintahkan untuk melaksanakan ibadah puasa.

Sesungguhnya bulan Ramadan adalah bulan yang sangat istimewa kerana segala amal ibadah yang dilakukan akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Setiap amalan anak-anak Adam itu dilipatgandakan, satu kebaikan dilipatgandakan dengan 10 hingga 700 kali ganda. Allah berfirman : kecuali puasa, sesungguhnya puasa itu untuk Aku dan Akulah yang akan memberi ganjaran pahalanya. Orang yang berpuasa itu telah meninggalkan nafsu syahwat, makan dan minum kerana Aku. Bagi orang yang berpuasa ada dua kegembiraan, kegembiraan ketika berbuka dan kegembiraan ketika ia menjumpai Tuhanmu. Dan bau mulut orang yang berpuasa di hadapan Allah lebih harum daripada wangi kasturi". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Sesungguhnya ibadah puasa bukan setakat menahan diri daripada makan dan minum sahaja serta memenuhi syarat-syarat sah dan rukunnya dan tidak melanggar hal-hal lain yang membatalkan puasa tetapi juga hendaklah menahan diri daripada perbuatan-perbuatan yang boleh merosakkan atau menghapuskan pahala puasa. Oleh itu, bagi meraih kesempurnaan ibadah puasa, terdapat adab-adab yang perlu dijaga ketika menjalani ibadah puasa antaranya :

**Pertama** : Mengawal dan menutup pandangan mata daripada melihat perkara-perkara yang diharamkan oleh syarak dan daripada melihat perkara-perkara yang boleh melalaikan hati daripada mengingati Allah Subhanahu Wata'ala.

**Kedua** : Menutup telinga daripada mendengar perkara-perkara yang diharamkan supaya tidak tergolong ke dalam golongan orang-orang yang suka mendengar berita bohong dan perkara sia-sia.

**Ketiga** : Menjaga lidah daripada mengeluarkan kata-kata yang tidak berfaedah seperti berbual kosong, lebih-lebih lagi kita semua dituntut supaya menjaga lidah daripada mengeluarkan kata-kata yang diharamkan seperti mengumpat, berdusta, menyebarkan fitnah dan seumpamanya. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "Puasa itu adalah perisa. Makajanganlah dia (orang yang berpuasa itu) mengeluarkan kata-kata keji dan janganlah dia berbuat perlakuan orang-orang jahil. Dan sekiranya seseorang mengajaknya bertengkar atau memaki hamun dan

mencelanya maka hendaklah dia mengatakan : sesungguhnya aku sedang berpuasa". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

**Keempat** : Memelihara seluruh anggota yang lain seperti tangan, kaki dan sebagainya daripada melakukan perkara-perkara yang haram dan tidak berfaedah.

Dalam memperkatakan tentang waktu berbuka puasa, ia adalah saat yang ditunggu-tunggu dan menggembirakan bagi orang-orang yang sedang berpuasa iaitu setelah hampir sehari menahan diri daripada makan dan minum serta menahan diri daripada perkara yang membatalkan puasa. Antara trend yang disukai masa kini ialah bersungai di luar seperti di kedai-kedai makan atau di restoran-restoran, lebih-lebih lagi di bulan Ramadan ini nanti terdapat banyak promosi-promosi sungai yang telah diiklankan dengan tawaran harga yang sangat istimewa. Apa yang perlu diambil ketika bersungai di luar ialah :

**Pertama** : Mendirikan sembahyang fardu pada waktunya.

Sembahyang fardu wajib ditunaikan pada waktunya dan meninggalkan secara sengaja atau melalui-lalaikannya sehingga luput waktunya hukumnya ada berdosar besar. Oleh itu, berhati-hatilah ketika menjamu selera sewaktu bersungai, jangan terlalu asyik makan hingga waktu Sembahyang Fardu Maghrib terlepas.

**Kedua** : Melaksanakan Sembahyang Sunat Tarawih.

Sembahyang Sunat Tarawih ialah sembahyang sunat yang sangat dituntut (muakkadah). Mengerjakannya pula boleh dilakukan sama ada secara berseorangan ataupun secara berjemaah. Sembahyang ini sangat istimewa kerana ia hanya dapat dilakukan pada malam-malam di bulan Ramadan sahaja. Oleh itu, dalam kesempatan berada di bulan Ramadan ini, tanamkanlah azam untuk menjadikan masjid sebagai tempat ibadah di sepanjang bulan Ramadan ini seperti melaksanakan Sembahyang Sunat Tarawih, membaca Al-Quran, berikrar di masjid dan sebagainya.

**Ketiga** : Jangan makan banyak hingga terlalu kenyang dan mengelakkan pembaziran dalam penyediaan makanan.

Pada kebiasaan apabila sudah terlalu

lapar, seseorang mudah ter dorong untuk makan banyak hingga terlalu kenyang. Oleh itu, kawallah minda dan nafsu ketika makan dan elakkanlah daripada makan terlalu banyak kerana ia boleh mendorong seseorang itu merasa malas dan sukar untuk beribadah termasuklah sembahyang fardu dan Sembahyang Sunat Tarawih.

Manakala dalam penyediaan makanan pula sama ada di rumah atau di luar, hendaklah juga sederhana agar dapat mengelakkan pembaziran. Ini termasuklah juga perbuatan mengambil makanan yang banyak ke dalam pinggan ketika bersungai di mana kadangkala makanan yang diambil itu tidak habis dimakan. Bukanlah perbuatan tersebut juga adalah membazir.

Sudah menjadi kebiasaan ibu bapa mengajak anak-anak untuk berpuasa sebagaimana latihan kepada mereka. Apa yang penting kita hendaklah mendidik mereka dalam melaksanakan ibadah puasa ini dengan menjelaskan kepada mereka tentang kelebihan, ganjaran dan keberkatan berpuasa dan ajaklah mereka berpuasa dengan cara lemah lembut dan berhemah. Selain itu, ibu bapa hendaklah mengajar anak-anak bersahur dan raikan mereka ketika berbuka dengan menyediakan makanan yang digemari dan menyihatkan. Semoga dengan didikan tersebut akan dapat melatih anak-anak untuk berpuasa dengan ikhlas dan bukannya kerana terpaksa.

Marilah kita memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar dapat bertemu dengan bulan Ramadan dan dapat melaksanakan ibadah puasa itu nanti dengan sempurna mengikut adab-adabnya. Semoga dengan demikian, kita akan dapat lebih menghayati roh dan makna ibadah puasa yang sebenar. Akhirnya sama-sama lah kita berdoa semoga ibadah puasa dan segala amal yang dilakukan kelak diterima dan mendapat ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Amin Ya Rabbal Alamin.

**Tafsirnya** : "Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan ke atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang sebelum kamu supaya kamu bertakwa". (Surah Al-Baqarah, ayat 183)

## Meraih kesempurnaan ibadah puasa

**Kementerian Kesihatan**  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

# Kanser Kolorektal

**Kanser kolorektal** adalah kanser no. 1 di kalangan lelaki dan no. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

**Faktor Risiko:**

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita.
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal.
- Pernah menghidap kanser kolorektal.
- Berat badan yang berlebihan.
- Merokok.
- Tidak aktif.
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak.
- Meminum minuman keras yang berlebihan.

**Tanda-tanda kanser kolorektal:**

- Perubahan dalam pergerakan usus.
- Darah dalam najis.
- Sakit perut yang berpanjangan.
- Kembung perut.
- Kurang selera makan.

**Langkah Pencegahan:**

- Tidak merokok.
- Perbanyak memakan buah-buahan dan sayur-sayuran.
- Elakkan meminum minuman keras.
- Meningkatkan aktiviti fizikal.
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal.

**PENYESAAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA**  
Selamatkan Banyak Awam

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari [www.ppkk.gov.bn](http://www.ppkk.gov.bn)

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Februari. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan ke atas alat sukat jenis pam minyak di stesen-stesen minyak.

Langkah berkenaan adalah selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151, di mana pemeriksaan bacaan ketepatan, sah dan berdaftar dengan Unit SDT adalah dikehendaki ke atas penggunaan alat sukat dan timbang bagi tujuan perdagangan.

Dengan mengambil kira keselamatan dan kesejahteraan orang ramai serta para tenaga kerja yang terlibat sepanjang kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian berkenaan, stesen-stesen minyak akan ditutup bermula jam 9.00 pagi hingga jam 11.00 pagi atau hingga selesai, yang anggaran perlaksanaannya adalah sekitar dua jam.

Pemeriksaan dan penelitian ke atas stesen - stesen minyak berkenaan adalah pemeriksaan rutin yang dikendalikan sebanyak tiga kali setahun.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Unit SDT, IBE melalui e-mel [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn) atau melalui talian +673 2334092.

## Penutupan sementara bagi kerja pemeriksaan, penelitian bacaan

**Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

BIL.	TARIKH & WAKTU PENGUJIAN	ALAMAT/TEMPAT PENGUJIAN	DAERAH
1	6 Mac 2025 (Khamis) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Persatuan TIBA	Brunei Muara
2	8 Mac 2025 (Sabtu) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak IBA	
3	10 Mac 2025 (Isnin) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Pekan Muara	
4	11 Mac 2025 (Selasa) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Amanah	
5	12 Mac 2025 (Rabu) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Gadong	
6	13 Mac 2025 (Khamis) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Koperasi Usahajaya Pekira Bhd	
7	15 Mac 2025 (Sabtu) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Hajah Badariah dan Anak-Anak	
8	17 Mac 2025 (Isnin) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Shahryaz	Belait
9	19 Mac 2025 (Rabu) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Roxana	
10	20 Mac 2025 (Khamis) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Koperasi Perniagaan dan Perusahaan Melayu	
11	24 Mac 2025 (Isnin) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak KODRAT Berhad (Koperasi Dataran Gong Tiga)	Tutong
12	25 Mac 2025 (Selasa) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Syarikat Stesen Minyak Perusahaan Cahaya Pakatan Berhad	

# MEMPERLUASKAN JARINGAN KERJASAMA BERSAMA UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK



PERSATUAN Mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) semasa menjalankan Outreach Program Jalinan Ukhuhah 2.0 dan seterusnya mengadakan Program Khidmat Masyarakat di Kompleks Kebajikan Laila Taib (PERYATIM), Kuching, Sarawak (atas dan atas kanan).

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Februari. - Persatuan Mahasiswa Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang terlatih dalam bidang kemahiran asas kaunseling dan komunikasi yang dikenali sebagai Rakan UMAT pada tahun ini sekali lagi menjalankan Outreach Program Jalinan Ukhuhah 2.0. Sasaran tahun

ini adalah di negeri bumi kenyalang iaitu Kuching, Sarawak.

Seramai 25 Rakan UMAT UNISSA bersama dua pegawai pengiring iaitu Kaunselor Pelawat UNISSA, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor dan Pegawai Kaunselor UNISSA, Dayang Norsadiah binti Matarsad telah

mengikuti program tersebut.

Program ini bertujuan untuk memperluaskan jaringan kerjasama bersama Rakan Siswa atau Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Selain itu, Rakan UMAT turut mengambil peluang untuk mengadakan Program Khidmat

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



Masyarakat di Kompleks Kebajikan Laila Taib (PERYATIM), Kuching.

Aktiviti yang dijalankan termasuk membersihkan kawasan kompleks kebajikan, berkongsi terapi zikir bersama anak-anak PERYATIM, serta menyampaikan sumbangan berupa barang keperluan bagi membantu penghuni kompleks kebajikan tersebut.

Program selama enam hari tersebut turut merangkumi

pengagihan dan penyerahan wakaf Mushaf UNISSA ke beberapa buah institusi, termasuk Institut Tahfiz Bintulu, Akademi Tahfiz Hidayatul Quran Annur di Sibu, Kompleks Kebajikan Laila Taib (PERYATIM) Kuching, Masjid Jamek Negeri Sarawak, dan Masjid Bandaraya Kuching (Masjid Negeri Lama). Secara keseluruhan, sebanyak 200 naskhah Mushaf UNISSA telah diwakafkan.

## Kemudahan Pusat Penyelarasian Media di sepanjang Persidangan MMN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 26 Februari. - Dalam memberi kelancaran dan memudahkan para petugas khususnya pengamal media melaksanakan tugasannya sepanjang berlangsungnya Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) yang akan berjalan dalam beberapa minggu, Pusat Penyelarasian Media (MCC) ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Media dan Publisiti, bertempat di Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Mesyuarat (JMM).

Dengan tambahan Pegawai Penerangan, Pengiran Arsal bin Pengiran Haji Abdul Momin selaku Sekretariat Media mengongsikan MCC menyediakan ruang bertugas untuk wartawan, pemberita dan jurugambar termasuk pengamal media membuat berita dan info terkini yang diperlukan sepanjang Persidangan MMN berlangsung.

MCC tambahan, berfungsi

untuk memberikan perkhidmatan Pegawai Penghubung Media (MRO) yang membantu jurugambar membuat penggambaran dengan lancar, memastikan media mematuhi peraturan-peraturan membuat laporan seperti berpakaian mengikut protokol Istiadat Perasmian MMN dan hari-hari Persidangan MMN di samping memastikan media berada di kedudukan seperti yang dibenarkan oleh Bentara MMN di dalam Chamber MMN.

Dengan tambahan Pegawai Penerangan, Pengiran Arsal bin Pengiran Haji Abdul Momin selaku Sekretariat Media mengongsikan MCC menyediakan ruang bertugas untuk wartawan, pemberita dan jurugambar termasuk pengamal media membuat berita dan info terkini yang diperlukan sepanjang Persidangan MMN berlangsung.

"Pusat ini juga menyediakan ruang kerja yang kondisif, membekalkan maklumat sidang berkenaan, salinan dokumen yang berkaitan dengan MMN seperti laporan penuh Hansard dan siaran akhbar kepada wartawan.

"Pusat yang dilengkapi dengan kemudahan seperti Wi-Fi, komputer, mesin pencetak (printer) dan live feed TV dengan high volume speaker ini dihasilratkan

dapat memberi kemudahan dan keselesaan kepada para wartawan, pemberita dan jurugambar yang bertugas," ujarnya.

Beberapa peralatan logistik seperti kerusi, meja turut disediakan bagi ruang media bertugas, termasuk beberapa buah komputer meja untuk mereka membuat berita-berita yang akan diterbitkan pada sidang tersebut. Untuk itu tambahan, kemudahan-kemudahan yang tersedia di MCC ini dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh para media.

Beliau menyatakan, setiap wartawan, pemberita dan jurugambar dikehendaki membuat pendaftaran kehadiran atau melapor diri secara online menggunakan Kod QR di MCC terlebih dahulu sebelum

dibenarkan membuat laporan dan penggambaran pada persidangan mesyuarat tersebut. Jelasnya lagi, MCC beroperasi bermula pukul 8.00 pagi sehingga selesai persidangan pada sebelah petang.

Dalam hubungan itu juga, bagi menghormati dewan persidangan yang berlangsung, para media yang ingin hadir membuat laporan disarankan supaya mematuhi etika dan peraturan terutama dari segi etika berpakaian (dresscode / attire) antara lain bagi lelaki, berpakaian kemas dan sopan dengan baju kemeja lengan panjang dan seluar / skirt labuh panjang (lounge suit) dan bertudung (bagi yang beragama Islam), memakai blazer hitam atau warna gelap dan kasut kerja.

Juga diingatkan bahawa memakai topi atau cap, baju lengan pendek, baju 'T', baju sukan, seluar jeans atau pendek atau seluar sukan, skirt pendek, leggings, sandal ataupun selipar adalah tidak dibenarkan.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat-maklumat terkini mengenal Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-21 MMN bolehlah melayari laman sesawang JMM, iaitu [www.majlis-mesyuarat.gov.bn](http://www.majlis-mesyuarat.gov.bn).

# JUMLAH PERDAGANGAN DISEMBER 2024 MENINGKAT 3.4 PERATUS

**Siaran Akbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 26 Februari. - Jumlah perdagangan bagi Disember 2024 meningkat sebanyak 3.4 peratus kepada BND1,942 juta, berbanding November 2024.

Peningkatan berkenaan adalah disumbangkan oleh nilai eksport sebanyak BND1,155.4 juta dan import berjumlah BND786.6 juta.

Penyumbang utama kepada nilai eksport adalah bahan api galian sebanyak 72.7 peratus, diikuti oleh bahan kimia sebanyak 25.2 peratus dan jentera dan kelengkapan pengangkutan sebanyak 1.1 peratus.

Pasaran eksport utama adalah Australia sebanyak 22.1 peratus, diikuti Singapura dan Republik Rakyat China, masing-masing sebanyak 16.5 peratus dan 15.3 peratus.

Komoditi eksport terbesar ke negara-negara berkenaan adalah bahan api galian dan bahan kimia.

Manakala, import pada Disember 2024 bernilai BND786.6 juta. Tiga komoditi import utama adalah bahan api galian, menyumbang sebanyak 59.9 peratus, diikuti oleh jentera dan kelengkapan pengangkutan sebanyak 17.4 peratus dan makanan sebanyak 8.8 peratus.

Sumbangan terbesar rakan dagangan import adalah dari Malaysia sebanyak 40.4 peratus, diikuti oleh Emiriah Arab Bersatu sebanyak 13.6 peratus dan Republik Rakyat China sebanyak 6.8 peratus.

Komoditi import utama daripada rakan dagangan adalah bahan api galian, jentera dan kelengkapan pengangkutan dan juga makanan.

Berbanding November 2024, imbalan perdagangan pada Disember 2024 menurun sebanyak 14.1 peratus, didorong oleh peningkatan import sebanyak 8.6 peratus.

Import bagi kategori penggunaan akhir, terutamanya digunakan sebagai pemprosesan barang perantaraan sebanyak 61.1 peratus, diikuti oleh barang modal bagi operasi perniagaan sebanyak 34.7 peratus dan barang penggunaan bagi kegunaan isi rumah sebanyak 4.2 peratus.

Bagi keseluruhan 2024, nilai jumlah perdagangan adalah sebanyak BND24,786 juta, iaitu meningkat sebanyak 0.1 peratus berbanding BND24,772.6 juta pada 2023.


Laporan Perangkaan Perdagangan Barang Antarabangsa bagi Disember 2024 boleh didapati melalui laman sesawang JPES di <https://deps.mofe.gov.bn>.

Website: deps.mofe.gov.bn  
Email: info.statistics@jpss.mofe.gov.bn  
Instagram: @statistics.jpss

جاین ڈریجن ڈائیکٹوری دان سٹاتیسٹیک  
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS  
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY  
BRUNEI DARUSSALAM

## PERANGKAAN PERDAGANGAN BARANG ANTRABANGSA DISEMBER 2024

BND Juta



## Kemas kini dasar caj perkhidmatan kesihatan

**Siaran Akbar : Kementerian Kesihatan**

Ini sejajar dengan komitmen Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, inklusif dan mampu diakses oleh semua lapisan masyarakat.

Kementerian Kesihatan akan terus berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan kesihatan bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk NBD sentiasa terpelihara. Pelaksanaan perubahan dasar tersebut akan berkuat kuasa dengan serta-merta.

Untuk maklumat dan perhubungan lanjut, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn), Instagram @mohbrunei atau Talian Darussalam 123 serta mana-mana fasiliti kesihatan yang berdekatan.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi pengemaskinian dasar caj perkhidmatan kesihatan khususnya bagi penduduk tetap yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan (stateless).

Dengan perubahan ini, penduduk tetap yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan hanya akan dikenakan caj pendaftaran sebanyak BND1, berbanding BND3 sebelum ini.

Selain itu, konsultasi,

rawatan-rawatan termasuk rawatan bagi strok, kardiovaskular dan kanser dan caj perkhidmatan kesihatan adalah diselaraskan dengan Skim Pembayaran Kementerian Kesihatan bagi rakyat Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kementerian Kesihatan juga ingin menyarankan kepada mereka yang hendak mendapatkan rawatan untuk membawa dokumen-dokumen yang penting seperti kad pengenalan peribadi atau pasport bagi memudahkan sebarang urusan.

Pengemaskinian ini diharapkan dapat memastikan bahawa rakyat NBD dan penduduk tetap yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan (stateless) menerima rawatan kesihatan yang sewajarnya.

## DARI MAHKAMAH

### Pemerdagangan manusia : Penetapan perbicaraan 24 Mac

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 27 Februari. - Seorang warganegara Bangladesh, Mahedi Hasan berusia 43 tahun mengaku tidak bersalah atas kesalahan berkaitan dengan pemerdagangan manusia.

Pesuruhjaya Kehakiman, Muhammed Faisal bin PDJLD DSP Haji Kefli telah menangguhkan kes tersebut pada 24 Mac 2025 untuk menetapkan tarikh perbicaraan di Mahkamah Tinggi.

Siasatan oleh Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia dari Pasukan Polis Diraja Brunei mendedahkan bahawa defendan didakwa telah memperdagangkan tiga mangsa dari Bangladesh ke Negara Brunei Darussalam (NBD) antara tahun 2018 dan 2019 melalui penipuan untuk tujuan buruh paksa.

Defendant berhadapan dengan dua pertuduhan di bawah Bab 4 Perintah Pemerdagangan dan Penyeludupan Orang, 2004, bagi kesalahan-kesalahan yang berlaku pada tahun 2018 sebelum penguatkuasaan Akta Antipemerdagangan Orang.

Penggal 230 yang kini berkuat kuasa.

Pihak pendakwaan juga membuat satu pertuduhan di bawah Bab 5(1) Akta Antipemerdagangan Orang, Penggal 230 bagi kesalahan yang serupa yang telah dilakukan pada tahun 2019.

Jika sabit kesalahan, defendant menghadapi denda sehingga BND1,000,000, penjara sehingga 30 tahun dan sebatan di bawah Perintah Pemerdagangan dan Penyeludupan Orang, 2004.

Selain itu, di bawah Akta Antipemerdagangan Orang, Penggal 230, defendant boleh dikenakan denda minimum BND10,000 bagi setiap mangsa yang diperdagangkan.

Pihak-pihak berkusa tetap berpegang teguh dalam usaha mereka membanteras pemerdagangan manusia serta menegaskan komitmen NBD untuk memerangi eksploitasi dan memastikan keadilan untuk para mangsa. Kes dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Hajah Siti Muizzah binti Haji Sabli.

## MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Hargai Khazanah Alam Semula Jadi'. Tarikh Tutup : 5 Mac 2025
- 'Bersatu Mencapai Cita Negara'. Tarikh Tutup : 12 Mac 2025
- 'Elakkan Pembaziran, Budayakan Amalan Bersederhana'. Tarikh Tutup : 19 Mac 2025

### TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU



## Pembelian dalam talian ada kebaikan, keburukannya

Oleh : Marlinaawaty Hussin  
Illustrasi : Seksyen Reka Kreatif,  
Bahagian Pelita Brunei

**P**EMBELIAN secara dalam talian telah menjadi pilihan ramai dalam kalangan masyarakat seiring dengan perkembangan teknologi dan gaya hidup moden masa kini. Keupayaan untuk membeli barang dan perkhidmatan dengan cepat dan mudah hanya di hujung jari sahaja memberikan kita akses kepada pasaran yang lebih besar dan luas dan menurut maklumat yang diperoleh daripada laman sesawang Statista, pasaran e-dagang di Asia Tenggara dijangka akan mencapai lebih USD211 bilion pada tahun 2025.

Tahun demi tahun, pembelian runcit secara dalam talian telah berkembang pesat di rantau ini yang mendorong beberapa pihak tertentu menjalankan kajian bagi lebih memahami keperluan dan corak perbelanjaan pembeli dalam talian.

Membeli-belah dalam talian menawarkan banyak manfaat dan kelebihan, bukan sahaja kepada pembeli tetapi juga perniagaan dan masyarakat.

Ramai pengusaha kecil dan sederhana telah membawa perniagaan mereka ke platform dalam talian seperti Facebook, Instagram dan WhatsApp bagi mempromosi produk serta memperluas jangkauan pasaran.

Ini memberi peluang kepada para usahawan untuk melaksanakan strategi pemasaran yang kreatif dan menarik bagi mendapatkan lebih ramai pelanggan antaranya berkolaborasi dengan pempengaruh atau memanfaatkan jualan penstriman langsung (*livestreaming*) untuk memperkenalkan produk mereka dalam masa nyata.

### Penjimatkan masa pembelian dalam talian

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini,

semakin ramai orang memilih untuk membeli belah secara dalam talian lebih-lebih lagi semasa tibanya bulan Ramadan kerana ia lebih mudah, menjimatkan masa dan menawarkan banyak diskaun eksklusif serta tawaran menarik.

Di bulan Ramadan, aktiviti membeli belah tidak kurang meriahnya di mana para penjual akan aktif menawarkan pelbagai produk termasuk makanan dan minuman bagi juadah berbuka puasa atau bersahur; serta barang lain termasuk baju, aksesoris dan hiasan rumah sebagai persiapan orang ramai menyambut ketibaan Hari Raya Aidilfitri.

Kesibukan kerja dan rasa letih semasa berpuasa juga membuatkan para pengguna memilih untuk membeli barang yang dimahukan secara dalam talian tanpa perlu keluar rumah. Ini membolehkan pengguna untuk mencari dan memesan barang dikehendaki yang mungkin tidak dapat ditemui di pasar raya atau kedai berhampiran.

Malahan, terdapat platform e-dagang mengambil kesempatan dengan menawarkan promosi dan diskaun sempena bulan Ramadan. Tambahan lagi, platform membeli belah dalam talian dapat diakses pada bila-bila masa di mana sahaja dengan hanya menggunakan telefon pintar dan sambungan Internet. Makanan dan minuman sudah setentu antara yang menjadi pilihan pembelian dalam talian terutama apabila memasuki waktu berbuka atas alasan tidak mahu bersesak di tempat tumpuan ramai.

Dengan kemudahan platform perkhidmatan penghantaran makanan dan runner, membeli makanan dan minuman secara di dalam talian memberi kemudahan kepada mereka yang menjalani ibadah puasa untuk menikmati waktu berbuka bersama keluarga.

Walau bagaimanapun, di sebalik kesemua kemudahan tersebut para pengguna masih perlu peka bagi mengurangkan masalah

yang biasa dihadapi apabila membeli secara dalam talian.

Membeli-belah dalam talian boleh menyumbang kepada perbelanjaan impulsif, menyebabkan sesetengah pengguna membeli barang yang tidak perlu dan berbelanja secara berlebihan kerana penjual dalam talian selalunya banyak menawarkan promosi dan tawaran yang menggoda.

Dalam hal ini, pengguna dapat membandingkan harga, seterusnya menilai jumlah pembelian dengan mengambil kira kos penghantaran dan diskaun yang diberikan oleh penjual bagi mendapat harga terbaik untuk barang yang hendak dibeli.

Walaupun harga barang yang dipaparkan murah, ia tidak semestinya memberi nilai impak terbaik, kerana ia mungkin mengandungi kos penghantaran tinggi yang kadangkala melebihi harga barang yang hendak dibeli.

Di samping itu, menetapkan bajet dan membuat senarai barang yang hendak dibeli terlebih dahulu dapat membantu mengurangkan perbelanjaan tidak perlu.

Pastikan barang sampai tepat pada masanya kerana ketika menjelang musim perayaan permintaan terhadap barang dalam talian kemungkinan meningkat dan masa penghantaran menjadi lebih lama.

### Kelemahan pembelian dalam talian

Satu lagi kelemahan pembelian dalam talian adalah pengguna umumnya tidak dapat memeriksa atau mencuba barang berkenaan secara fizikal sebelum membuat pembelian.

Sebaliknya, pengguna bergantung pada imej dan penerangan diberikan penjual yang kadangkala boleh mengelirukan. Ini boleh menimbulkan rasa tidak puas hati apabila barang yang diterima tidak menepati jangkaan.

Proses pemulangan produk (*refund*) pula

boleh memakan masa dan menyusahkan, di mana sesetengah penjual mengenakan polisi pemulangan wang yang ketat.

### Penelitian sebelum pembelian dalam talian

Bagi mengelakkan perkara ini, pengguna perlu meluangkan masa membaca setiap butiran maklumat yang diberikan mengenai produk berkenaan bagi mengetahui dan menyedari apa yang dibeli.

Hubungi terus pihak penjual jika masih terdapat kekeliruan atau ingin mengetahui butiran lebih lanjut mengenai barang yang hendak dibeli.

Ulasan dan maklumat balas pelanggan yang pernah membeli produk dari penjual tersebut juga penting bagi memastikan sama ada produk yang ingin dibeli itu akan memenuhi kehendak atau keperluan kita agar tidak berlaku pembaziran akibat membeli barang yang salah atau tidak mencapai tahap kualiti yang dimahukan.

Kemudahan membeli belah secara dalam talian semasa bulan Ramadan perlu dimanfaatkan sebaiknya bagi mengurangkan tekanan dan menjimatkan masa agar para pengguna dapat meluangkan lebih masa bersama keluarga dan beribadah di bulan Ramadan.

Apa yang lebih penting adalah tanamkan sikap berbelanja mengikut kemampuan dan secara sederhana. Jangan cemarkan bulan Ramadan yang mulia dengan amalan pembaziran dan boros berbelanja. Seperti mana Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Araf, ayat 31.

"Makan dan minumlah dan janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berlebih-lebihan".

Raihlah pahala sebanyak mungkin pada bulan Ramadan nanti kerana Allah telah menjurkam pahala berlipat kali ganda untuk setiap amalan yang kita lakukan.



# DR CONGO: ANGKA KEMATIAN CECAH 60, WHO SIASAT WABAK MISTERI

**KINSHASA**, 28 Februari. - Pihak berkuasa kesihatan Republik Demokratik Congo (DR Congo) dengan kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) kini menyiasat kematian dan penyakit baharu membabitkan Wilayah Equateur, dengan 1,096 orang jatuh sakit dan 60 dilaporkan maut.

Kejadian berlaku di zon kesihatan Basankusu, Wilayah Equateur, dengan 141 kes direkodkan minggu lalu.

Pada awal Februari, kawasan yang sama mencatatkan 158 kes dan 58 kematian, lapor Xinhua.

Pada Januari, zon kesihatan Bolomba dalam wilayah yang sama melaporkan 12 kes, termasuk lapan kematian, menurut

kenyataan WHO pada Khamis.

WHO mendedahkan bahawa pemantauan penyakit yang dipertingkatkan mengenal pasti 1,096 orang jatuh sakit serta 60 kematian di Basankusu dan Bolomba.

Pesakit menunjukkan simptom seperti demam, sakit kepala, sakit otot dan sendi, batuk, muntah, cirit-birit, serta dalam beberapa kes, pendarahan pada hidung.

Pasukan tindak balas pantas negara, termasuk pakar kecemasan WHO dikerahkan ke kawasan terjejas bagi menyiasat punca wabak dan memberikan bantuan perubatan segera.

Ujian awal menolak kemungkinan jangkitan Ebola dan virus Marburg, sementara kira-kira separuh daripada sampel yang diuji didapati positif malaria.

Analisis lanjut sedang dijalankan bagi mengesan jangkitan lain seperti meningitis, serta kemungkinan pencemaran persekitaran, menurut WHO.

Usaha tindak balas masih berdepan cabaran akibat infrastruktur yang lemah dan akses kesihatan yang terhad di kawasan terpencil seperti Basankusu dan Bolomba.

Pada akhir 2024, wilayah barat daya DRC, Kwango turut dilanda penyakit misteri yang kemudiannya dikenal pasti sebagai malaria yang diperburuk oleh malnutrisi.

Laporan kerajaan yang dikeluarkan pada Januari 2025 merekodkan 2,774 kes dan 77 kematian.

Wabak itu muncul ketika DRC berdepan pelbagai krisis kesihatan

yang semakin membebankan.

Sementara itu, konflik bersenjata di wilayah North Kivu dan South

Kivu terus memburukkan lagi situasi kemanusiaan. - ©BERNAMA

## Pengeluar kereta China Geely merekodkan lebih 1,000 pesanan pembelian di Indonesia

**JAKARTA**, 28 Februari. - Pengeluar kereta China, Geely telah mencapai satu kejayaan besar dengan lebih 1,000 pesanan pembelian kenderaan untuk siri EX5 di Indonesia sejak pelancarannya, menunjukkan minat negara yang semakin berkembang terhadap kenderaan elektrik (EV) di negara ini.

Menurut kenyataan akhbar yang diterima daripada Geely pada Khamis, pesanan pembelian itu datang daripada pelbagai sumber, termasuk Indonesia International Motor Show (IIMS) 2025, pameran automotif terbesar negara ini, yang diadakan di Jakarta dari 13 hingga 23 Februari.

Semasa IIMS, rruai Geely menarik lebih 10,000 pengunjung, ramai yang menyertai sesi pandu uji Geely EX5. Jenama itu mendapat maklum balas positif daripada pengunjung, terima kasih kepada prestasi, keselesaan dan teknologi canggih EX5, menurut kenyataan akhbar itu.

Selain menjadi kegemaran ramai, Geely juga memperoleh anugerah 'Favorite Newcomer Brand' di Anugerah IIMS 2025, mengukuhkan lagi reputasinya sebagai jenama automotif yang berinovatif dan memfokuskan pelanggan.

Menurut kenyataan itu, Geely merancang untuk memulakan pengeluaran tempatan EX5 pada suku ketiga 2025 di Handal Indonesia Motor di Purwakarta, wilayah Jawa Barat, supaya pelanggan Indonesia dapat menikmati harga yang lebih kompetitif dan ketersediaan unit yang lebih cepat. - ©XINHUA

## Jutaan rakyat Amerika terdedah kepada air minuman tercemar

**ISTANBUL**, 27 Februari. - Jutaan rakyat Amerika minum air yang dicemari bahan kimia berbahaya, logam berat dan bahan radioaktif, lapor Anadolu Ajansi (AA) memetik laporan yang diterbitkan pada Rabu.

Laporan Tap Water Database yang diterbitkan oleh Environmental Working Group (EWG), sebuah pertubuhan bukan berdasarkan keuntungan yang berpangkalan di Washington, DC, meneliti data kualiti air daripada hampir 50,000 sistem bekalan air di seluruh Amerika Syarikat (AS) yang dikumpulkan antara 2021 dan 2023.

Ia mengenal pasti 324 bahan cemar, dengan hampir semua sistem air komuniti mengandungi tahap bahan pencemar yang boleh dikesan.

Walaupun tahap pencemaran kebiasaannya berada di bawah had undang-undang yang ditetapkan oleh Agensi Perlindungan Alam Sekitar (EPA), ia kerap melebihi piawaian berdasarkan kesihatan EWG, menimbulkan kebimbangan mengenai kesan kesihatan jangka panjang.

"Peraturan persekutuan yang lapuk terus menyebabkan jutaan orang terdedah kepada bahan berbahaya," kata Tasha Stoiber, saintis kanan di EWG.

Satu daripada kebimbangan utama ialah kehadiran bahan kimia kekal toksik-bahan kimia yang mengambil masa yang sangat lama untuk terurai, ditemui dalam air minuman lebih daripada 143 juta orang. Bahan kimia itu dikaitkan dengan kanser, kerosakan sistem imun dan masalah perkembangan.

Selain itu, air paip di seluruh Amerika Syarikat mengandungi sebatian organik meruap, nitrat dan arsenik, yang semuanya dikaitkan dengan kanser serta risiko kesihatan yang serius. - ©BERNAMA

## Ecuador isytihar darurat susulan hujan lebat

**QUITO**, 26 Februari. - Kerajaan Ecuador pada Selasa mengisyitiharkan darurat di lapan wilayah yang dilanda hujan lebat sepanjang musim hujan ini, menurut Pejabat Presiden, lapor Xinhua.

Wilayah yang terjejas termasuk kawasan pantai dan selatan negara itu, menurut kenyataan berkenaan.

Pengisyitiharan darurat itu akan membolehkan sokongan logistik daripada Kementerian Pertahanan serta menggerakkan semua peringkat kerajaan di kawasan kritis, selain pelaksanaan langkah segera lain.

"Keutamaan adalah melindungi nyawa rakyat, memastikan perkhidmatan asas tidak terjejas dan memberikan bantuan kepada komuniti yang berdepan banjir," menurut kenyataan Pejabat Presiden.

Setakat ini, 23 daripada 24 wilayah di negara itu telah dilanda hujan lebat sejak Januari, mengakibatkan tanah runtuh, banjir dan kerosakan struktur. Bencana ini telah meragut sembilan nyawa, merosakkan 4,232 kediaman serta menjelaskan 14,829 penduduk, menurut statistik terkini.

Institut Meteorologi dan Hidrologi Kebangsaan melaporkan hujan dijangka berterusan hingga Khamis dengan cuaca ekstrem lebih buruk diramal di kawasan pantai. - ©BERNAMA

## Sekatan pelancongan di Bukchon, Seoul akan dilaksanakan mulai Mac

**SEOUL**, 28 Februari. - Kerajaan Bandar Seoul pada Jumaat mengumumkan bahawa mulai 1 Mac, dasar sekatan pelancongan akan dilaksanakan di kawasan pengurusan khas Kampung Hanok Bukchon.

Denda akan dikenakan kepada pesalah yang melanggar peraturan itu, lapor Agensi Berita Yonhap.

Dasar itu bertujuan menangani isu pelancongan berlebihan. Pelancong hanya dibenarkan melawat kawasan khas Bukchon, yang dikenali sebagai 'Zon Merah', yang terletak di belakang

Perpustakaan Jeongdok, antara Istana Gyeongbok dan Istana Changdeok di daerah Jongno, pada 10 pagi hingga 5 petang.

Mereka yang memasuki kawasan itu untuk tujuan pelancongan di luar waktu yang dibenarkan akan dikenakan denda sebanyak 100,000 won (US\$67), menurut Pejabat Daerah Jongno.

Namun, penduduk berdaftar di Zon Merah, ahli keluarga, kenalan, pelanggan kedai, peniaga, tetamu penginapan, orang yang hanya melintasi zon tanpa sebarang aktiviti pelancongan, serta

kenderaan yang tidak digunakan untuk tujuan pelancongan tidak akan dikenakan denda.

Sekatan itu kali pertama diperkenalkan secara percubaan pada November lalu bagi mengelakkan gangguan kepada penduduk setempat.

Pejabat itu menjelaskan bahawa aktiviti pelancongan yang dilarang semasa sekatan termasuk mengambil gambar atau video, memerhati persekitaran, serta merayau di jalanan untuk tujuan pelancongan. - ©BERNAMA

## Presiden Malawi lantik Menteri Perdagangan baharu

**LILONGWE**, 27 Februari. - Presiden Malawi, Lazarus Chakwera pada Rabu mengumumkan pelantikan Vitumbiko Mumba sebagai Menteri Perdagangan Dan Industri baharu, berikutnya protes terhadap kenaikan harga yang mendadak, lapor Xinhua.

Presiden masih belum menamakan pengganti Mumba bagi jawatan Menteri Buruh-jawatan yang dipegang Mumba selama kurang daripada tiga bulan.

Malawi, sebuah negara yang

tidak mempunyai akses laut, sedang berdepan dengan inflasi tinggi yang meningkat kepada 28.5 peratus pada Januari, berikutan cuaca buruk yang menjelaskan pengeluaran pertanian dalam dua tahun lepas.

Presiden mengumumkan keputusan ini hanya sehari selepas ribuan peniaga yang membantah mengadakan perarakan ke parliment berikutan lonjakan harga pakaian terpakai.

Menjawab soalan daripada ahli parlimen, presiden berkata beliau

telah dimaklumkan mengenai kewujudan kartel yang cuba menggugat kestabilan negara melalui manipulasi harga beberapa barang strategik.

"Tekad saya dan misi saya adalah untuk membebaskan rakyat Malawi yang menderita daripada belenggu ekonomi kartel ini, tidak kira apa yang akan terjadi. Dan disebabkan tekad inilah saya melantik jurutera Vitumbiko Mumba sebagai Menteri Perdagangan Dan Industri yang baharu," katanya. - ©BERNAMA

## Gangguan meluas bekalan elektrik di Chile jejaskan jutaan penduduk

**MEXICO CITY**, 26 Februari. - Gangguan meluas bekalan elektrik melanda Chile pada Selasa, menyebabkan 19 juta penduduk terputus bekalan, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Menteri Dalam Negeri Carolina Toha menyeru orang ramai agar berteman, dengan menjelaskan bahawa gangguan itu bukan disebabkan serangan, sebaliknya berpunca daripada pemberhentian dalam sistem penghantaran di Wilayah Norte Chico.

"Saya menyeru supaya berteman dan memahami bahawa ini adalah kegagalan sistem, bahawa kita bukan menjadi sasaran serangan, dan

perkhidmatan dijangka dipulihkan dengan segera," katanya.

Menerusi media sosial, Pengarah Eksekutif Penyelaras Elektrik Kebangsaan Ernesto Huber mengesahkan punca gangguan sebagai kerosakan pada grid elektrik di Norte Chico dan memaklumkan usaha sedang dijalankan untuk memulihkan bekalan.

"Pemutusan litar dua hala 500 KV di kawasan Norte Chico, khususnya antara stesen jana kuasa Vallenar dan Coquimbo, telah menyebabkan gangguan dalam sistem elektrik kebangsaan dari Arica hingga Wilayah Los Lagos, mengakibatkan kehilangan

bekalan sepenuhnya dalam sistem elektrik negara," katanya.

Gangguan itu berlaku ketika Chile sedang mengalami gelombang haba, dan di beberapa bandar kecil seperti Lo Barnechea, Talagante serta La Florida, pihak berkuasa segera menyediakan bekalan air minuman.

Selaras gangguan berlaku, perkhidmatan kereta api bawah tanah segera dikosongkan, sementara lampu isyarat yang terpadam menyebabkan kesesakan lalu lintas di bandar-bandar utama. Satu flit bas elektrik turut dikerahkan bagi membantu pergerakan dalam bandar. - ©BERNAMA

**Siaran Akbar : Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam**  
 Foto : Hernie Suliana Haji Othman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 25 Februari. - Selected Stars MD92 dinobatkan sebagai juara setelah berjaya menewaskan Amitie dengan kiraan 3 – 2 pada peringkat akhir Kejohanan Badminton Berpasukan sempena Sambutan Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang Ke-51 Tahun malam tadi, bertempat di Dewan Riadah, Pusat Belia di ibu negara.

Keputusan tersebut sekaligus menjadikan Amitie di tempat kedua. Manakala Jotech dan Kawasaki, masing-masing berada di tempat ketiga.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang, Setiausaha Tetap (Kebeliaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin.

Juara menerima hadiah wang tunai berjumlah BND2,000,

sementara naib juara menerima wang tunai BND1,500, manakala tempat ketiga masing-masing menerima wang tunai BND500.

Antara lain objektif kejohanan berkenaan diadakan adalah bagi memeriahkan Sambutan Puja Usia DYTM Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah Ke-51 Tahun di samping mengeratkan silaturahim antara para pemain badminton di negara ini.

Kejohanan berkenaan merupakan anjuran Othman & Associates Consulting Engineers dan Pasukan Bola Sepak Selected Stars MD92 dengan kerjasama Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam dan Jabatan Belia dan Sukan, KKBS.

Sebanyak 10 pasukan menyertai kejohanan berkenaan yang melibatkan seramai 170 pemain dengan empat kategori dipertandingkan, iaitu Kategori Beregu Veteran 50 Tahun Ke Atas, Kategori Beregu Terbuka Lelaki, Kategori Beregu Lelaki Bawah 23 Tahun dan Kategori Beregu Terbuka Wanita.

## SELECTED STARS MD92 JUARA KEJOHANAN BADMINTON BERPASUKAN



SESI bergambar ramai pada Kejohanan Badminton Berpasukan sempena Sambutan Puja Usia Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang Ke-51 Tahun.

## Perlawanan Catur Persahabatan sempena Hari Kebangsaan



**PENGETUA Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanul Bolkiah (YSHHB)** semasa berucap.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 26 Februari. - Seramai 24 pelajar menyertai Perlawanan Catur Persahabatan antara Sekolah Rendah YSHHB, Dayang Hajah Hafizah binti Haji Salat dan Pengetua SMSIS, Chong Wee Meng. Turut hadir, Timbalan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
 Foto : Azmah Haji Ahad

(SMSIS) bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025, hari ini.

Perlawanan yang diadakan di Dewan Sekolah Rendah YSHHB ini bertujuan untuk memupuk semangat kesukanan, pemikiran kritis dan persaingan mesra dalam kalangan pelajar kedua-dua sekolah. Perlawanan ini akan memberi peluang kepada pelajar untuk mengembangkan kemahiran catur mereka di samping mengeratkan hubungan antara kedua-dua institusi.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat ialah Pengetua Sekolah Rendah YSHHB, Dayang Hajah Hafizah binti Haji Salat dan Pengetua SMSIS, Chong Wee Meng. Turut hadir, Timbalan

Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru Sekolah YSHHB, Pengiran Hira bin Pengiran Haji Md. Omar.

Antara objektif perlawanan tersebut diadakan adalah untuk meraikan Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41 melalui aktiviti yang bermakna dan mendidik dan menggalakkan pelajar melibatkan diri dalam permainan intelek dan strategik.

Selain itu, menggalakkan interaksi dan persaingan sihat antara pelajar dari sekolah yang berbeza dan meningkatkan kemahiran menyelesaikan masalah serta membuat keputusan melalui catur.

Perlawanan persahabatan tersebut diakhiri dengan penyampaian sijil kepada para peserta oleh Pengetua Sekolah Rendah YSHHB.



ANTARA pelajar yang menyertai Perlawanan Catur Persahabatan antara Sekolah YSHHB dan Sekolah Antarabangsa Seri Mulia Sarjana (SMSIS) bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025.

## Tanam minat sukan bola jaring kepada pemain baharu

Berita dan Foto : Ihsan Nurul Hazwani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 26 Februari. - Secara amnya, sukan bola jaring adalah sukan berpasukan yang mengandungi tujuh pemain. Setiap pemain diberikan posisi dan kedudukan tertentu di atas gelanggang, untuk menentukan corak permainan dan strategi

serangan serta pertahanan untuk mencapai kemenangan.

Sehubungan dengan itu, baru-baru ini diadakan Pertandingan Persahabatan Bola Jaring dan Teambuilding yang dianjurkan oleh Chillmix, iaitu Wannie, Nessa, Ruben dan Ayu bersempena dengan Sambutan



Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025.

Pertandingan berkenaan diadakan untuk mengeratkan lagi silaturahim tanpa mengira umur selain itu, ia juga merupakan projek pembangunan sukan bola jaring untuk jangka masa panjang sertamengenal pasti pemain berbakat, berpotensi dan belajarperaturan asas seperti pembahagian kedudukan di dalam gelanggang dan juga posisi pemain.

Pertandingan berkenaan disertai seramai 50 pemain, dibuat secara undian dan dibahagikan kepada lima pasukan dengan mengikut tema nama binatang laut iaitu Keli, Buntal, Udang, Ketam dan Kitang.

Permainan Teambuilding dimulakan sebagai pembuka acara untuk menguji para pemain dalam ketahanan mental dan kerjasama berpasukan. Acara kemudian diteruskan dengan Perlawanan Persahabatan Bola Jaring.

Johan dimenangi oleh Keli, diikuti oleh Buntal sebagai naib johan, manakala tempat ketiga milik Ketam.

Pertandingan berkenaan



SEKITAR Pertandingan Persahabatan Bola Jaring dan Teambuilding bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-41, Tahun 2025 (atas dan bawah kiri).

disokong dan dijayakan oleh Super Smash, Nanis Perfume, House of Apparelh dan Millionaire Ent Bouncer.

Dengan adanya perlawanan persahabatan berkenaan, diharap dapat memberi dan menanamkan rasa minat terhadap sukan bola jaring kepada pemain baharu dan dapat membantu memberi manfaat

kepada kesihatan tubuh badan dan juga kesihatan jantung.

Selain itu, koordinasi badan, mata dan tangan memainkan peranan penting dalam memastikan bola dapat disambut dengan baik untuk menyusun strategi permainan yang mencabar kemahiran setiap pemain.



ePaper Pelita Brunei



SEKITAR Aktiviti Sukan dan Riadah Ekspedisi Pendakian Bukit Patoi, Mukim Labu, Temburong bagi memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025 dan bersempena Semarak Hari Kebangsaan (kiri dan kanan).

**TEMBURONG**, Khamis, 27 Februari. - Bagi memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan (HK) Negara Brunei Darussalam (NBD) Ke-41, Tahun 2025 dan bersempena Semarak Hari Kebangsaan, Jabatan Daerah Temburong telah mengungkayahkan Aktiviti Sukan dan Riadah Ekspedisi Pendakian Bukit Patoi, Mukim

Labu, Temburong, hari ini. Acara tersebut diselaraskan dengan konsep Semarak Hari Kebangsaan bersesuaian dengan tema Sambutan Ulang Tahun HK NBD Ke-41, Tahun 2025 iaitu 'Bersatu Mencapai Cita Negara'.

Turut serta semasa ekspedisi pendakian tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah

Temburong, Awang Hassan Baha bin Haji Umar; Pemangku Penolong Pegawai Daerah Temburong, Dayang Nur Adlina binti Haji Azman; ketua-ketua cawangan jabatan-jabatan kerajaan, pemangku penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung, pemangku ketua-ketua kampung dan jemputan khas. Acara dimulakan

#### Berita dan Foto : Ihsan Jabatan Daerah Temburong

dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan doa, diikuti dengan senaman ringan, taklimat keselamatan pendakian dari Jabatan Perhutanan Temburong, ekspedisi pendakian dan diakhiri dengan upacara menaikkan bendera di kawasan puncak Bukit Patoi.

Dengan adanya acara seumpama ini diharapkan akan dapat menyuntik semangat patriotik dan menyemai semangat cintakan tanah air melalui aktiviti kesukanan dan kenegaraan di samping mengekalkan cara hidup sihat.

## Brunei DPMM FC menang 2-1 ke atas Hougang United FC

**SINGAPURA**, Rabu, 26 Februari. - Brunei DPMM FC menang tipis ke atas Hougang United FC dengan keputusan 2 - 1 pada siri perlawanan Liga Perdana Singapura (SPL) yang berlangsung malam tadi di Stadium Jalan Besar, Singapura.

Pemain penyerang Brunei DPMM FC, Davis Ikaunieks muncul wira bagi pasukan pelawat setelah berjaya menjaringkan dua gol pada malam berkenaan, manakala gol tunggal bagi Hougang United FC dijaringkan oleh Farhan Zulkifli.

Babak pertama perlawanan

menyaksikan Brunei DPMM FC dengan bijak mengatur serangan dan akhirnya menjaringkan gol menerusi Davis Ikaunieks seawal minit ke-20.

Hougang United FC seterusnya ditimpas musibah apabila terpaksa bermain dengan 10 pemain setelah Zulfahmi Arifin ditayangkan kad merah kerana didapati melakukan kekasaran dengan menyiku pemain pasukan lawan pada minit ke-39.

Pada separuh masa kedua pula menyaksikan Brunei DPMM FC dengan mudah mengawal

permainan dan melakukan beberapa serangan yang akhirnya membawa hasil.

Pada minit ke-60, Brunei DPMM FC berjaya menggandakan jaringan setelah pengadil menghadiahkan sepakan penalti yang dimanfaatkan dengan baik oleh Davis Ikaunieks.

Kedua-dua pasukan seterusnya saling berbalas serangan namun Brunei DPMM FC kurang bernasib baik setelah beberapa kontroversi mula merungkai.

Setelah melakukan beberapa sempakan menerusi video assistant referee (VAR), wasit mula menayangkan kad merah kepada pemain pertahanan Brunei DPMM FC, Muhammad Hanif Farhan Azman kerana melakukan sentuhan bahu ke bahu (*shoulder-to-shoulder contact*) dan seterusnya memberikan sepakan penalti kepada pasukan tuan rumah.

Namun, Hougang United FC gagal untuk memanfaatkan peluang keemasan berkenaan setelah sepakan Stjepan Plazonja tidak menepati sasaran pada minit ke-84.

Selang dua minit kemudian, Hougang United FC sekali lagi dihadiahkan sepakan penalti yang sekali lagi tidak dimanfaatkan

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Tangkap Layar Youtube Singapore Premier League

dengan baik oleh Stjepan Plazonja, namun sepakan berkenaan diputuskan oleh pengadil untuk dilakukan kembali setelah semakan daripada VAR membuktikan terdapat kesalahan pencerobohan (*encroachment*) semasa sepakan berkenaan dilakukan.

Sepakan penalti seterusnya dilakukan oleh Farhan Zulkifli yang akhirnya menewaskan penjaga

gawang Brunei DPMM FC pada minit ke-89.

Perlawanan kemudiannya semakin memanas, menyebabkan Nazirrudin Ismail dilayangkan kad kuning kedua, memaksa Brunei DPMM FC bermain dengan sembilan pemain, empat minit sebelum perlawanan berakhir.

Keputusan perlawanan kekal 2 - 1 sehingga wasit menutup wisel penamat.

## Tahukah Awda

**P**ERMOHONAN untuk mendapatkan Sijil Halal dan / atau Permit Halal adalah mandatori bagi pemilik perniagaan yang berkaitan dengan makanan di Negara Brunei Darussalam. Manakala permohonan Sijil Halal dan / atau Permit Halal bagi produk perubatan bukan oral, produk kosmetik, barang gunaan dan perkhidmatan logistik adalah voluntary. Pemilik hendaklah memastikan tempat perniagaan itu mempunyai sekurang-kurangnya dua orang Penyelia Halal yang diperakui oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) (Bab 4 (1) Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005).

SUMBER : [www.mora.gov.bn](http://www.mora.gov.bn)



AKSI para pemain pada Liga Perdana Singapura (SPL) yang berlangsung di Stadium Jalan Besar.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

BULAN RAMADAN BULAN YANG SANGAT ISTIMEWA